


[TELAH DISEMAK]

Jilid IV  
Bil. 49

Khamis  
29 Oktober 1998



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGKAL KEEMPAT  
MESYUARAT KETIGA**

## **KANDUNGAN**

<b>JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Ruangan 1 )
<b>RANG UNDANG-UNDANG</b>	
- Rang Undang-undang Perbekalan 1999	(Ruangan 15)
<b>USUL:</b>	
- Anggaran Pembangunan	(Ruangan 15)

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kewangan I, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas, Tun Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P.)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)

Yang Berhormat Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)

“ Menteri Luar Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

“ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)

“ Menteri Kesihatan, Dato’ Chua Jui Meng, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)

“ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)

“ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)

“ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

“ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

“ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

“ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhammad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- “ Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)

Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)

- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato' Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Punga, P.B.S. (Kapit)

Yang Berhormat Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)

- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)

Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)

- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Haji Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)

Yang Berhormat Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)

- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

**DEWAN RAKYAT****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan, P.S.D., J.S.D., K.M.N.
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha	:	Nor Hayatee binti Abdullah Haji Mustafa bin Abdul Rahman Ruhana binti Abdullah

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Hajah Supiah binti Dewak Mohd Saleh bin Mohd. Yusop Mohamed bin Osman Hajah Norishah binti Mohd. Thani Shamsina binti Janor Nora'ini binti Hetam Ramlah binti Mohd. Yusuff Miskiah binti Hassan
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

**CAWANGAN BENTARA**

Bentara Mesyuarat:	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh
--------------------	---	--

**MALAYSIA****DEWAN RAKYAT****Khamis, 29 Oktober 1998****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ong Tee Keat) *mempengerusikan mesyuarat*]****JAWAPAN-JAWAPAN LISAN**  
**BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN****POLISI DAN PROSEDUR PEMILIHAN ATLET**

1. **Tuan Zainal Abidin bin Haji Osman [Mersing]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah polisi dan prosedur pemilihan atlet ke suatu acara pertandingan di peringkat antarabangsa supaya tidak berlaku lagi kekecohan seperti skuad badminton kita dalam Sukom baru-baru ini. Apakah langkah yang diambil oleh Kementerian bagi membolehkan pemain-pemain Nusa Mahsuri diletakkan semula di bawah bumbung BAM.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil]:** Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya persatuan-persatuan sukan kebangsaan memilih atlet masing-masing untuk menyertai pertandingan antarabangsa berdasarkan kepada prestasi serta memenuhi syarat-syarat lain termasuk aspek disiplin. Dalam menghadapi Kuala Lumpur '98 - Sukan Komanwel Ke-XVI, Pasukan Badminton Malaysia telah dipilih berdasarkan kepada faktor-faktor yang disebutkan dan pemain Nusa Mahsuri, Roslin Hashim telah digugurkan dari senarai pasukan kerana tidak dapat memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Nusa Mahsuri sekarang ini difahamkan telah bergabung dengan Persatuan Badminton Selangor iaitu ahli gabungan Persatuan Badminton Malaysia dan boleh terus melatih pemain-pemain badminton. Persatuan Badminton Malaysia membuka peluang untuk pemain-pemain Nusa Mahsuri mewakili negara sama ada di atas nama kelab berkenaan ataupun di atas nama badan induk sekiranya pemain-pemain kelab tersebut memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Nusa Mahsuri boleh terus menjadi ahli gabungan persatuan negeri dan melatih pemain-pemain badminton tanpa berada secara langsung di bawah bumbung BAM.

**UDANG HARIMAU - PENGELUARAN DAN PENGEKSPORTAN**

2. **Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]** minta Menteri Pertanian menyatakan usaha-usaha yang telah dan akan diambil untuk membantu perkembangan industri pengeluaran dan pengeksporan udang harimau di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian telah dan sedang mengambil beberapa tindakan dalam usaha untuk membantu perkembangan industri pengeluaran dan pengeksporan udang harimau dalam negara ini. Tindakan-tindakan tersebut ialah:

- (i) menggalakkan penglibatan sektor swasta secara besar-besaran melalui konsep pembangunan bersepadu;

- (ii) mengenal pasti kawasan-kawasan yang sesuai untuk ternakan udang harimau;
- (iii) menggalakkan usaha-usaha pengeluaran dan pengasuhan benih secara komersial;
- (iv) mengadakan latihan yang berkaitan dengan bidang ternakan dan .... benih di pusat-pusat Jabatan Perikanan
- (v) meneruskan usaha penyelidikan dan pembangunan dalam bidang-bidang seperti pengawalan penyakit-penyakit, sistem ternakan dan pengurusan serta pengeluaran benih yang berkualiti;
- (vi) menjalankan khidmat nasihat teknikal dan pemindahan teknologi dari semasa ke semasa termasuk usaha meningkatkan dan mengekalkan kualiti udang yang akan diproses dan dieksport. Program ini dijalankan melalui khidmat nasihat di peringkat ladang, seminar serta kursus
- (vii) mengadakan garis panduan untuk amalan akuakultur secara mampan;
- (viii) menyebarkan maklumat mengenai kemudahan pinjaman melalui Tabung Makanan (Fund For Food) serta skim insentif pelaburan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1985 dan Akta Cukai Pendapatan 1997.

**Tuan Jimmy Donald:** Terima kasih. Saya ingin tahu dari Setiausaha Parlimen kerana saya difahamkan udang harimau dari Semenanjung tidak boleh di eksport ke Sarawak oleh kerana ada kuman atau penyakit. Oleh kerana itu penternak di Sarawak terpaksa mengimport dari Sabah. Jadi, apakah tindakan kementerian untuk menentukan udang-udang harimau yang digunakan oleh industri penternakan ini sihat, baik dan tidak menjejaskan perkembangan industri ini.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, Kita sedang ambil tindakan pemindahan udang-udang yang tertentu disebabkan penyakit udang. Malahan setelah menyekat, dahulunya kita import Thailand, dan malahan telah disekatkan dan tidak mahu diimport daripada Thailand lagi disebabkan penyakit udang yang begitu meluas.

Dalam hal ini pihak kementerian sedang menjalankan rawatan, mengadakan perkembangan tertentu untuk menentukan segala penyakit dapat dikawal dengan rapi. Terima kasih.

**Tuan Joseph Mauh anak Ikeh:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setakat ini berapakah tempat atau kawasan yang telah dikenal pasti baik untuk menternak udang harimau di Sarawak dan adakah kementerian memberi subsidi bagi petani-petani yang berminat untuk ternakan projek itu. Sekian, terima kasih.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Kawasan yang telah dikenal pasti di Sarawak luas sekali, malahan sekarang ini di Sarawak, hanya kita dapat mengeluarkan 150 tan setahun yang berjumlah lebih kurang RM4.5 juta pada hal di Sabah kita telah mengeluarkan 2500 tan yang melibatkan RM48.4 juta. Setakat ini pihak kementerian sedang mengenal pasti kawasan-kawasan di Sarawak untuk dijadikan kawasan ternakan udang malahan ternakan ikan.

Setakat ini pihak kementerian tidak mengeluarkan apa-apa subsidi disebabkan kita telah menyediakan pinjaman dari bank-bank tertentu, Bank Negara dengan menggunakan 3F. Saya percaya adalah begitu baik sekali memandangkan ia mengenakan faedah yang

begitu murah sekali, 4% dan saya percaya kalaulah Yang Berhormat ada kawasan-kawasan tertentu yang hendak dimajukan, sila berhubung dengan Jabatan Pertanian Sarawak. Terima kasih.

*[Soalan No. 3 - Y.B. Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) tidak hadir]*

#### LRT - KEBERKESANAN OPERASI

4. Tuan Haji Abdul Rahin bin Dato' Haji Mohd. Said [Kuala Nerus] minta Menteri Pengangkutan menyatakan sejauh manakah popularnya LRT dibandingkan dengan teksi dan bas. Apakah kajian telah dibuat bagi ketiga-tiga kemudahan ini untuk hari-hari tertentu, perayaan-perayaan tertentu dan apakah kesannya terhadap kesesakan Kuala Lumpur.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Dato' Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan LRT adalah satu sistem pengangkutan canggih yang baru diperkenalkan di ibu negara ini. Terdapat dua sistem LRT yang sedang menjalankan operasinya di ibu negara iaitu LRT 1 yang dikendalikan oleh STAR dan LRT 2 yang dikendalikan oleh PUTRA.

LRT I fasa I yang beroperasi dari Stesen Ampang hingga ke Stesen Sultan Ismail telah pun memulakan operasi komersilnya pada 16 Disember 1996 lalu. Fasa II sistem ini pula yang beroperasi dari Stesen Chan Sow Lin hingga Sri Petaling di perkampungan Sukom telah pun memulakan operasi komersilnya pada 11 Julai 1998 tahun ini iaitu sebelum Sukan Komanwel. Manakala LRT 2 seksyen I yang beroperasi dari depoh Lembah Subang ke Pasar Seni telah memulakan operasinya pada 15 Ogos 1998 juga sebelum Sukom tahun ini.

Oleh kerana sistem LRT ini baru sahaja diperkenalkan maka sudah tentulah operasinya belum dapat dicapai ke tahap yang memuaskan buat masa ini. Sungguhpun begitu usaha-usaha melalui media massa dari masa ke semasa dijangka akan dapat menarik orang ramai menggunakan perkhidmatan LRT ini dan untuk ke ibu kota dan tempat kerja.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu sebelum LRT 1 dan LRT 2 menjalankan perkhidmatan komersilnya yang dikenakan bayaran, orang ramai telah pun dipelawa untuk dapat datang dan mencuba perkhidmatan ini secara percuma dan sambutan yang diterima amatlah menggalakkan. Perkhidmatan percuma ini adalah untuk membiasakan kepada orang ramai tentang bagaimana hendak menggunakan sistem pengangkutan yang canggih ini di samping untuk menunjukkan sistem LRT adalah sistem yang selesa, selamat, cekap, cepat dan tepat masanya serta tanpa berhadapan dengan masalah kesesakan lalu lintas.

Sungguhpun begitu, apabila LRT menjalankan perkhidmatan berbayar selepas tempoh percuma tamat, bilangan orang ramai yang menggunakannya berkurangan. Ini bukan bermakna perkhidmatan LRT tidak popular tetapi sikap pengguna yang masih tidak mahu berubah iaitu masih gemar memandu sendiri ke tempat kerja dan juga ke ibu kota sedangkan mereka tahu akan kebaikan dan kecekapan sistem LRT ini kepada mereka dan perubahan sikap ini yang perlu dibuat sesuatu oleh kerajaan dengan melaksanakan beberapa program dasar yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kajian rasmi mengenai ketiga-tiga cara pengangkutan awam iaitu melalui LRT, bas dan teksi bagi hari-hari tertentu ataupun perayaan tertentu dan kesan-kesannya kepada kesesakan Kuala Lumpur belum lagi dibuat. Namun begitu, kejayaan LRT dalam Sukan Komanwel baru-baru ini sebagai sistem pengangkutan awam bagi membawa penumpang-penumpang ke kompleks sukan di Bukit Jalil adalah sangat mengagumkan dan telah mendapat pujian daripada orang ramai termasuk kerajaan. Sepanjang Sukom, LRT telah pun mengangkut penumpang-

penumpang di antara 160,000 hingga 250,000 orang sehari. Kejayaan LRT ini telah dapat mengatasi masalah kesesakan lalu lintas ke kompleks sukan di Bukit Jalil di samping dapat memberikan perkhidmatan yang cepat, tepat dan selamat. Masa menunggu oleh penumpang hanya 3 minit sahaja untuk mendapat perkhidmatan LRT. Setelah terbukti kemampuannya semasa Sukom adalah bertambah yakin bahawa perkhidmatan LRT mampu untuk mengendalikan penumpang-penumpang untuk apa-apa perayaan pun jika diperlukan kerana berkemampuan mengangkut hingga 300,000 orang sehari.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyatakan bahawa keberkesanan feeder service yang diberi oleh LRT menghantar penumpang dari taman perumahan ke stesen LRT merupakan satu punca yang tidak menggalakkan orang ramai menggunakan LRT dan juga memberi penjelasan apa telah terjadi kepada satu cadangan sebelum ini tentang tiket bersepadu (common ticketing) untuk LRT, KTM dan bas.

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar pada mulanya apabila LRT diperkenalkan iaitu selepas LRT fasa I dan II siap memang orang ramai beranggapan bahawa LRT tidak begitu cepat kerana feeder service dari bas-bas atau pengangkutan yang lain masih berkurangan tetapi hari ini kita dapat melihat pihak STAR dan pihak PUTRA telah pun dengan sendirinya menyediakan feeder service menggunakan bas, pengangkutan bas ke stesen-stesen LRT telah pun banyak dan hari ini kita mempunyai feeder service yang dijalankan di sepanjang laluan LRT dan feeder service ini dikendalikan oleh pihak PUTRA dan pihak STAR. Tambahan itu pula begitu banyak tempat parking di sesetengah stesen di luar bandaraya seperti Stesen Ampang, Stesen Dagang, Taman Mulia, Stesen Cahaya tempat ini mempunyai tempat parking yang mencukupi supaya orang dapat membawa kereta sendiri ke stesen-stesen yang tertentu sebelum mereka menaiki LRT. Pihak STAR dan pihak PUTRA yang mengendalikan perkhidmatan LRT ini telah pun memberi jaminan iaitu lebih banyak lagi feeder service melalui pengangkutan bas dapat diadakan. Sehingga kini kita dapat melihat aduan-aduan yang pada mulanya wujud telah pun kurang.

Mengenai common ticketing system, sekarang kerajaan sedang berunding dengan kedua-dua pihak iaitu PUTRA, STAR dan juga syarikat yang mengendalikan pengangkutan bas seperti Park May supaya satu ketetapan dapat dicapai untuk mengadakan satu common ticketing system ataupun mempunyai pengangkutan bersepadu di mana tiket yang dibeli untuk menaiki bas terus boleh digunakan untuk LRT tetapi buat masa ini adalah dalam perbincangan peringkat awal dan Dewan Bandaraya akan mengadakan lebih banyak lagi mesyuarat dengan pihak-pihak yang berkenaan dan kita harap perkara ini dapat satu ketetapan pada tahun hadapan, mungkin. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Abdul Rahin bin Dato' Haji Mohd. Said:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini saya menggunakan LRT dari Jalan Sultan Ismail dengan hajat untuk ke Bukit Jalil untuk melihat persiapan perhimpunan Barisan Nasional tetapi malangnya LRT itu hanya berhenti di Tasik Selatan dan terpaksa menggunakan feeder bas ke Bukit Jalil. Alasan yang diberikan adalah kerana ada penyuntingan filem, tidak tahu filem apa. Apakah kriteria apabila sesuatu laluan LRT itu diberhentikan sama ada kepentingan pelanggan yang diutamakan ataupun ada perkara-perkara lain yang diberi keutamaan.

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, pengalaman pahit yang dirasakan oleh Yang Berhormat memang satu keadaan yang luar biasa sebab bintang filem yang terkemuka seperti James Bond telah pun dapat datang ke negara kita untuk mengadakan filming dengan izin dan ini adalah publisiti yang baik untuk negara kita supaya kita dapat mempertingkatkan lagi pelancongan (tourism). Oleh yang demikian, dua hari itu LRT terpaksa berhenti di Stesen Tasik Selatan dan perkara ini bukan satu perkara yang lazim dan saya percaya kadangkala rakyat harus korban untuk kepentingan negara.

Walau bagaimanapun saya harap Yang Berhormat dapat memaafkan perkhidmatan yang terganggu. Sekian.

*[Soalan No. 5 - Y.B. Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara) tidak hadir]*

*[Soalan No. 6 - Y.B. Tuan Tiong Thai King (Lanang) tidak hadir]*

### BEKALAN ELEKTRIK LUAR BANDAR SARAWAK - PERLAKSANAAN

7. **Tuan Richard Riot anak Jaem [Serian]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:-

- (a) sejauh manakah peruntukan RM40 juta yang diperuntukkan untuk negeri Sarawak bagi projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) tahun 1998 telah digunakan, nyatakan kampung-kampung yang mendapat projek (BELB) pada tahun ini di daerah Serian; dan
- (b) adakah beliau berpuas hati dengan pencapaian pelaksanaan projek (BELB) di Sarawak.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar bandar [Datuk Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1998 di bawah program Bekalan Elektrik Luar Bandar Negeri Sarawak sebanyak 65 projek talian grid dan 11 projek solar sedang di dalam pelaksanaan dengan anggaran kos RM40 juta. Dari jumlah tersebut, tiga projek talian grid dan satu projek solar adalah bagi daerah Serian. Senarai kampung akan disampaikan kepada Yang Berhormat secara bertulis.

Kementerian berpuas hati dengan pencapaian pelaksanaan projek-projek bekalan elektrik luar bandar negeri Sarawak yang dilaksanakan secara konsep payung semenjak tahun 1995.

**Tuan Jacob Dungau Sagan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Pelaksanaan projek BELB khususnya projek mini hidro seperti mini hidro di Sungai Kejin dan Bario di kawasan saya di Baram telah mengambil masa yang panjang untuk dibina sebelum projek itu menjadi operational. Saya ingin tahu apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh kerajaan dalam usaha untuk melaksanakan projek mini hidro ini dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasinya. Sekian, terima kasih.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Baram. Mengenai projek mini hidro ini memang kita akan mengambil masa yang panjang untuk merancang kerana berbagai faktor harus diambil perhatian untuk menentukan projek-projek yang dijalankan ini adalah 'viable' dan dapat mencapai matlamat seperti mana yang dihasratkan oleh kerajaan iaitu dapat membekalkan bekalan elektrik kepada kampung-kampung yang berkenaan. Kita memang dari masa ke semasa menghadapi berbagai-bagai masalah tetapi tidak ada masalah yang begitu teruk sekali dan segala masalah itu telah juga diatasi dan kita berharap beberapa mini hidroelektrik yang telah dilaksanakan dapat berjalan seperti mana yang dirancangan.

**Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berkenaan dengan pembekalan BELB ini kerana di negeri Sarawak lebih kurang 5,000 buah kampung dan rumah panjang juga di mana penduduk berbilang kaum tinggal di merata-rata tempat di negeri Sarawak. Soalannya setakat ini berapakah peratus bekalan elektrik telah dibekalkan kepada kampung-

kampung dan rumah panjang itu dan adakah kementerian membuat survey secara terperinci berkenaan dengan pencapaian atau pelaksanaannya. Bilakah rumah panjang itu dapat diadakan semua bekalan BELB. Sekian, terima kasih.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Mengenai liputan di seluruh negeri Sarawak sekarang kita anggarkan kira-kira 72% seluruh kawasan luar bandar telah dijanakan dengan berbagai jenis bentuk elektrik sama ada dengan mini hidro, generator yang kecil, solar dan cara grid. Kita sedar bahawa masalah-masalah yang dihadapi di negeri Sarawak maka kementerian dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sarawak sekarang telah membuat satu penyelidikan yang terperinci supaya kita dapat mencari jalan untuk merancang bagaimana kita dapat menentukan liputan ke seluruh negeri dapat dipercepatkan sepenuhnya kerana untuk negeri Sarawak bukan semua tempat dapat menggunakan talian grid maka oleh demikian kementerian telah mengadakan sistem solar untuk kampung-kampung jauh di pedalaman ataupun di tepi pantai dan kita juga mengadakan generator kecil kepada kampung-kampung di pedalaman dan juga kita mengadakan rural sub-station dan mini hidro. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, generator yang kecil dan solar ini pun kemampuan dia terhad maka kalau kita hendak bekalkan untuk memenuhi kehendak menggunakan komputer dan sebagainya, itu adalah satu masalah. Maka sekarang kita membuat satu kajian yang terperinci dan kita harap tidak lama lagi kita dapat memberitahu kepada Yang Berhormat bila kita dapat menyediakan segala bekalan elektrik di seluruh negeri Sarawak. Terima kasih.

#### **BANGUNAN SEKOLAH/KOMPLEKS RUMAH GURU - KELUASAN TANAH**

8. **Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) keluasan tanah milik kementerian yang tidak dibangunkan dengan sekolah serta Kompleks Rumah Guru dan jumlah sekolah-sekolah (rendah dan menengah) yang ditutup mengikut negeri; dan
- (b) jumlah guru Bahasa Inggeris sedia ada dan diperlukan (taburan ikut negeri), apa usaha mengatasi kekurangannya.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada

- (a) keluasan tanah milik Kementerian Pendidikan yang belum dibangunkan adalah dianggarkan lebih kurang 5% daripada jumlah keseluruhan yang dianggarkan 71,000 ekar. Walau bagaimanapun sebahagian besar daripada tanah ini telah dirancang untuk dibangunkan dengan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-7 dan projek penswastaaan rumah guru. Jumlah sekolah menengah yang ditutup sejak tahun 1994 hingga 1998 adalah sebanyak satu buah, manakala 43 buah sekolah rendah telah ditutup dalam jangka masa yang sama.
- (b) Kementerian Pendidikan masih mengalami kekurangan guru Bahasa Inggeris seramai 4,153 orang di sekolah rendah dan 1,572 orang di sekolah menengah. Walau bagaimanapun terdapat guru-guru option lain yang berkebolehan mengajar Bahasa Inggeris. Ini bermakna kekurangan guru Bahasa Inggeris secara keseluruhan tidak kritikal. Kementerian Pendidikan telah pun melaksanakan pelbagai usaha bagi

mengatasi kekurangan guru bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris. Antara usaha tersebut ialah:

- (i) menambah pengambilan calon di bawah program Diploma Perguruan Malaysia (DPM) pada setiap sesi pengambilan;
- (ii) menumpukan pengambilan calon Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) dan Kursus Perguruan Lepas Diploma (KPLD) kepada bidang-bidang yang mengalami kekurangan guru;
- (iii) mengambil lebih ramai calon dari kawasan luar bandar dan negeri yang mengalami kekurangan guru;
- (iv) menempatkan semula guru-guru Bahasa Inggeris; dan
- (v) mengadakan latihan dalam perkhidmatan.

Terima kasih.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung kait dengan bangunan bekas asrama Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri semasa sekolah menengah dahulu iaitu bekas asrama Sekolah Menengah Undang Jelebu. Saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah kedudukan tawaran yang diberikan oleh kementerian bagi menggunakan bekas asrama 'kita' dahulu, lepas itu digunakan oleh Giat MARA dan sekarang akan disewakan kepada Syarikat Angkasa Tenggara Sdn. Bhd. untuk dijadikan asrama bagi menempatkan pelajar bagi Kuala Klawang Medical College. Apakah kedudukan mengenai kontrak penyewaan dan sewa yang ditawarkan dan bagaimana pula kedudukan rayuan yang telah dikemukakan oleh Syarikat Angkasa Tenggara Sdn. Bhd. untuk mengurangkan kadar sewa dan kononnya, sebanyak RM372,000 yang digunakan untuk renovation bangunan tersebut di'charge'kan kepada sewa secara pendahuluan.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, saya maklum tentang keadaan ini tetapi harta ataupun tanah itu masih dimiliki oleh Kementerian Pendidikan. Ini kegunaan untuk sementara waktu dan perkara-perkara detail yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu masih lagi di dalam penelitian kementerian.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu sama ada Kementerian Pendidikan bersedia menyumbang atau menjual tanah-tanah milik Kementerian Pendidikan kepada jemaah pengurus sekolah jenis kebangsaan khususnya di taman-taman baru di mana ada tanah lapang belum dibangunkan diserahkan kepada jemaah pengurus sekolah jenis kebangsaan untuk didirikan.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, kita memang ada satu konsep di mana sekolah-sekolah yang kita fikirkan sudah tidak sesuai lagi untuk murid-murid belajar dibangun atau dimajukan secara penswastan seperti Bukit Bintang Girls School. Ada beberapa sekolah yang telah pun kita laksanakan program-program penswastan tetapi ada caranya di mana sesiapa sahaja yang berhasrat untuk berbuat demikian dan di tempat-tempat yang kita dapati tidak sesuai lagi persekitarannya muktamadnya bergantung kepada tawaran yang boleh diberi oleh seseorang yang berminat kepada Kementerian Pendidikan – ringkasnya dia mesti tukar ganti, makna kata kalau kita beri dia mesti ganti sekolah kita dan kita mesti puas hati.

**MELANTIK DUA MENTERI KEWANGAN DAN  
MENTERI TUGAS-TUGAS KHAS – KEWAJARAN**

9. **Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) kewajaran beliau melantik dua Menteri Kewangan dan Menteri Tugas-tugas Khas (pembangunan ekonomi) dalam situasi ekonomi sekarang; dan
- (b) kesan langkah-langkah pemulihan ekonomi yang telah diambil.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) setiap menteri yang dilantik oleh kerajaan mempunyai tugas dan tanggungjawab tertentu. Menteri Tugas-tugas Khas adalah bertanggungjawab kepada pembangunan ekonomi. Menteri Kewangan adalah bertanggungjawab kepada dasar dan pengurusan kewangan negara. Pelantikan menteri-menteri yang berasingan ini ialah supaya pembangunan ekonomi negara dapat dilaksanakan dengan lebih menyeluruh dan berkesan.
- (b) Langkah-langkah yang telah diambil untuk memulihkan ekonomi telah menunjukkan kesan positif. Contohnya, rizab luar negara telah meningkat daripada 20.2 bilion Dollar pada akhir bulan Ogos kepada 22.99 bilion Dollar pada 22 Oktober 1998. Dagangan antarabangsa menunjukkan pencapaian yang baik di mana imbalan perdagangan bagi lapan bulan pertama 1998 menunjukkan lebih sebanyak RM32 bilion. Aktiviti-aktiviti ekonomi mula berkembang seperti peningkatan permintaan kereta dan lain-lain barangan konsumer. Begitu juga sistem kewangan kita telah bertambah kukuh, nilai Ringgit telah stabil dan tidak terdedah kepada spekulasi mata wang. Harga-harga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur juga telah stabil dan mula meningkat dan banyak lagi petanda yang menunjukkan ekonomi kita sedang pulih.

Tuan Yang di-Pertua, jelaslah bahawa langkah-langkah yang telah diambil itu kita dapat melawan tekanan asing dan mengekalkan kemerdekaan ekonomi kita. Namun demikian, kita perlu terus bersatu padu serta bekerja keras dan melakukan banyak pengorbanan untuk berjaya mengatasi kegawatan dan memulihkan ekonomi kita sepenuhnya.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah bukti Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong bersetuju secara bertulis terhadap pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar Ibrahim atas nasihat Perdana Menteri walaupun Perlembagaan memperuntukkan di bawah Artikel 43(5) Perdana Menteri mempunyai kuasa prerogatif melantik dan memecat seorang menteri.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, saya tengok Yang Berhormat ini dia hendak pergi balik ke belakang. Negara maju ke hadapan sebab negara kita merupakan negara demokrasi dengan Raja Berperlembagaan, jadi, bukan Raja absolute. Jadi, Yang Berhormat tanya apakah bukti bahawa Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong bersetuju ataupun tidak bersetuju, sebenarnya kita mengamalkan negara demokrasi Raja Berperlembagaan iaitu di mana apabila disebut bahawa Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong melaksanakan sesuatu atas nasihat bermakna itu adalah keputusan daripada kerajaan yang dipilih oleh rakyat untuk memerintah negara ini.

Jadi, soal sama ada kena ada bukti atau tidak ada bukti itu satu pertanyaan yang saya kira sama ada ada ataupun tidak ada, sebenarnya itu adalah keputusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan sebagai bukti bahawa sudah tentulah persetujuan telah dibuat oleh Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong ialah pada hari ini peletakan jawatan bekas Timbalan Perdana Menteri telah pun digazet. Jadi, saya harap supaya Yang Berhormat faham demokrasi negara kita. Jangan kita serah kuasa yang ada kepada rakyat itu kembali kepada cara lama, jadi ini akan mengelirukan pentadbiran negara kita. Dalam hal ini rakyat mempunyai suara muktamad, mereka yang memilih wakil mereka dan Perdana Menteri dipilih di kalangan wakil-wakil rakyat ini, jadi ini adalah kuasa kita. Saya harap supaya Yang Berhormat faham dan jangan menampakkan kembali seolah-olah Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong dan Raja-raja mempunyai kuasa dalam hal ini.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tengok di sini ada tiga menteri – Menteri Kewangan I, Menteri Kewangan II dan Menteri Tugas-tugas Khas untuk memulih ekonomi negara kita tetapi di kementerian terutama sekali di Kementerian Kewangan, masih banyak ada pegawai-pegawai dan staff yang taksub dengan bekas Menteri Kewangan yang lama yang boleh memainkan peranan yang negatif untuk menghalang kita daripada pemulihan ini. Adakah Yang Berhormat sedar dan adakah tindakan akan diambil ke atas mereka ini?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, dalam soal pembangunan ekonomi negara kita dan soal kewangan ini, dengan adanya tiga menteri iaitu dua Menteri Kewangan – I dan II, dan juga seorang Menteri Tugas-tugas Khas bagi pembangunan ekonomi, ini bermakna bahawa kita bersungguh-sungguh mahu berusaha untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh kita pada waktu ini, jadi pihak-pihak politician menunjukkan profesionalisme yang tinggi untuk kita bekerja ke arah mengatasi masalah kegawatan ekonomi yang dihadapi oleh negara kita pada ketika ini.

Dalam masa yang sama kita sedar iaitu bahawa mungkin ada di kalangan pegawai-pegawai yang taksub dengan bekas Menteri Kewangan. Nasihat kita kepada mereka ialah supaya mereka bersikap profesional, mereka harus faham bahawa individu datang dan pergi tetapi kerajaan itu tetap ada sama ada Kerajaan Barisan Nasional ataupun kerajaan apa sekalipun, kerajaan tetap ada. Mereka merupakan pegawai kerajaan, mereka harus menunjukkan satu profesionalisme yang tinggi iaitu dalam apa ketika sekalipun ketaatan mestilah kepada kerajaan dan bukan kepada individu.

Kalau mereka merasakan bahawa mereka tidak boleh lagi meneruskan kerja dengan kerajaan itu terpulanglah kepada mereka. Saya memberi jaminan di sini bahawa kita serius dalam usaha untuk mengatasi masalah kegawatan ekonomi. Kalau kita mempunyai bukti-bukti yang kukuh jelas menunjukkan bahawa ada pegawai yang bertindak secara negatif, itu adalah merupakan satu pengkhianatan kepada negara dan sudah tentu kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap mereka.

#### **PENSWASTAAN SISA PEPEJAL – KEDUDUKAN DAN LANGKAH PELAKSANAAN**

10. **Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)** minta Perdana Menteri menyatakan kedudukan penswastaan sisa pepejal di Kuala Lumpur. Apakah langkah-langkah yang dilaksanakan agar tapak pelupusan sampah-sarap seperti di Taman Beringin, Jinjang Utara dapat ditutup dengan secepat mungkin.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]:** Tuan Yang di-Pertua, Program Penswastaan Sisa Pepejal di Kuala Lumpur telah mula dilaksanakan pada 1 Januari 1997 melalui satu perjanjian interim di antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan Syarikat Alam Flora Sendirian Berhad. Pengambilan

alih pengurusan tapak pelupusan sampah oleh syarikat berkenaan telah dibuat pada 1 Ogos 1996. Mengenai tapak pelupusan sampah di Taman Beringin, Jinjang Utara pihak syarikat masih memerlukan tapak tersebut untuk melupuskan sampah yang hampir 3,000 tan sehari dan kapasiti penggunaan dijangka sampai ke tahap maksimum dalam tempoh satu tahun lagi. Kajian sedang dibuat bagi mengatasi masalah pelupusan sampah bagi jangka panjang untuk Kuala Lumpur.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat terangkan setakat ini bagaimana penduduk Kuala Lumpur akan membayar semua caj untuk pungutan sisa pepejal ini di Kuala Lumpur. Adakah bayaran cukai pintu akan dikurangkan untuk maksud ini ataupun pihak Dewan Bandaraya akan mengutip daripada setiap rumah untuk maksud pembuangan sampah ini.

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat mengkaji sama ada cara-cara yang digunakan di tapak pelupusan sampah di Taman Beringin itu mengikut cara yang ditetapkan iaitu dengan 'sanitary landfill', sebab walaupun jaminan dibuat oleh pihak Alam Flora dan juga pihak Dewan Bandaraya tetapi masalah pencemaran termasuk bau yang busuk masih berterusan. Maklumlah di Jinjang, masalah ini berterusan lebih dua dekad. Hanya Kepong sahaja yang menanggung masalah sampah-sarap lebih dua dekad iaitu 3,000 tan sampah dibuang di Kepong. Tetapi ada sembilan lagi kawasan Parlimen di Wilayah Persekutuan dan sepatutnya sama-sama kita menanggung masalah ini. Itulah soalnya. [Disampuk].

Tuan Yang di-Pertua, mereka tidak tahu apa soalan. [Ketawa].

**Datuk Dr. Ibrahim bin Saad:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali ialah soalan berkenaan dengan pembayaran cukai kutipan. Sebenarnya, inilah yang saya katakan perjanjian interim di antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Syarikat Alam Flora. Oleh sebab itu kita belum selesai lagi mengenai kaedah pembayarannya. Jadi buat sementara waktu dan juga tahun 1999 keadaannya sama iaitu cukai pintu dibayar seperti itu juga. Mengenai bayaran kepada Alam Flora akan dibuat oleh Dewan Bandaraya kepada Alam Flora. Kutipan cukai pintu adalah seperti sedia kala atau seperti biasa, maknanya tidak ada kutipan lain selain daripada kutipan cukai pintu sehingga perjanjian itu selesai dan mungkin kaedah yang baru akan dibuat. Tetapi pada tahun 1999 perkara itu belum selesai lagi.

Perkara yang kedua, mengenai 'sanitary landfill', apabila ada 'sanitary landfill' memanglah berbau sedikit. Bagi kawasan Kepong kita jangka masalah ini akan mencapai kapasiti sehingga satu tahun, bermakna ianya akan berbau setahun sahaja lagi. Selepas itu kita akan fikirkan hal-hal lain dan tempat itu mungkin akan dijadikan hanya sebagai stesen sementara untuk perpindahan. Berkenaan dengan tempat-tempat lain, kita di Kuala Lumpur ini seperti Yang Berhormat tahu mungkin tidak ada tempat lain untuk membuang sampah, tidakkanlah kita hendak membuang sampah dalam Kawasan Parlimen Bukit Bintang ataupun Lembah Pantai. Oleh sebab itu kita telah berpakat dengan Kerajaan Negeri Selangor untuk membuang sampah atau 'sanitary landfill' di kawasan luar dari Kuala Lumpur iaitu di Air Hitam. Jadi pada masa hadapan sampah-sarap ini akan dibuang di Selangor dan tidak lagi di Kepong. Terima kasih.

**Tuan Chang See Ten:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menerangkan sama ada dengan penswastaaan sisa pepejal ia dapat mencapai matlamat penswastaaan supaya dapat menjimatkan wang dan wujudkan kecekapan. Daripada tinjauan saya di Johor Bharu, saya dapati seperti di Majlis Daerah Johor Bharu Tengah pada masa lalu perbelanjaan tahunan adalah RM650 ribu setahun tetapi sekarang apabila diswastakan kepada Southern Waste Management Sendirian Berhad, pihak Majlis Daerah Johor Bharu Tengah perlu mengeluarkan perbelanjaan sebanyak RM970 ribu dengan perbandingan perbelanjaan

tersebut sebelum diswastakan dan selepas diswastakan sudah didapati bahawa tidak mencapai matlamatnya.

Efisiensi kerja penswastakan sisa pepejal di kawasan Majlis Daerah JBT semakin teruk dan banyak aduan yang diterima oleh Wakil Rakyat. Oleh yang demikian, saya berharap dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada perkara ini berlaku juga di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur selepas diswastakan kepada Alam Flora Sendirian Berhad.

**Datuk Dr. Ibrahim bin Saad:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai perbelanjaan untuk mengangkat sampah selepas 'penswastakan' perbelanjaannya masih lagi sama seperti dua, tiga tahun yang lepas iaitu RM95 juta kalau tidak salah saya, semua sekali bukan sahaja angkat sampah tetapi korek parit dan semuanya masih lagi seperti tahun 1997, 1998 dan 1999.

Dari segi keefisienan, maka sejak akhir ini memang kita tahu problemnya, sampah mesti dikutip setiap hari. Jadi sejak akhir ini kalau kita ambil kompelin itu sebagai petanda atau 'yard stick' kepada keefisienan maka kita nampak kurang sedikit kompelin itu. Apabila kurang kompelin mungkin juga ianya lebih efisien. Jadi keefisienannya naik sedikit.

*[Soalan No. 11 – Y.B. Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort) tidak hadir]*

#### KERUGIAN BANK BUMIPUTRA – USAHA KERAJAAN MENYELAMATKAN

12. **Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]** minta Menteri Kewangan menyatakan mengapa usaha kerajaan menyelamatkan Bank Bumiputra melibatkan penyuntikan RM1.1 bilion menerusi Khazanah Nasional Bhd. iaitu RM350 juta lebih dari angka RM750 juta yang diumumkan enam bulan sebelum ini dan apakah tindakan yang diambil terhadap mereka yang bertanggungjawab menyebabkan kerugian besar.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua, angka RM750 juta adalah angka yang diumumkan oleh Bank Negara Malaysia pada 3 Mac 1998. Jumlah ini adalah anggaran Bank Negara Malaysia di atas keperluan Bank Bumiputra Malaysia Berhad untuk meningkatkan kedudukan nisbah wajaran keuntungan modalnya ke tahap minimum 8%. Anggaran yang dibuat pada masa itu adalah anggaran sebelum tamat tahun kewangan Bank Bumiputra Malaysia Berhad yang berakhir pada 31 Mac 1998.

Keperluan modal yang dapat dipastikan selepas berakhirnya tahun kewangan dan selepas akaunnya diaudit ialah RM515 juta untuk menaikkan tahap RWCR BBMB ke tahap 8%. Pada 31 Mac 1998 tahap RWCR BBMM ialah 6.5%., dengan suntikan RM1.1 bilion oleh Khazanah Nasional Berhad, tahap RWCR BBMB bertambah baik, iaitu ke tahap 9.7%, suntikan yang besar ini adalah untuk menyusun semula modal melebihi tahap RWCR 8% untuk memenuhi keperluan perniagaan dan pertumbuhan pinjaman pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, segala pemberian pinjaman oleh pengurusan BBMB adalah berpandukan polisi pinjaman dan garis panduan BBMB di mana pemberian adalah melalui Lembaga Pengarah ataupun Jawatankuasa Kredit. Disebabkan kegawatan ekonomi yang melanda negara, beberapa pinjaman telah menghadapi masalah membayar balik pinjaman yang ditetapkan dan ini telah mengakibatkan bank terpaksa membuat peruntukan untuk hutang lapuk. Masalah ini bukanlah sahaja dihadapi oleh BBMB, tetapi keseluruhan industri kewangan di negara ini. Tindakan pemungutan di atas pinjaman yang tidak dapat menjelaskan hutang mereka sedang giat dijalankan oleh bank.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri sebenarnya telah jawab soalan ini. Oleh kerana kenyataan yang dibuat oleh Bank Negara pada Mac tahun ini ialah satu keperluan yang maksimum dan mungkin tidak perlu. Tetapi bukan sahaja maksimum dilebihi RM350 juta sampai RM1.1 bilion. Kenapa ini berlaku, apa hutang-hutang lapuk yang besar yang bersabit, kenapa ini tidak dilaporkan, diumumkan, dan kenapa tidak ada moral hazard atau tanggungjawab moral sesiapa pegawai dalam Bank Bumiputra sehingga perlu diselamatkan dengan wang rakyat tiga kali dalam 12 tahun. Bukankah ini menunjukkan bahawa kalau ada keuntungan ini dimiliki oleh bank-bank, tetapi kalau ada kerugian rakyat perlu menanggung. Bukankah ini sangat tidak bertanggungjawab?

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, beberapa peristiwa dalam tahun kewangan 1997 dan 1998 semenjak bulan September 1997 telah menyumbang kepada BBMB mencatatkan kerugian yang besar. Yang pertama ialah perubahan garis panduan Bank Negara Malaysia untuk menyenaraikan pinjaman tidak berbayar (non performing loan) daripada enam bulan kepada tiga bulan. Walaupun ianya dijadualkan untuk dilaksanakan dalam Tahun Kewangan 1998 dan 1999. Jadual pelaksanaannya telah dipercepatkan untuk merangkumi Tahun Kewangan 1997 hingga 1998.

Yang kedua, begitu halnya dengan kecairan yang ketat dialami oleh negara dalam tahun ini semenjak bulan September 1997.

Yang ketiga, ramai pelanggan BBMB telah menjadualkan semula pinjaman mereka. Dalam keadaan yang teruk ramai yang telah mendapatkan perlindungan di bawah seksyen 176 Akta Syarikat 1965. Jadi, akibat daripada kedudukan pinjaman tidak berbayar yang besar, kemerosotan nilai saham ataupun cagaran BBMB dikehendaki membuat peruntukan yang besar yang mana menjejaskan keuntungan keseluruhan untuk Tahun Kewangan 1997 hingga 1998. Ini merupakan masalah industri dan bukan sahaja dihadapi oleh BBMB, tetapi juga oleh industri kewangan yang lain.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat terangkan mengapa daripada lebih 40 bank di negara ini termasuk Malayan Banking, mereka tidak mengalami masalah seumpama Bank Bumiputra. Apakah sebabnya dan bolehkah Yang Berhormat terangkan apakah sebenarnya peratusan NPL untuk Bank Bumiputra?

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, peratusan NPL Bank Bumiputra itu ialah lebih kurang RM7 bilion ataupun 23 peratus daripada jumlah pinjaman keseluruhan RM30 bilion itu. Sebenarnya kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat itu institusi kewangan di negara kita itu, yang lain tidak menghadapi masalah kewangan, itu adalah tidak begitu tepat. Oleh kerana memang Danaharta telah mengenalpastikan institusi kewangan yang perlu dibantu di peringkat pertama, kedua, ketiga dan keempat berdasarkan kepada keburukan masalah dan keadaan yang berlainan. Semuanya telah ditentukan dan satu rancangan telah dijadualkan untuk kita membantu supaya segala masalah NPL itu dapat diselesaikan pada tahun 2000.

#### INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA – JUMLAH PELAJAR TEMPATAN/LUAR NEGARA

13. **Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) jumlah institusi pengajian tinggi swasta tempatan; dan
- (b) jumlah pelajar tempatan serta luar negara yang menjadi pelajar sepenuh masa institusi-institusi tersebut pada Ogos 1998. Adakah sebarang aduan mengenai perkhidmatan kurang memuaskan serta pengiklanan institusi-institusi tersebut.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada;

- (a) Bilangan institusi pengajian tinggi swasta yang telah diluluskan ialah sebanyak 577.
- (b) Jumlah pelajar sepenuh masa di IPTS hingga Jun 1998 ialah seramai 152,753 orang. Daripada jumlah tersebut, 150,863 orang merupakan rakyat Malaysia dan 1,890 orang terdiri daripada warga asing. Pada tahun ini sehingga 7 Julai 1998 sebanyak 72 aduan berhubung iklan palsu telah diterima, dan 33 daripadanya telah diambil tindakan. Daripada 12 aduan yang diterima mengenai perkhidmatan yang kurang memuaskan, 8 daripadanya telah diambil tindakan.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan tambahan IPTA dan IPTS negara kita akan dapat menambahkan tempat pengajian tinggi untuk generasi muda kita. Saya ingin dapat penerangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bagaimanakah kualiti pendidikan dapat diwujudkan dengan ambil kira jenis kursus yang diberikan supaya mereka tidak akan menghadapi masalah untuk mencari peluang kerja selepas tamat belajar dan tidak akan mewujudkan perasaan antisosial jika mereka tamat pengajian tetapi tidak dapat kerja.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, soal kualiti ataupun mutu dan nilai merupakan satu perkara yang tidak boleh kita tolak ansur dalam memberikan ilmu dan pengetahuan di dalam sistem pendidikan kita. Oleh kerana itu, kita sentiasa menekankan terutama sekali kepada institusi-institusi pengajian tinggi swasta supaya mengambil tindakan untuk menerapkan unsur-unsur dan nilai-nilai yang baru seperti jenis-jenis kursus yang mereka tawarkan hendaklah sesuai dengan keperluan sekarang dan akan datang di mana kita memberikan penekanan yang begitu tinggi dan kuat terhadap soal sains dan teknologi ataupun mata-mata pelajaran sains dan teknologi.

Yang keduanya, dari segi tenaga perguruan mereka juga, kita telah menekankan perlunya diperbaiki dengan mengadakan kursus-kursus sama ada secara persendirian oleh setiap institusi pengajian tinggi swasta terutama sekali ataupun boleh dibuat secara bersepadu melalui persatuan-persatuan yang mereka ada seperti Persatuan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta Bebas (NAFE) dan Persatuan Kolej-kolej Swasta Malaysia (MAPCO) dan kita juga menekankan perlunya dipertingkatkan kemudahan-kemudahan asas terutama sekali dari segi pusat-pusat sumber yang perlu dibekalkan dengan keperluan-keperluan yang terkini untuk keselesaan pelajar-pelajar belajar.

**Datuk Lim Si Cheng:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Dengan bertambahnya bilangan institusi pengajian tinggi, sudah tentu mereka akan menghadapi tenaga pengajar. Jadi, soalan tambahan saya, ingin saya meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan cara untuk mereka mengatasi masalah kekurangan tenaga pengajar di institusi pengajian tinggi. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak jelas sama ada IPTA ataupun IPTS, namun demikian keseluruhannya pada masa ini yang penting dipertekankan ialah tenaga itu sentiasa boleh didapati di dalam negara kita ini, kalau pun langsung tidak ada, kita boleh benarkan seperti yang telah kita benarkan dibawa dari luar negara tetapi itu di dalam perkara-perkara yang khusus dan kritikal sahaja.

Kita juga ada menasihatkan terutama sekali IPTS supaya mengambil langkah dan merencanakan secara betul dan tepat dari segi keperluan tenaga perguruan mereka, memandangkan bertambahnya institusi-institusi ini dari satu masa ke satu masa dan bertambahnya bilangan pelajar-pelajar yang berada di IPTS terutama sekali.

**DANAHARTA SDN. BHD. – JUMLAH MODAL**

14. **Dr. Yap Yit Thong [Lumut]** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah modal yang diperlukan untuk menampung pengurusan Danaharta Sdn. Bhd dan dari mana modal ini akan didapati.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan terdapat empat Ahli Yang Berhormat mengemukakan soalan yang menyentuh isu yang serupa, saya memohon menjawab soalan daripada Yang Berhormat dari Lumut ini bersekali dengan soalan Yang Berhormat daripada Hulu Terengganu yang dijadualkan dijawab pada 24 November 1998 dan soalan-soalan daripada Yang Berhormat dari Ledang dan Yang Berhormat dari Bagan yang dijadualkan dijawab pada 3 Disember 1998.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah pembiayaan keseluruhan yang diperlukan oleh syarikat Danaharta ialah sebanyak RM15 bilion di mana RM1.5 bilion dibiayai oleh kerajaan sebagai ekuiti dan selebihnya sebanyak RM13.5 juta akan diperolehi daripada sumber-sumber lain termasuk pinjaman dari bank dan penerbitan bon-bon Danaharta kepada institusi-institusi kewangan tempatan.

Sehingga pada 21 Oktober 1998, Danaharta mempunyai ekuiti berbayar sebanyak RM250 juta dan ekuiti tambahan RM1.25 juta oleh kerajaan pada tahun ini. Sehingga tarikh 21 Oktober 1998 ini, Danaharta telah pun memperolehi dan mencapai persetujuan untuk mengambil alih dan menguruskan pinjaman tidak berbayar (NPL) dengan jumlah melebihi RM7 bilion.

Bagi peringkat pertama iaitu pada suku tahun bermula Oktober 1998 ini sebanyak dua belas institusi kewangan yang telah berurusan dengan Danaharta. Daripada jumlah itu sebelas telah menandatangani perjanjian-perjanjian bersyarat untuk suntikan modal dengan Danamodal Nasional Berhad (Danamodal). Pada 21 Oktober 1998, lapan daripada sebelas institusi kewangan berikut telah mendapat suntikan modal daripada Danamodal sebanyak RM4.5 bilion. Institusi kewangan yang telah diberikan suntikan adalah seperti berikut:

<u>Institusi Kewangan</u>	<u>Jumlah Suntikan Modal RM [juta]</u>
Arab Malaysian Bank Berhad	800
Arab Malaysian Finance Berhad	500
Arab Malaysian Merchant Bank Bhd	400
BSN Commercial Bank Berhad	210
Oriental Bank Berhad	150
United Merchant Finance Berhad	800
Sabah Bank Berhad	140
RHB Bank/Sime Bank Berhad	1,500

Setakat 30 September 1998 jumlah pinjaman yang telah diberikan oleh institusi perbankan untuk IKS adalah sebanyak RM67,300 juta atau 16% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan.

Tuan Yang di-Pertua, Danaharta akan menyediakan laporan dwi-tahunannya yang merangkumi statistik seperti jumlah pinjaman dibeli dari sektor ekonomi dan jumlah pinjaman dibeli dari setiap institusi kewangan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Masa sudah cukup untuk soal jawab.

*[Masa untuk Pertanyaan Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 3,5,6,11 dan 15 hingga 22 akan dijilid dalam buku berasingan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1999**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua**

**Dan**

**USUL**

#### **ANGGARAN PEMBANGUNAN 1999**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1999 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis."

"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1999, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada RM18,053,037, dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1999, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1999 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 23 Tahun 1998 adalah diuntukkan di bawah Maksud-Maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersementaraan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut" [28 Oktober 1998]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Ahli Yang Berhormat dari Bintulu, diminta sambung.

**11.05 pg.**

**Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini mengenai jalan-jalan di Kampung Nyalau, jambatan-jambatan boleh runtuh jika kerja membaiki tidak segera dijalankan sebelum keadaan bertambah teruk. Sekali lagi jalan menghubungkan tiga kampung tidak ada, projek jalan memang diperlukan dan ramai penduduk terpaksa berjalan meredah hutan dan mengambil masa lebih satu jam bagi jarak yang boleh dibuat dalam masa sepuluh minit.

Terdapat juga beberapa cabang Jalan Bintulu/Tatau di mana keadaan jalan sangat teruk dan perlu segera diperbaiki dan dinaiktaraf seperti Jalan Panjang hanya satu kilometer menuju ke rumah panjang, Rumah Lumpuh, Rumah Sampai, Rumah Mandau lebih kurang empat kilometer dari pekan Tatau.

Jika jalan ini tidak diperbaiki segera lambat laun ia tidak boleh dilalui, penduduk-penduduk telah tinggal di sana sebelum kedatangan tentera Jepun. Penduduk-penduduk kampung dan rumah panjang mengadu bahawa sungguh mengejutkan apabila disedari bahawa dalam tempoh 15 tahun terakhir ini keseluruhan kawasan utama hutan berpuluh-puluh ribu hektar di kawasan Bintulu telah ditebang dan dijadikan salah satu ladang kelapa sawit terbesar dan barangkali satu lagi ladang pulpa dan kertas di Bahagian Bintulu. Tetapi penduduk-penduduk kampung dan rumah panjang tidak memperolehi apa-apa pun, apatah lagi jalan raya yang baik.

Hari ini apabila hutan telah dibersihkan, penduduk kampung dan rumah panjang semakin sukar untuk mendapatkan kayu dan papan untuk membina rumah panjang dan

rumah kampung. Banyak rumah panjang di kawasan ini sangat kekurangan bahan bina rumah. Rumah panjang seperti Rumah Medan, Rumah Lumpuh, Rumah Sampai dari Jalan Bintulu/Tatau dan Rumah Segiong dan lain-lain rumah panjang di kawasan Sebeban dan Rumah Randi dan lain-lain dari kawasan Semanok di mana bukan sahaja bahan binaan, jeti atau dermaga berlabuh di tepi sungai dan siar kaki menghala ke rumah panjang sangat kurang.

Malaysia telah banyak kemajuan sejak beberapa dekad lepas, tetapi banyak kawasan pedalaman Sarawak masih kekurangan kemudahan asas, sama ada tidak ada jalan atau kekurangan jalan yang sesuai, maka pengangkutan sangat sukar dan mahal bagi penduduk-penduduk miskin luar bandar.

Bagaimana kita boleh mengatakan yang kita telah maju atau membangun sedangkan penduduk kampung tidak mampu membina rumah panjang yang murah ataupun jalan raya tidak ada di situ. Apa lagi hendak dikatakan jika mereka masih tidak ada bekalan air paip, elektrik dan kemudahan asas yang lain.

Saya ingin menggesa kerajaan supaya mengambil perhatian berat dan mendalam mengenai masalah rakyat luar bandar di Sarawak dan bertindak serius untuk memastikan mereka dibawa ke dalam arus perdana Malaysia moden abad ke-21.

Salah satu cara yang boleh membantu mereka ialah membantu mereka membantu diri sendiri, mereka memerlukan pengiktirafan hak mereka di atas tanah mereka. Pada hari ini banyak tanah NCR terancam kerana diambil untuk membangunkan sebagai ladang besar kelapa sawit atau hutan kayu kertas. Kaum bumiputera sangat menghendaki tanah mereka diukur dan dikeluarkan surat hakmilik berasingan supaya mereka boleh bercucuk tanam sendiri dan menjadi pemilik sendiri.

Saya pasti kaum bumiputera berkemampuan memandangkan bahawa mereka telah membangunkan tanah tersebut seluruh hidup mereka sehinggalah mereka menjadi tuan tanah sendiri, jika tidak mereka hanya bekerja di bawah tuan ladang, di mana jika kaum bumiputera tidak gemarkan gaji, mereka boleh mendapatkan guna tenaga murah dari Indonesia. Penduduk-penduduk rumah panjang di Seremban dan Semanok mempunyai sejarah panjang sendiri. Kejayaan mereka sebagai pekebun kelapa yang mereka tarik dengan menggunakan bot panjang melalui laut untuk dijual di Bintulu. Tetapi apakah jaminan yang mereka ada apabila tanah yang mereka duduk dan bangunan selama berpuluh tahun, masih belum diukur. Surat hak milik tidak dikeluarkan kepada mereka.

Sebaliknya saya ingin menggesa supaya usaha giat oleh Jabatan Pertanian dijalankan bagi mencurahkan kemahiran bertani kepada pekebun-pekebun luar bandar untuk membangunkan pusat kegiatan desa dan membawa ke dalam arus perdana, pengeluaran barang pertanian seperti menanam sayur-sayuran. Ramai penduduk luar bandar memerlukan kemahiran untuk menanam sayur-sayuran secara komersial kecil. Pada masa ini mereka mengutip hasil hutan, sayur-sayuran pula dibeli daripada bandar. Kita perlu bekerja, berganding bahu dengan pekebun-pekebun luar bandar bagi memastikan mereka mempelajari dan mengamalkan kemahiran perkebunan moden. Mereka perlu belajar bagaimana membuat batas untuk menanam sayur. Tidak ada sebab mereka tidak boleh bercucuk tanam sayur-sayuran dan cash crop dengan izin, dan mengajar mereka menjual hasil tani di bandar untuk mencari pendapatan. Kerajaan hendaklah menganjurkan lawatan sambil belajar untuk mereka dan menyaksikan sendiri bagaimana orang lain mengusahakan perkebunan sayur komersial kecil. Bawa mereka saksikan dan mempelajari sendiri, tunjuk ajar kepada mereka bagaimana menggunakan racun perosak dan menguruskan kebun mereka.

Pihak jabatan hendaklah memantau kegiatan penduduk ini dan membuat susulan selalu untuk memastikan generasi pekebun luar bandar dibangunkan. Pada masa sekarang

tidak banyak dilihat pembangunan perkebunan sayur di kawasan luar bandar Sarawak, lebih-lebih lagi di Bintulu diusahakan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kegawatan ekonomi negara memberi kesan negatif yang besar ke atas ekonomi kawasan bandar tetapi kawasan luar bandar tidak dikecuali. Ramai yang telah hilang pekerjaan sekarang. Saya ada senarai 47 kerja mahir syarikat pembalakan, pemandu lori, mekanik, pemandu traktor, operator-operator penyadur, tukang kimpal dan lain-lain dengan pengalaman bekerja purata lapan ke sepuluh tahun, tetapi kini sudah menganggur. Mereka datang dari rumah panjang sekitar kawasan Tubau dan telah bekerja dengan banyak syarikat pembalakan dalam kawasan sejak banyak tahun. Hari ini mereka mendapati diri mereka tiba-tiba sudah menganggur. Saya diberitahu bahawa mereka telah diganti dengan pekerja-pekerja asing dari negara jiran. Mereka minta kerajaan campur tangan supaya mereka boleh mendapat balik kerja mereka.

Mereka berkata, oleh kerana syarikat balak yang beroperasi dekat kawasan rumah panjang, sepatutnya syarikat memberi keutamaan penduduk tempatan dalam memberikan pekerjaan dan bukan pekerja asing. Mereka menerima pukulan teruk sekarang akibat kejatuhan ekonomi. Kebanyakan mereka membuat pelaburan dalam sektor perumahan di bandar Bintulu dan belanja untuk menghantar anak mereka di sekolah Bintulu, sangat tinggi juga. Tanpa kerja mereka nanti akan jatuh bankrap dan masalah semakin teruk dan merumitkan.

Banyak sudah kita cakap pasal teknologi maklumat (IT) dan pembangunan Koridor Raya Multimedia dan Kampung Siber di Sarawak. Saya ingin menggesa kerajaan merealisasikan teknologi maklumat untuk rakyat luar bandar. Saya mendapati ini satu langkah utama yang mana kita boleh membawa rakyat luar bandar ke situasi-situasi masa kini. Ini akan membuka dunia ilmu pengetahuan dan maklumat supaya mereka tidak merasa terpinggir dan ketinggalan. Satu sebab mengapa kawasan luar bandar tertinggal ke belakang ialah kerana kurang maklumat. Maklumat begitu penting untuk meningkatkan mutu kehidupan rakyat luar bandar. Maklumat boleh membawa transformasi kepada mereka dan oleh mereka. Ia boleh menyelamatkan nyawa. Sudah pun ada tema "IT Untuk Semua", tetapi saya suka menegaskan "IT Untuk Desa". Jika ia digunakan sepenuhnya ia boleh mengatasi masalah jarak jauh dan menjimatkan banyak wang ke atas perjalanan penduduk luar bandar yang sudah pun miskin.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesyuarat*]

Adalah satu ironi di samping saya boleh berkomunikasi dengan rakan-rakan saya seluruh dunia begitu murah dan pantas, tetapi jika saya hendak jumpa rakan saya di rumah panjang saya terpaksa berjalan sehari dalam bot ekspres dan bot panjang. Berapa banyak petrol dan masa dihabiskan. Jika kita tidak boleh membawa pembangunan teknologi maklumat negara kita ke masyarakat luar bandar, maka kita telah gagal dalam objektif, jika pembangunan IT kita, kita tidak memaksimum kegunaan sepenuhnya. Saya suka mencadangkan bahawa projek kilat ini ditubuhkan di negara kita, di Sabah dan Sarawak pula, menjadikan IT untuk desa. Satu realiti dalam tahun akan datang. Saya tidak bermaksud bahawa hanya 'kiosk' IT untuk kegunaan di luar bandar. Saya maksudkan satu pilot projek komuniti kilat di luar bandar yang mempunyai semua kemudahan seperti kemudahan IT di bandar. IT untuk semua dan janganlah kita hanya buat untuk bandar sahaja. Inilah satu perkara yang boleh menukarkan keseluruhan gambaran komuniti luar bandar kita ke dalam komuniti bestari yang mana kita dalam bandar boleh mempelajari antara satu sama lain. Walaupun ini satu pelaburan berat di peringkat permulaan tetapi apabila ditimbang dari segi obligasi sosial dan jangka masa, pelaburan ini ada banyak nilai berbanding dengan pelaburan yang kita sudah buat.

Tuan Yang di-Pertua, masa berlalu begitu pantas, kini sudah 20 tahun Malaysia LNG di Bintulu, Sarawak. Penubuhan MLNG di Bintulu telah menjadi dan masih

merupakan satu sumber hasil terbesar bagi negara Malaysia dan Sarawak, terutama di Bintulu telah memainkan peranan membawa kemakmuran kepada negara kita pada hari ini. Tetapi jika ditinjau ke belakang 20 tahun lalu, apa yang MLNG sumbangkan kepada rakyat Bintulu, kepada penduduk luar bandar dan saya baru perkatakan tadi. Dan kepada kawasan bandar Bintulu, MLNG telah menggunakan lapangan terbang Bintulu lama sejak 20 tahun dan benar ia menjadi pengguna utama selama 20 tahun. Selama itu kita telah menggesa dan meminta sehingga hari ini saya masih meminta supaya dibina sebuah lapangan terbang baru Bintulu tetapi sehingga kini masih belum menjadi kenyataan kecuali di atas papan lukisan.

Dalam Dewan ini saya pernah berkali-kali mengesahkan betapa pentingnya sebuah lapangan terbang baru dibina di Bintulu, jika dipandang dari sudut faedah ekonomi, komitmen sosial, syarikat membuat wang yang besar dari sumber asli kita dari segi pembangunan bandar, gangguan lapangan terbang masa kini kepada ribuan pelajar sekolah dan penduduk yang tinggal berhampiran serta keselamatan mereka. Apabila tragedi udara Tawau berlaku dalam tahun 1995 di Sabah, Kementerian Pengangkutan menyatakan bahawa lapangan terbang baru Bintulu boleh disiapkan dalam tempoh dua tahun. Dengan segala wang yang MLNG perolehi dari Sarawak dan tidak nampak mengapa MLNG tidak boleh memberi sumbangan kepada membina sebuah lapangan terbang baru untuk Bintulu. Jalan Tanjung Kidurung yang dibina untuk MLNG dan digunakan kebanyakannya oleh MLNG selama 20 tahun ini saya masih belum menyaksikan membelanjakan duit untuk menaik taraf atau mengetar jalan termasuk memotong rumput yang sudah panjang sekarang malah setengah kakitangan MLNG pernah menemui kemalangan di atas jalan barulah mereka memotong rumput. Berapa banyak biasiswa MLNG hadiahkan kepada anak-anak tempatan kecuali satu atau dua setiap tahun.

Saya ingat, sebelum MLNG ada didapati Syarikat Shell dan mereka telah membantu anak tempatan dengan berkongsi dan membelanjakan balik wang yang diperolehi kepada masyarakat. Banyak perkara yang MLNG boleh perbuat dan patut perbuat untuk Bintulu dan Sarawak. Baik untuk sosial, rekreasi, pendidikan dan lain-lain, tetapi semua ini tidak berlaku dan tidak hairanlah rakyat Bintulu kurang merasai megah, bangga, mesra dan rapat dengan MLNG.

Beberapa minggu lalu saya difahamkan terdapat satu rancangan untuk mengurangkan kakitangan bukan eksekutif, bukan teknikal, di MLNG Bintulu. Telah pun ada tinjauan serta temu duga dibuat serta mengisi senarai aktiviti kakitangan ini. Ini menimbulkan keresahan dan lemah semangat di kalangan kakitangan syarikat. Kerana kebanyakan kakitangan adalah penduduk Sarawak yang telah berkhidmat dengan syarikat selama bertahun-tahun, mereka membantu MLNG membuat keuntungan berbilion setiap tahun. Jadi mengapa harus dikurangkan kakitangan bukan eksekutif, bukan teknikal, bukanlah company ini ada menghadapi kerugian atau financial crisis.

Keuntungan pada tahun 1997 untuk MNLG adalah 27%. MLNG berkembang maju di Bintulu dan saya difahamkan, pembinaan loji No.3 MNLG akan bermula tidak lama lagi, dan sudah pasti lebih ramai kakitangan bukan eksekutif, bukan teknikal (BEBT) diperlukan. Mengapa mengurangkan kakitangan berpengalaman ini, mereka patut dikekalkan untuk kebaikan syarikat. Ulang tahun ke-20 MNLG juga bermakna sudah 20 tahun syarikat menjalankan usaha sama yang meliputi Kerajaan Sarawak. Sekarang dijangka akan tamat. Inilah masa kajian semula dibuat mengenai peranan dan sumbangan MLNG kepada Bintulu dan kepada Sarawak. Yang jelas hanya amat kecil sahaja sumbangan yang dibuat. MLNG mesti membuat sumbangan besar kepada Bintulu dan Sarawak bagi menjadikannya lebih relevan dan bermakna kepada rakyat Bintulu, supaya satu hari kita boleh berbangga terhadap MLNG dan sumbangan hebat yang telah diberikan kepada masyarakat Bintulu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri mengenai bukti secara bertulis oleh Agong atas pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri tadi, isu ini ialah soal Perlembagaan, sama ada ia dipatuhi. Negara demokrasi kita patutlah 'rule of law', dan Perlembagaan diikuti bukan 'rule by law' mengikut hati orang. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tanjong Karang.

11.25 pg.

**Tuan Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tadi bangun hendak tanya penjelasan.

Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di Pertua kerana beri peluang kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan pagi ini. Tuan Yang di Pertua, beberapa strategi telah pun digariskan sebagai tumpuan utama untuk belanjawan yang dibentangkan di Parlimen pada Jumaat yang lalu.

Yang pertama, belanjawan tersebut menggalakkan kegiatan ekonomi dan melindungi ekonomi dari kesan jangkitan krisis kewangan serantau untuk mestabilkan pasaran kewangan dan nilai ringgit.

Kedua, memperkukuhkan ketahanan dan daya saing ekonomi negara.

Ketiga, menyusun semula sektor kewangan, memperbaiki pengurusan di sektor awam dan swasta,

Keempat, mengukuhkan lagi imbalan pembayaran.

Kelima, memastikan kesejahteraan sosial.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu sesuatu yang menarik bagi tahun hadapan ialah pendapatan cukai tahun hadapan tidak akan dicukai, ini disebabkan kutipan cukai akan berubah dari tahun taksiran sebelum kepada tahun taksiran semasa. Inilah satu-satunya peluang kepada sesiapa sahaja individu mahupun syarikat untuk bertungkus lumus merebut peluang, untuk membuat beberapa

banyak keuntungan kerana tidak akan dicukai. Kegiatan ini dijangka meningkatkan lagi produktiviti keseluruhan negara kerana ahli-ahli perniagaan terutamanya akan meningkatkan lagi kegiatan mereka dalam tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi program-program yang disusun oleh kerajaan untuk memberi kesenangan bagi membantu rakyat. Tuan Yang di Pertua, sebelum saya meneruskan ucapan, saya ingin meluahkan rasa kekesalan saya sewaktu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentangkan belanjawan tempoh hari yang telah dikacau oleh Jelutong dan tadi pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bintulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Jelutong - tidak ada, wakilnya dari Bintulu tadi membangkitkan soalan mengenai kesahihan perlucutan jawatan bekas Menteri Kewangan. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat dari Jelutong dia tidak ada, ada atau tidak dalam mana-mana peraturan mesyuarat ataupun Perlembagaan, yang menyatakan belanjawan negara ini mesti dibentangkan oleh Menteri Kewangan, kalau Yang Berhormat menyentuh Perlembagaan, saya pun ingin menyentuh Perlembagaan "43(3) Jemaah Menteri adalah bersesama bertanggungjawab kepada Parlimen". Ini menunjukkan bahawa mana-mana menteri boleh bentang, tetapi hari itu Yang Berhormat dari Jelutong sudah tahu siaran langsung akan diadakan di dalam televisyen sebab itu DAP ini dia suka mengambil publisiti murah mengganggu dan mengacau mempertikaikan dari segi kesahihan surat daripada Yang di-Pertuan Agong ini hanya dari segi formalities, hanya dari segi pentadbiran, tetapi niat sebenarnya ialah untuk mendapat publisiti di dalam

akhbar-akhbar yang menunjukkan seolah-olah kerajaan kita membuat sesuatu kerja tidak mengikut peraturan. Tadi pun Bintulu masih lagi membangkitkan perkara ini.

Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, saya tengok Jelutong - saya masih ingat pada 18.12.97, Jelutong adalah salah seorang yang bangun mendesak - pada masa itu Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri sedang menjawab mengenai Peguam Negara. Jelutong mendesak supaya kerajaan mengambil tindakan tegas dan menanyakan mengapa tindakan tidak diambil kepada bekas Timbalan Perdana Menteri mengenai beberapa surat yang dikatakan bukan surat layang, dia kata satu tuduhan kepada bekas Timbalan Perdana Menteri. Saya dengan Pokok Sena bangun mempertahankan bahawa kita kata itu surat layang, tidak patut dilayan, tidak patut diambil tindakan, tetapi Jelutong begitu berapi-api sampai kita bertengkar di sini, dia mendesak supaya tindakan diambil. Hari ini tindakan kita telah diambil kepada bekas Timbalan Perdana Menteri, kemudian bila tindakan itu diambil dia hendak menjadi hero seolah-olah ingin membela bekas Timbalan Perdana Menteri. Yang saya bangkitkan ini saya ingin menyatakan bahawa parti pembangkang DAP dan juga PAS selalu sangat mengambil isu-isu untuk "menanggung di air keruh percayalah kepada cakap saya.

Seandainya kerajaan tidak mengambil tindakan kepada bekas Timbalan Perdana Menteri isu ini akan menjadi isu kepada pembangkang. Sudah tentu DAP ataupun PAS apabila berucap mereka akan mengata bahawa kerajaan cuba melindungi pihak-pihak tertentu, menyalahgunakan kuasa, tidak adil dan sudah tentu mereka akan mendesak supaya tindakan diambil kepada bekas Timbalan Perdana Menteri. Ini terbukti apabila kes Rahim Thamby Chik, bekas Ketua Pemuda Malaysia, bekas Ketua Menteri Melaka. Apabila kerajaan mengkaji, lambat mengambil tindakan, mereka bukan main berapi-api, menghentam kerajaan sehinggakan Jelutong dihalau daripada Dewan ini kerana isu beliau tidak puas hati dengan tindakan yang telah diambil kepada Rahim Thamby Chik, begitu dengan isu bekas Menteri Besar Selangor.

Saya berapa kali bertengkar dengan Tanjong, kita mempertahankan tetapi dia mendesak. Akhirnya apabila perkara ini telah pun selesai, maka mereka diam. Jadi saya hendak menyatakan di sini apa sahaja yang kerajaan buat ke atas seseorang pemimpin kerajaan sentiasa akan menjadi peluang dan akan diambil kesempatan oleh pihak pembangkang untuk menjadikan isu politik.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Isu di sini bukan kita membela bekas Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan. Isu yang kami bela di sini, perkara-perkara atau tindakan-tindakan diambil perlulah mengikut Perlembagaan. Perlulah ikut keadilan dan bukan membela sesiapa. Kalau beliau lakukan kesalahan kami akan menegur, kami akan mendesak supaya tindakan diambil.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Itu alasan sahaja Tuan Yang di-Pertua, serupa juga dengan kes Rahim Thamby Chik, kes bekas Menteri Besar Selangor. Kita sudah beritahu, Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri beritahu BPR sedang siasat, kes sedang disiasat, polis sedang siasat, kita ikutlah peraturan, tetapi DAP mengambil kesempatan mengatakan seolah-olah kita ini lewat-lewatkan mengenai tindakan yang akan diambil. Hari ini bila tindakan diambil, kata hendak mengikut peraturan. Jadi bermakna sekarang ini, seperti saya katakan tadi, bahawa apa sahaja tindakan yang kerajaan ambil kepada pucuk pimpinan negara ini ataupun parti UMNO ini semua nya akan menjadi isu kepada parti pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh ISA.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya minta penjelasan. Jikalau kerajaan hendak mempercepatkan sesuatu penyiasatan, kerajaan yakin boleh buat demikian. Kes Perwaja, sudah berapa tahun, kes bekas Menteri Selangor, sudah berapa bulan sampai satu tahun sudah disiasat, belum ada apa-apa. Tetapi kes bekas Timbalan

Perdana Menteri boleh disempurnakan dalam satu, dua bulan dan bukan sahaja boleh disempurnakan penyiasatan, boleh didakwa dalam mahkamah dalam satu, dua bulan.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Yang Berhormat dari Bagan ikutlah perkembangan. Tidak bacakah laporan daripada bekas Ketua Polis Negara daripada 1993, hampir lima tahun kes itu disiasat, baru diambil tindakan. Jangan tengok bila tindakan itu diambil, tengok proses dia. Yang Berhormat ini bila saya cakap mengenai Ketua Polis Negara, dia tidak percaya pula.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga pembangkang dan banyak pihak mempertikaikan ISA. ISA yang diwujudkan pada tahun 1960 bertujuan untuk mengawasi keselamatan di dalam negara. Banyak peruntukan yang terkandung di dalam ISA diambil dari ordinan-ordinan keselamatan yang dibentuk oleh British untuk menentang pergerakan komunis bawah tanah. Oleh kerana ISA ada kaitan dengan ancaman komunis, ramai yang menganggap sudah usang, dan tidak relevan lagi untuk zaman sekarang. Bahkan ada yang menyifatkannya sebagai pencabulan hak asasi manusia, undang-undang rimba dan berbagai tohmahan lagi terhadap ISA. Perjuangan untuk menghapuskan ISA ini, digerakkan secara besar-besaran, secara bermusim. Saya katakan, menyerang ataupun gerakan untuk menghapuskan ISA ini dibuat secara bermusim oleh NGO-NGO dan juga parti-parti politik pembangkang yang selalu "menanggung di air keruh" dan ingin meraih simpati daripada rakyat dan tidak ketinggalan mereka juga kadang-kadang meminta bantuan dari pertubuhan antarabangsa seperti Amnesty International.

Pada tahun 1987 apabila 106 orang ditahan di bawah ISA termasuk Operasi Lalang, NGO dan parti politik telah menubuhkan Suara Rakyat Malaysia ataupun SUARAM khusus untuk menentang ISA. Baru-baru ini selepas pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri seramai 19 orang telah pun ditangkap yang kebanyakannya telah pun dibebaskan. Hanya dua sahaja lagi yang belum dibebaskan, 17 telah pun dibebaskan. Sekali lagi NGO-NGO dan parti-parti politik pembangkang menubuhkan Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia ataupun Gerak yang dikatakan untuk mencari keadilan dan mendesak ISA dihapuskan. Suara-suara ini juga kita telah dengar di dalam Parlimen, ini yang disuarakan daripada wakil-wakil DAP dan juga PAS yang mereka ini bergabung di dalam Gerak ini.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan dan penentuan daripada Yang Berhormat dari Tanjung Karang. Tadi Yang Berhormat kata Gerak. Kita sedia maklum, Gerak adalah sebuah pertubuhan yang haram, yang tidak berdaftar dan pertubuhan ini ataupun gabungan ini dianggotai oleh parti-parti pembangkang, terutama sekali parti PAS. Tumpat buat bodoh tengok orang. Kemudian parti DAP. DAP hendak menyelamatkan Lim Guan Eng. PAS hendak menyelamatkan Dato' Seri Anwar Ibrahim yang dulu mereka biasa kata macam-macam. Saya pun segan hendak bercakap dalam Dewan Rakyat bahasa-bahasa yang mereka guna, kemudian NGO-NGO lain. Apa pandangan Yang Berhormat, apabila pertubuhan-pertubuhan yang sah macam PAS, DAP yang didaftarkan begitu juga NGO-NGO lain, bergabung di bawah satu kumpulan yang tidak sah, yang haram dan bangun untuk menentang kerajaan. Jadi adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada Kementerian Dalam Negeri untuk membanteras, dan menggunakan ISA untuk memberi pengajaran dan pendidikan akhlak kepada gabungan-gabungan dalam Gerak ini yang dianggotai oleh Presiden PAS. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya? Suruh mereka ini masuk kursus pula sebagai manusia yang tertib.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Yang Berhormat dari Yan, sebenarnya saya akan sampai ke situ nanti. Tetapi untuk menjawabnya secara ringkas, saya bukan hendak mencadangkan mereka ini ditangkap di bawah ISA. Saya hendak mencadangkan DAP dibubarkan, PAS dibubarkan kerana PAS sudah tidak percaya kepada kekuatan parti dia sendiri dan juga DAP, sudah tidak percaya kepada kekuatan mereka sendiri. Sebab itu

mereka bergabung di dalam satu pertubuhan haram. Kalau PAS dengan DAP percaya dengan kekuatan dan juga sokongan yang diterima rakyat, mereka tidak harus bergabung dengan Gerak, menjatuhkan moral dan maruah. Bergabung di bawah satu pertubuhan yang tidak berdaftar. Ada presidennya, ada persatuan, ada setiausahanya dan kalau betul PAS dengan DAP ini percaya bahawa kerajaan ini boleh ditukar melalui pilihan raya, mengikut Perlembagaan, mereka tidak harus mencampuri urusan Gerak yang mungkin boleh diterajui oleh badan-badan NGO-NGO yang mereka ini tidak ada peluang untuk bertanding di dalam pilihan raya. Saya nanti hendak cerita siapa main siapa, PAS peralatkan DAP atau DAP peralatkan PAS. Saya akan sampai ke situ nanti. Siapa yang kena main, siapa yang jadi kuda tunggangan, sama ada PAS menjadi kuda tunggangan DAP ataupun DAP menjadi kuda tunggangan PAS kerana masing-masing ingin mencari dan juga ingin meraih sokongan daripada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, memang benar kita mempunyai banyak undang-undang, Yang Berhormat dari Kubang Kerian pun sebut, untuk menjamin ketenteraman awam seperti Akta Kediaman Terhad 1933, Akta Hasutan 1948, Akta Ketenteraman Awam 1958, Akta Polis 1967 dan Akta Mesin Cetak (Penerbitan) 1948. Walau bagaimanapun harus kita ingat bahawa sesiapa yang didakwa di bawah Akta-akta tersebut akan melalui proses undang-undang di mahkamah yang akan mengambil masa yang panjang untuk diselesaikan dan tertuduh pula boleh diikat jamin. Kalau ini berlaku sudah tentu matlamat untuk menjamin ketenteraman awam dan keamanan negara yang mesti ditangani dengan segera tidak akan tercapai. Apakah harus kita nanti mendakwa mereka ini di bawah Akta Polis, seperti mana yang kita buat hari ini, bila kita tangkap mereka dan didakwa di Mahkamah Majistret di bawah Akta Polis ramai yang tidak mengaku bersalah. Saya tidak tahu berapa lama kes ini akan selesai. Kalau pemimpin-pemimpin yang boleh mencetuskan rusuhan ini tidak diambil tindakan segera, maka mereka ini akan kembali kepada masyarakat dan mereka akan terus memainkan peranan mereka untuk mengapi-apikan rakyat.

Saya mengatakan ini kerana memandangkan Malaysia mempunyai rakyat yang terdiri dari pelbagai agama, berbilang kaum dan berbeza latar belakang kebudayaannya maka bagi saya ISA wajar dikekalkan dengan syarat ianya tidak disalahgunakan dan mungkin beberapa peruntukan undang-undangnya harus dikaji semula sesuai dengan keadaan semasa. Prinsipnya ISA, tangkap tanpa bicara harus dikekalkan. ISA adalah kunci keamanan dan kestabilan politik di negara ini. Saya tidak membayangkan apa akan terjadi sekiranya tidak ada ISA kerana ianya merupakan kunci kepada keamanan negara ini. Apakah kita ingin menunggu apabila perusuh-perusuh melakukan seperti di Indonesia? Seperti di dalam surat khabar? Kalau Bagan suka jadi seperti ini, saya tidak tahu. Saya sebagai rakyat Malaysia mewakili majoriti rakyat Malaysia yang kita lihat tunjuk perasaan di Kampung Baru. Kita harus berterima kasih kepada penduduk Kampung Baru yang tidak mahu terlibat di dalam rusuhan ini. Hari ini dalam surat khabar pemandu teksi pula ingin mengadakan mogok menentang reformasi dan juga rusuhan ini dan kita menyeru supaya banyak lagi pertubuhan-pertubuhan bangkit untuk kita sama-sama menegakkan keadilan dan keamanan di negara kita. Biarkan segelintir rakyat sahaja yang terlibat di dalam rusuhan ini. Kita amat sedih, kalau ini berlaku. Saya tidak tahu, apabila rakyat nanti sudah tidak patuh lagi pada undang-undang. Mereka akan meletakkan undang-undang ini di bawah tangan mereka sendiri. Mereka ketepikan segala undang-undang, apakah pada masa itu baru kita terfikir hendak membuat satu undang-undang yang mana undang-undang ini walaupun dikatakan mengeneppikan hak asasi manusia tetapi demi untuk keamanan negara kita yang berbilang kaum yang begitu sensitif dengan isu-isu perkauman, dengan isu-isu keagamaan, ISA harus dikekalkan.

**Tuan Lim Hock Seng:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada yang bangun Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Negara kita sekarang terdiri daripada mungkin dua, saya tidak mahu kata tiga, empat golongan. Ada yang seperti dikatakan oleh Yang Berhormat, penyokong kerajaan, ada yang menentang kerajaan. Mengapa kerajaan tidak menyediakan satu tempat seperti di Hight Park di England, supaya mereka boleh pergi ke sana untuk berhimpun mengeluarkan apa pandangan mereka. Masalah sekarang ialah kepada mereka yang tidak puas hati dengan kerajaan mereka tidak ada ruang, tidak ada tempat untuk meluahkan perasaan mereka. Sekiranya mereka berkumpul ia akan disifatkan sebagai perhimpunan haram dan akan diambil tindakan oleh pihak polis dan bukankah berkali-kali kerajaan atau pemimpin-pemimpin berkata pihak polis mampu dan ada keyakinan untuk mencegah apa-apa kemungkinan. Jikalau pihak polis mampu dan yakin boleh mengawal situasi biarkanlah mereka dihadkan kepada satu tempat, mungkin di Bukit Jalil, mungkin di Dataran Merdeka, dihadkan satu tempat. Biarkan mereka meluahkan ketidakpuasan hati mereka dan mereka boleh berkumpul di sana beberapa jam, sehingga larut malam atau sehingga esok pagi. Bolehkah Yang Berhormat bersetuju begitu?

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya juga ingin Yang Berhormat bertanya soalan ini. Saya hendak menyatakan kepada Yang Berhormat, sebelum isu pemecatan Timbalan Perdana Menteri ini pernah ataupun tidak perjumpaan-perjumpaan yang dianjurkan oleh mana-mana pertubuhan, polis tidak memberikan kelulusan, banyak. DAP berjumpa boleh, NGO berjumpa boleh, mana-mana boleh berjumpa tidak ada halangan. Polis beri permit tetapi masa bila baru polis memberikan sekatan kepada mengkaji sama ada permit ini patut diberikan atau tidak. Saya ambil satu contoh dahulu, PAS tidak berani jawab, satu perjumpaan PAS di Kedah polis tidak beri permit tetapi apabila PAS buat perjumpaan di Pulau Melaka, di Kelantan dihadiri oleh beribu-ribu orang, matlamat sama untuk membaca Yassin, polis beri, tidak ada masalah. Jadi polis mesti ada alasan-alasan mereka tersendiri. Berbalik kepada kes rusuhan ini, siapa yang mulakan rusuhan? Sebelum polis mengekalkan atau menguatkuasakan undang-undang kita lihat banyak perjumpaan dibuat. Bekas Timbalan Perdana Menteri buat perjumpaan di Kota Bharu dalam stadium, tiada siapa kacau, tidak ada rusuhan, setiap malam berkumpul di rumah bekas Timbalan Perdana Menteri, tiada masalah, polis tidak halang tetapi siapa yang memulakan rusuhan. Apabila mereka ini pada petang 20 September perusuh-perusuh ini mula menyerang Galeri UMNO, memecahkan barang-barang di Galeri UMNO kemudian berarak hendak pergi ke rumah Perdana Menteri, barulah polis memikirkan ini bukan demonstrasi aman. Rusuhan-rusuhan telah pun bermula, kalau demonstrasi aman tidak ada berarak ke sana, berarak ke sini, tidak ada menaikkan semangat perkauman, saya rasa polis tidak ada masalah. Kini telah terbukti sebelum ini banyak perjumpaan haram dibuat, polis tidak ambil tindakan.

**Seorang Ahli:** [Bangun]

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Saya akan beri, biar saya habis dahulu, bekas Timbalan Perdana Menteri pergi ke Kajang tempat DAP pun tiada permit, kita tidak kisah sebab tidak ada rusuhan. Berbalik kepada majoriti rakyat tadi, saya hendak menyatakan bahawa majoriti rakyat tidak suka rusuhan. Sebagai bukti pada petang 20 September itulah waktu klimak urusan ini berlaku di waktu kita hendak menutup Sukan Komanwel, pada masa itulah segolongan minoriti ini ingin menunjukkan kepada dunia bahawa negara kita tidak aman. Mereka ingin menakut-nakutkan rakyat supaya jangan pergi ke Bukit Jalil, supaya Sukan Komanwel ini gagal dan di dalam Internet macam-macam timbul, kononnya akan jadi pergaduhan waktu Sukan Komanwel, tidak ada kepercayaan kepada polis tetapi kita lihat hari ini walaupun pelbagai ancaman, pelbagai ugutan rakyat masih percaya kepada polis, kepada keamanan negara. Kalau dibandingkan bilangan rakyat yang berkumpul di Dataran Merdeka pada 20 September itu dengan mereka yang hadir di Stadium Bukit Jalil jauh bezanya, maksudnya lebih ramai lagi yang inginkan keamanan sebab itu mereka sanggup hadir ke Bukit Jalil. Hanya segelintir rakyat mungkin termasuk

DAP yang hantar dua, tiga orang dan saya hendak menyatakan tadi bahawa di dalam negara kita ini memang mudah bercakap demokrasi tetapi apabila demokrasi ini diberi dan apabila rusuhan berlaku, masing-masing akan lepas tangan, masing-masing akan mengatakan dia tidak bertanggungjawab.

Saya hendak baca ini apabila rusuhan berlaku di Kampung Baru. DAP kutuk tindakan penyokong Anwar. DAP kata "Saya tidak tahu, dia menafikan yang dia terlibat". Kemudian Menteri Besar Kelantan, dia juga mengutuk, Pemangku Presiden JIM, Dr. Mohd. Hatta pun mengutuk, Majlis Gerakan Keadilan Rakyat juga mengutuk. Apabila rusuhan telah berlaku, orang yang baling batu sembunyi tangan dia akan menyorok, siapa yang akan dipertanggungjawabkan sekarang ini. Menang benar Yang Berhormat kata boleh kita adakan perhimpunan tetapi apa jaminan Yang Berhormat bahawa sesuatu demonstrasi, perjumpaan di dalam suasana kegawatan politik hari ini, di dalam suasana isu yang begitu sensitive pada hari ini kita boleh menjamin tidak berlaku rusuhan. Hendak berlaku rusuhan ini tidak perlu ramai, dua, tiga orang mencetuskan rusuhan sudah cukup boleh menimbulkan rusuhan massa [Disampuk]. Sekejap Yang Berhormat saya hendak habiskan. Ha, okey, nanti, sikit, sikit lagi, saya bagi nanti.

Kita patut bersyukur kepada Tuhan, cuba Yang Berhormat bayangkan- suatu rusuhan itu berlaku, nasib baik pada malam 20 haribulan itu hanya Galeri UMNO yang dipecahkan, tetapi bagaimana jika di dalam perhimpunan itu yang kadang-kadang ada pendatang tanpa izin, ada warganegara asing, kadang-kadang mungkin juga ada agen-agen asing, cuba bayangkan kalau mereka pada petang itu memecahkan kedai-kedai di Jalan Tuanku Abdul Rahman yang cara kebetulan kedai-kedai itu memang dimiliki majoritinya bukan bumiputera, bukannya lagi isu untuk kebebasan bekas Timbalan Perdana Menteri yang timbul tetapi isu perkauman akan timbul. Masa itu DAP pun sudah tidak sokong Majlis Gerak lagi dah, bila isu perkauman telah timbul, tetapi nasib baik dia pecahkan bangunan UMNO. Ya sila.

**Tuan Liew Ah Kim:** Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh tertarik dengan pendapat Yang Berhormat dari Bagan tadi tetapi sesungguhnya saya merasa dukacita sedikit. Memang saya setuju bagi demonstrasi ataupun tunjuk perasaan patut dibenarkan di tempat yang tertentu macam High Park di London. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat dari Bagan tetapi saya minta penjelasan dari Yang Berhormat dari Tanjong Karang. Adakah pihak DAP akan bersetuju dengan tunjuk perasaan sekiranya dalam parti mereka menghadapi krisis politik terhadap pucuk pimpinan DAP, ketika ahli-ahli DAP hendak melancarkan atau menjalankan satu tunjuk perasaan ataupun demonstrasi. Adakah DAP, pucuk pimpinan DAP 'agree' ataupun setuju supaya ahli-ahli biasa boleh menjalankan itu tunjuk perasaan, demonstrasilah katakan di tempat yang tertentu, mahupun dalam parti ataupun di luar parti mereka.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Saya setuju dengan pendapat Yang Berhormat. DAP ini dia bercakap sahaja, dia bercakap orang kata bila kena kepada batang hidung dia, dia lagi teruk, lagi ada diktator, ada kuku besi. Ini belum ini, saya hendak sentuh Yang Berhormat daripada Seputeh ini. Daripada duduk sebelah Bagan dia tu sudah pindah ke seberang sini, inilah demokrasi di dalam DAP, tidak ada peluang, [Disampuk] nanti dulu, tidak ada peluang langsung diberi kepada ahli-ahli yang tidak puas hati kepada pimpinan DAP. Saya percaya tiga orang bekas pemimpin tinggi DAP ini ramai pengikut dia tetapi oleh kerana Ketua Pembangkang, Setiausaha Agung DAP dia begitu kuku besi kemudian Bagan pula sokong baru Ketua Pembangkang kata "kita baru nak sahaja" kita mesti tangkap, baru kita kata "nak", you sudah lebih hendak jadi ketua. Itulah ketua jadi kuku besi. Jadi saya hendak nyatakan di sini, DAP hanya pandai bercakap tetapi apabila perkara ini kena di parti mereka sendiri mereka pun mengetepikan unsur-unsur demokrasi. Tidak dibenarkan, ha ini saya ingat saya minta tolong daripada Seputeh, ha ini boleh tak tolong sampai - Seputeh dan rakan-rakan yang dipecat ini tadi mengumpulkan ahli-ahli DAP,

membuat tunjuk perasaan secara aman di mana-mana dewan, DAP boleh benarkan ataupun tidak, saya cabar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Tadi Yang Berhormat berkali-kali kata ini adalah satu rusuhan, satu tunjuk perasaan yang merusuh tetapi mengikut sebelah sana, mereka kata ini perhimpunan aman, perhimpunan aman seperti berlaku beberapa kali mereka semua aman sahaja dan mengapa boleh menjadi rusuhan. Adakah satu siasatan dibuat, siapa yang merusuh dahulu. Apa yang dikata oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam dalam TV3 pada masa berita, beliau berkata polis hanya dengan izin, dia bercakap dalam bahasa Inggeris "the police just use water, just use water canon to dampen them" adakah itu air sahaja, air bersih sahaja atau air bercampur dengan asid dan hari ini saya hendak baca dalam surat khabar Sin Chew ada satu gambar menunjukkan bahawa satu tunjuk perasaan di Jakarta lebih kurang 3,000 orang dan itu dibantu oleh kerajaan pula, mengapa mereka menunjuk perasaan di suasana panas, di cuaca panas dan semangat mereka pun panas, jadi untuk meredakan perasaan mereka kerajaan rela menggunakan pasukan bomba untuk menyiram air bukan menembak air, menyiram dari atas supaya mereka merasa lega, mereka merasa sejuk dan semangat tidak begitu panas dan jikalau pihak polis kita boleh membuat demikian dengan mengawal perasaan mereka, saya ingat mereka juga mencintai keamanan. Mereka juga berharap supaya perasaan mereka boleh ditunjukkan secara aman dan bukan di'provoke'kan. Saya bukan memaksudkan sesiapa 'provoke'kan mereka, tetapi inilah perasaan manusia.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Yang Berhormat saya boleh jawab tetapi Yang Berhormat tidak jawab lagi soalan saya. Bolehkah bagi bekas-bekas ahli DAP ini buat percubaan aman mana-mana dewan, kumpulkan ahli-ahli DAP. Itulah cadangan yang dibagi oleh Yang Berhormat dari Seputeh, yang sampai beliau dan rakannya dipecat. Selesaikan masalah parti dulu Yang Berhormat, duduk dulu, saya .....

**Tuan Lim Hock Seng:** Saya jawab, saya jawab. Tuan Yang di-Pertua, perkara itu atau kejadian itu telah terjadi, ada, ada tunjuk perasaan di depan head quarters DAP di Petaling Jaya tetapi bukan oleh ahli DAP, pemandu-pemandu teksi, orang lain yang pergi sana yang tunjuk perasaan, orang lain dan DAP tidak boleh buat apa, dia mahu buat apa sahaja dia sukalah, sebab DAP tiada kuasa penguatkuasaan takkan boleh tangkap mereka masuk ISA, tidak boleh.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]  
*Mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Inilah, ini terbukti bila Yang Berhormat kata, Yang Berhormat bukan ada kuasa, ada kuasa ke Yang Berhormat, DAP ini mana ada kuasa untuk menyiasat, tengok siapa yang datang, kehadiran diambil. Serupalah macam kerajaan, itu alasan, itu alasan untuk menutupkan kelemahan begitu juga kerajaan macam kata Yang Berhormat kata rusuhan. Macam kata DAP tadi, Yang Berhormat setuju bukan semua ahli DAP yang berkumpul. Baiklah kita terima itu sebagai fakta. Bolehkah Yang Berhormat memberit jaminan bahawa yang berkumpul aman itu semua rakyat yang baik-baik, tidakkah berlaku mungkin ada gangster, mungkin ada ejen-ejen luar negara, pdatang-pdatang tanpa izin, kemudian penjenayah-penjenayah yang sengaja untuk mencetuskan rusuhan seperti yang berlaku di Kampung Baru baru-baru ini.

Saya sudah katakan dahulu, perusuh yang mula-mula pergi menyerang UMNO, bangunan UMNO dan sebagainya. Saya hendak baca petikan akhbar ini panjang sangat Yang Berhormat, saya tidak mahu jadi macam Ketua Pembangkang, macam you punya boss baca Internet, satu orang tulis dia baca dalam Dewan ini, saya pun boleh baca. Ini surat khabar, baca, baca ini! Ha, soal analisa berita, sedih kita baca apa yang berlaku. Kalau kata hendak adil kena baca dua-dua jangan baca sebelah pihak. Ini macam Gerak,

kata hendak menegakkan keadilan, keadilan apa. Baru-baru ini dia buat satu resolusi untuk memboikot Utusan Malaysia, apa keadilan ke? Harakah saya baca, hari itu Yang Berhormat tengok saya baca Harakah, dalam beg saya ada Harakah, hendak tengok? Saya boleh tunjuk, itulah baru keadilan kena baca dua-dua belah pihak. Serupalah macam Tanjong hari itu, baca punya panjang surat daripada Internet, mungkin dia karang sendiri. Yang Berhormat kalau belum baca ini, saya bagi Yang Berhormat baca, saya hendak baca nanti buang masa. Kalau ini kita baca kita rasa simpati, siapa yang menyebabkan polis marah. Apa sebelum ini bolehkah bawa bom, bawa petrol dan sebagainya.

**Tuan Lim Hock Seng:** Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya ada mendengar Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang mengatakan PAS dengan DAP tidak boleh berkerjasama. Tetapi adakah Yang Berhormat akan memberi taklimat kepada MCA dan Gerakan, mereka menyebarkan khabar angin dan mengatakan bahawa DAP dan PAS memang boleh 'bercantum' atau boleh bekerjasama. Sekarang siapa betul, dia kata tidak boleh tetapi kamu yang kata betul, boleh? Jadi pendapat Yang Berhormat dari Tanjong Karang telah bercanggah dengan pendapat daripada MCA dan Gerakan.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Yang Berhormat, PAS dan DAP ini seperti orang 'kahwin sementara' sahaja. Sekarang ini apabila isu mengenai kes pemecatan Timbalan Perdana Menteri ini 'interest' yang sama dan disokong oleh banyak NGO. Jadi mereka ini telah menubuhkan Gerak tetapi dalam masa yang sama yang hendak saya nyatakan nanti bahawa orang PAS pun sudah marah dengan DAP. Saya hendak mengatakan DAP mengambil kesempatan dengan mengambil tandatangan, itu saya akan ceritakan kemudian.....

**Datuk Lim Si Cheng:** *[Bangun]*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ada yang bangun Yang Berhormat.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** ... saya akan beri secara detail macam mana yang saya katakan DAP memperalatkan PAS dan perkara ini apabila telah diketahui orang-orang PAS mula marah. Dia hanya kahwin sekejap sahajalah untuk seronok dan selepas itu bawa hal masing-masing, tidur sebentar tetapi mimpi lain-lain.

**Datuk Lim Si Cheng:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan mengapa PAS dan DAP hendak kahwin sementara. Adakah kerana DAP mempunyai 'dua kepala' atau 'ular dua kepala'? *[Ketawa]* .

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Saya ingat memang betul, itu sebab dia tidak boleh, sebab dia ada 'dua kepala' . *[Ketawa]* Itulah sebabnya kalau dia ada 'dua kepala' dia jadi susah. Seperti satu kapal dua nakhoda dan dia memang tidak boleh bersatu. Jadi dia hanya berkedudukan sementara sahaja.....

**Tuan Chang Kon You:** *[Bangun]* .

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Chang Kon You:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sifatkan DAP ini 'ular yang ada dua kepala' kerana dia pergi ke kampung Melayu dan dia cakap lain, pergi ke komuniti Cina pula dia cakap lain. Jadi 'dua kepala' ini – jadi saya minta penjelasan sama ada Yang Berhormat dari Tanjong Karang setuju atau tidak dalam bahasa Cina *[Bercakap dalam bahasa Cina]* (ular dua kepala). *[Ketawa]*.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Saya setuju Yang Berhormat, DAP ini dia memang ada 'dua kepala' sebab apabila hendak mendapat sokongan daripada orang Melayu, dia cakap lain dan untuk mendapat sokongan orang Cina, dia cakap lain. Tetapi akhirnya, apa yang hendak saya katakan tadi orang kata 'sepandai-pandai tupai melompat akhirnya jatuh

ke tanah' apabila dalam Gerak ini, kalau ramai sangat orang hendak bertanya, saya akan bacakan.

**Beberapa Ahli:** Baca, baca!

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Baca? [*Sambil menunjukkan senaskah surat khabar*] Kita bacalah supaya PAS puas hati. Saya hendak menyatakan semasa pelancaran Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia (Gerak) di Kepala Batas pada 15 Oktober yang lalu. Walaupun majlis berkenaan diadakan di Markas Tarbiyah PAS Pungsu Seribu, namun ia seolah-olah bertukar menjadi pusat kempen sementara DAP. Sebagaimana yang dilaporkan, majlis itu telah digunakan sepenuhnya oleh DAP untuk berkempen merayu pengampunan Ahli Parlimen Kota Melaka – Tuan Lim Guan Eng. Apa yang menarik ialah seolah-olah pemimpin PAS terpaksa atau mungkin mempunyai sifat toleransi yang begitu tinggi sehingga membenarkan DAP pada malam itu membuka dua kaunter untuk orang ramai menandatangani surat rayuan pengampunan yang akan diserahkan kepada Yang di-Pertuan Agong, bagi membebaskan Lim Guan Eng yang sedang menjalani hukuman penjara. Lebih mengancam lagi DAP turut memasang satu sepanduk yang berbunyi, "Merayu pengampunan untuk Lim Guan Eng", berhampiran pintu masuk markas tersebut. Ini DAP sudah menjadi samseng pergi ke rumah orang tetapi dia hendak jadikan seperti rumah dia sendiri.

Persoalannya apakah perkaitan pelancaran Gerak dengan isu Lim Guan Eng. Sebelum ini Presiden PAS, Dr. Fadzil Nor mengatakan, 'Gerak ditubuhkan bukan untuk membela sesiapa tetapi untuk menentang kezaliman dan ketidakadilan Akta Keselamatan Dalam Negeri.' Perkara ini diumumkan dan tidak akan membela sesiapa tetapi bagaimanakah PAS boleh merestui DAP menggunakan rumah mereka untuk membela Lim Guan Eng, apatah lagi Lim Guan Eng bukannya tahanan ISA tetapi dipenjarakan kerana melanggar perintah mahkamah.

Adalah jelas apa yang berlaku di markas itu menampakkan ketidakmatangan pemimpin-pemimpin PAS untuk berkawan ataupun bergabung dengan Parti DAP sama ada hendak diakui atau tidak, PAS sendirilah yang membenarkan diri mereka seolah-olah diperalatkan oleh DAP. PAS seharusnya sedar bahawa DAP walaupun melaungkan soal untuk menegakkan keadilan dan menentang ISA, namun DAP sudah tentu mempunyai perancangan dan cita-cita politiknya sendiri. Kalau DAP ikhlas, sudah tentu parti itu akan menunjukkan tanda hormat iaitu berkunjung ke rumah orang dengan tidak membangkitkan isu yang melibatkan kepentingan diri mereka. Inipun disebabkan oleh Lim Guan Eng anak Ketua Pembangkang mereka. Tetapi kalau Yang Berhormat dari Bagan kena tahan dia tidak akan bela.....

**Tuan Lim Hock Seng:** [*Bangun*]

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Nanti dahulu, nanti dahulu. Saya hendak habiskan ini. Kalau tidak percaya cuba Yang Berhormat buat tunjuk perasaan dan ditahan, akan dipandang sebelah mata sahaja. Inilah senasib dengan Ahli Parlimen dari Sungai Besi. Yang Berhormat jangan main-main, ini adalah pentingkan diri sahaja.....

**Tuan Lim Hock Seng:** Ini contoh .....

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Nanti, nanti Yang Berhormat saya hendak habiskan perkara ini, nanti terpotong dan supaya Yang Berhormat betul-betul faham. Tetapi malangnya ahli-ahli PAS termasuk pemimpinnya pada malam tersebut tidak sedar muslihat berkenaan. Keghairahan kononnya untuk menentang kezaliman dan ketidakadilan telah menyebabkan mereka telah dikaburi dengan taktik DAP tersebut. Akhirnya ahli-ahli PAS dengan rela hati membenarkan diri mereka dipergunakan sehingga tidak ada yang sanggup menurunkan tandatangan. Para pemimpin dan ahli-ahli PAS seharusnya sedar langkah

mereka bergabung dalam Gerak dan seterusnya membenarkan peristiwa di Markas Tarbiyah PAS Pungsu Seribu memberikan kelebihan kepada DAP.

Bagi DAP penubuhan Gerak sekali lagi mencapai cita-cita mereka untuk menjadikan isu tersebut sebagai satu lagi platform bagi meraih pengaruh. Selama ini DAP seperti juga PAS tidak mempunyai isu untuk mencari sokongan rakyat tetapi apabila tercetus krisis dalam kerajaan dan UMNO, mereka bangkit kononnya mencari keadilan dan sekaligus menutup krisis dalam parti berkenaan berikutan pemecatan tiga pemimpin DAP. Tidak faham lagi Yang Berhormat?

**Tuan Lim Hock Seng:** Minta Penjelasan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** [*Bangun*].

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Tidak apa kita adil, kita beri dia dahulu. Kita adil dan demokrasi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Bagan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, saya yakin berita yang Yang Berhormat baca itu mesti datang daripada salah satu surat khabar yang ditunjukkan itu.

Saya mempertikaikan soalan-soalan yang dibangkitkan oleh surat khabar tersebut, bukankah ia berat sebelah? Apa salahnya kalau DAP boleh bekerjasama dengan PAS menghadapi isu yang pokok, isu yang sama seperti menegakkan keadilan dan menentang rasuah. Walaupun kita mempunyai pandangan yang berbeza-beza di antara perjuangan kita, kalau ada isu yang sama kita boleh berdiri sama. Tidak salah, lagipun jikalau DAP boleh pergi ke Markas PAS untuk meminta golongan bukan Cina menurunkan tandatangan dan kami menerima sambutan yang hebat. Kami telah menerima 3,000 orang yang telah menandatangani dan untuk merayu Lim Guan Eng diampunkan. Itu menunjukkan perjuangan DAP menegakkan keadilan untuk Lim Guan Eng itu telah melampaui batas perkauman. Bukankah ini adalah satu petanda yang baik? Adakah Yang Berhormat bercadang supaya orang Melayu memperjuangkan hak orang Melayu, orang Cina memperjuangkan hak orang Cina dan orang Hindu memperjuangkan hak orang Hindu sahaja....

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Okay, Yang Berhormat saya faham, saya faham ....

**Tuan Lim Hock Seng:** ....bukankah satu petanda baik kaum yang berbilang ini sama-sama memperjuangkan hak asasi dan kepentingan umum.

**Tuan Noh bin Omar:** Okay. Yang Berhormat, saya hendak cakap panjang lagi. Senang sahaja, apa kena-mengena isu Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng dengan isu ISA dan keadilan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Rompin bangun.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Ini mengambil kesempatan. Memang DAP cukup pandai – Yang Berhormat fahamkah ‘menangguk di air keruh’? Memang pandai ‘menangguk di air yang keruh’. Jadi, pada masa itu ramai yang datang orang PAS. Orang Melayu, orang PAS memanglah dalam suasana begitu dia mudah untuk memberi sokongan tetapi mereka tidak fikir. Ini Gerak untuk membela keadilan dan juga menentang ISA. Apa kena-mengena dengan Lim Guan Eng yang telah pun diberi keadilan, seadil-adilnya. Apakah Yang Berhormat mengatakan Lim Guan Eng tidak dapat keadilan seadil-adilnya setelah tiga mahkamah, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Persekutuan memutuskan, masih tidak puas hati.

Jadi, susahlah, Yang Berhormat. Orang kampung bolehlah Yang Berhormat hendak 'kelentong'.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Hock Seng:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Ini dua kepala. Kita adil, saya beri kepada sahabat saya dahulu.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih. Yang Berhormat dari Bagan, saya tertarik penjelasan dari Tanjong Karang. Saya hormatlah ketokohan dia sebagai seorang ahli politik, walaupun dia dalam DAP, kita hormat. Tetapi semenjak baru-baru ini saya kurang hormat sedikit. Sebab saya lebih nampak dia biarkan dirinya digunakan oleh Tanjong. Yang sebenarnya kalau benar-benar DAP mahu memperjuangkan semua ahlinya, semua pemimpinya, saya salute, saya tabik. Tetapi saya nampak Bagan ini dia tidak sedar diri, dia digunakan oleh Tanjong. Yang sebenarnya mengapa Tanjong hanya memperjuangkan anak dia sahaja. Kalau benar Tanjong hendak memperjuangkan semua hak ahli DAP, mengapa tiga orang itu dibuangnya. Bukit Bintang ada kesnya tidak diadakan satu gerak - road show untuk mendapatkan tandatangan. Tetapi mengapa hanya dibuat untuk anaknya sahaja.

Saya betul-betul kurang hormat, adakah Yang Berhormat bersetuju DAP ini disamakan dengan keluarga Yang Berhormat dari Tanjong.

**Tuan Lim Hock Seng:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya bukan tanya di sana, saya tanya di sini kepada Tanjong Karang, you bangun buat apa.

**Tuan Lim Hock Seng:** Dia boleh beri jalan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kalau betul-betul demokrat berilah saya habis terlebih dahulu.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Yang Berhormat ikut peraturan, nanti dahulu!

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Menyampuk]*

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Ini saya yang berucap, saya beri jalan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya belum habis lagi, saya hendak minta pandangan Tanjong Karang.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Dia tidak faham!

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Dia hendak bangun. Tengok mukanya.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Okay, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Betul. Kalau Yang Berhormat dari Bagan betul-betul ahli demokrat yang memperjuangkan keadilan, mengapa tidak perjuangkan dalam parti Yang Berhormat dahulu, yang tiga orang dibuang. Mengapa tidak Yang Berhormat adakan satu road show memperjuangkan semua orang, ambil tandatangan ahli-ahli DAP, ambil balik yang tiga orang - ada pula Seputeh. Apa Seputeh angguk, betul Seputeh?

**Tuan Liew Ah Kim:** *[Sambil mengangguk]*

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Angguk.

**Tuan Lim Hock Seng:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya belum habis lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat dari Bagan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Belum habis lagi. Kalau ini demokratik berilah hak saya pula. Tadi Yang Berhormat dari Tanjong Karang sudah beri kepada Bagan, berilah kepada BN pula. Betul, ini Seputeh ada. Kalau benar Yang Berhormat, benar DAP mempraktikkan demokrasi, keadilan, mengapa Seputeh dicampak. Mengapa tidak diperjuangkan bekas Wakil Rakyat dari Bukit Bintang? Ini bila dalam perahu, dalam kelambu, dalam rumah tidak nampak. Gajah dalam rumah tidak nampak, kuman seberang laut nampak. Apa DAP. Ini hendak memperjuangkan, hendak bantu PAS pula. Kalau Kubang Kerian saya ketepikan sebab saya ingat pandangan dia lebih rasional. Yang di sebelah dia itu tidak rasional. [Ketawa]

**Tuan Lim Hock Seng:** [Bangun]

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Belum habis lagi. Saya minta Tanjong Karang, adakah Tanjong Karang sedar apa hujah Bagan tadi cakap tidak serupa bikin, minta pandangan.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Terima kasih, Yang Berhormat. Nanti saya hendak ulas. Tunggu Yang Berhormat, saya hendak ulas. Inilah kadang-kadang bila kita terlampau emosi, kita ketepikan undang-undang. Saya hendak ulas dahulu, Yang Berhormat, itulah sebab kita takut, bila kita terlalu emosi, kita di'provoke', maka kita lupa undang-undang. Tetapi kita pegang demokrasi. Kita ada hak. Tetapi kita kena ingat demokrasi ada undang-undang. Seperti dalam Dewan yang betul-betul berlaku depan mata kita hari ini, Yang Berhormat terlibat. Memang betul, dalam Dewan ini demokrasi semua orang boleh bercakap. Tetapi kita ada peraturan. Macam mana Yang Berhormat boleh bangun. Ikut peraturan, kalau saya bercakap, saya beri laluan kepada Rompin. Bila Yang Berhormat hendak bangun, Yang Berhormat tidak boleh kacau Rompin bercakap. Yang Berhormat boleh kacau saya bercakap.

Sekarang saya memberi jalan kepada Rompin. Macam mana Yang Berhormat hendak jawab. Bukan Yang Berhormat yang berucap.

**Tuan Lim Hock Seng:** [Bangun]

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Nanti dahulu.

**Tuan Lim Hock Seng:** Boleh?

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Nanti, saya beri, saya tidak takut, saya beri. Saya hendak supaya Yang Berhormat buka fikiran jangan senang bercakap fasal demokrasi, tetapi apabila kita terdesak, kita di'provoke', kita lupakan undang-undang. Serupalah orang-orang rusuhan, demokrasi, bebas bercakap, berkumpul macam Yang Berhormat mengatakan tadi. Sedangkan Yang Berhormat sendiri sebagai ahli Parlimen yang berpengalaman tidak boleh hendak kawal perasaan, mengenyepikan peraturan Dewan sehinggakan terlupa yang sedang bercakap ini Rompin dan saya memberi platform kepada Rompin, Yang Berhormat tidak mengikut Peraturan Mesyuarat. Baru dalam Dewan, baru kita provoke sedikit. Bagaimana rakyat yang kadang-kadang tidak tahu, yang kadang-kadang tertinggal mengenai perkembangan, kadang-kadang tidak tahu pun undang-undang, lagilah mereka mudah diracuni fikiran mereka.

**Tuan Lim Hock Seng:** [Bangun]

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Nanti Yang Berhormat, saya hendak bercakap.

**Tuan Lim Hock Seng:** Duduklah!

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Ini betul. Yang Berhormat bangun betul. Sebab saya berucap Yang Berhormat boleh bangun. Tetapi tadi tidak betul. Rompin bangun bercakap, Yang Berhormat bangun, itu tidak betul. Fahamkah Yang Berhormat. Saya hendak supaya Yang Berhormat faham jangan senang bercakap pasal demokrasi, tetapi di dalam demokrasi kita ada undang-undang supaya demokrasi ini tidak disalahgunakan.

Saya bersetuju dengan pendapat Rompin. DAP lebih sayang satu daripada tiga. Satu bagi dia lebih penting, sebab anak dia. Biar buang tiga orang. Cuba tengok Seputeh berapa tahun berjuang dalam DAP. Rambut pun sampai puteh berjuang dalam DAP. [Ketawa] Sudah jadi Naib Pengerusi, tiba-tiba dipecat begitu sahaja. Mana ada keadilan dalam DAP. Sayang satukah atau sayang tiga? Saya tanya Yang Berhormat, sayang satukah atau sayang tiga?

**Tuan Lim Hock Seng:** Saya jawab.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Tidak mengapa, ini betul. Ini Yang Berhormat ikut Peraturan Mesyuarat.

**Beberapa Ahli:** [Menyampuk]

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, nantilah. Ini perkara dalaman DAP. Tetapi walau bagaimanapun, sudah ada ditanya, saya kena jawab. Bagaimana bekas Timbalan Perdana Menteri dipecat dalam 24 jam tidak cukup pun. Mungkin dalam duapuluh tiga jam sahaja. Dia dipanggil pergi MT, mesyuarat terus ditendang keluar tanpa beri apa-apa peluang untuk menjelaskan. Apa-apa pun tidak ada. Tetapi krisis DAP telah berlarutan selama dua bulan sekurang-kurangnya. Semua peraturan telah diikuti. Jawatankuasa Tatatertib diberi, penjelasan diberi, semua diberi. Apa pula tidak mengikut peraturan, tidak mengikut demokrasi.

**Tuan Liew Ah Kim:** [Bangun]

**Tuan Lim Hock Seng:** Nanti, saya ada satu lagi. [Ketawa] Satu lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Satu-satu.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Yang Berhormat, saya sudah faham maksud Yang Berhormat. Ini giliran saya, biar Seputeh jawab, bukan saya jawab, bukan saya jawab.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tadi soalan saya.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Saya beri Seputeh jawab. Okay, sekarang saya beri laluan kepada Seputeh. Seputeh jawab dahulu. Saya beri laluan kepada Seputeh.

**Tuan Liew Ah Kim:** Selama ini saya menghormati Yang Berhormat dari Bagan. Tetapi setelah saya dengar hujah dia tadi, ini tidak benarlah. [Ketawa] Saya mahu memberi....

**Seorang Ahli:** Bohong!

**Tuan Liew Ah Kim:** Saya tidak cakap bohong, tetapi dia hendak membela, mempertahankan parti dia atau pemimpin dia. Yang sebenarnya pada 3 Jun 1998, pada malam itulah ketika kita mengadakan mesyuarat CEC, saya digantung keanggotaan dalam satu minit sahaja. [Ketawa]

**Beberapa Ahli:** Oh, oh, oh! [Ketawa]

**Seorang Ahli:** Mana ada keadilan? DAP menegak kepalsuan!

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Yang Berhormat, nasib baiklah Yang Berhormat cerita masalah dalam parti, kalau dalam Dewan ini tadi kita akan buat Usul supaya Yang

Berhormat dikeluarkan daripada Dewan ini kerana menipu Dewan. *[Ketawa]* Nasib baiklah itu cerita krisis parti, kalau tidak saya buat Usul supaya Yang Berhormat dikeluarkan daripada Dewan kerana membohongi Dewan yang mulia ini.

**Tuan Lim Hock Seng:** Saya jawab! *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, ya, sila.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang lama dalam parti, saya memang juga menghormati Ahli Yang Berhormat dari Seputeh, dia adalah guru saya. Beliau digantung jawatan dalam Mesyuarat CEC bukan dipecat ahli.

**Tuan Liew Ah Kim:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Hock Seng:** Nanti, nanti, saya belum habis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, sekejap Yang Berhormat!

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Ahli Yang Berhormat dari Seputeh, saya beri, jangan takut, kita beri dia berucap dahulu!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya!

**Tuan Lim Hock Seng:** Seperti apa yang dikata, jawatan itu diberi oleh jawatankuasa tertinggi parti iaitu Central Executive Committee (CEC), Central Executive Committee (CEC) ini ada kuasa untuk melantik dan juga melucutkan jawatan – kena faham apa yang beliau kata itu jawatan. Tetapi keahlian partinya cuma dilucut selepas semua saluran diikuti. Tetapi kes TPM kedua-duanya dilucut sama sekali, jawatan dan keahlian UMNO sekali dipecat, adakah itu mengikut lunas-lunas.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Yang Berhormat, saya hendak beritahu, pasal masalah bekas TPM itu, saya terangkan pun Yang Berhormat tidak faham fasal peraturan Perlembagaan UMNO ini. Kita hendak dengar DAP ini. Betul atau tidak betul ini mengikut Perlembagaan DAP?

**Tuan Liew Ah Kim:** Yang Berhormat beri jalan ya?

**Beberapa Ahli:** Beri!

**Tuan Liew Ah Kim:** Tanjong Karang mana tahu, dia dalam kelab sahaja. Berkenaan dengan perkembangan parti DAP ini, saya merasa mengalami kesusahan, ketika itu .....

**Seorang Ahli:** Ya, dia yang menderita!

**Tuan Liew Ah Kim:** .... Saya hormatkan dia tetapi hari ini saya tidak tahulah macam mana dia, bukan jawatan Yang Berhormat Bagan, keahlian satu bulan gantung.

**Seorang Ahli:** Cakap palsu lagi.

**Tuan Liew Ah Kim:** Okaylah, kalau ia hendak teruskan hujah-hujah dia, saya biarkan dialah.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah nyatakan tadi, nasib baiklah ini masalah dalam parti, kalaulah masalah dalam Dewan ini tadi, Usul menipu Dewan berlaku.

**Tuan Liew Ah Kim:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya.

**Tuan Liew Ah Kim:** Ada kelemahan ini, saya fikirlah walaupun parti ataupun manusia memang melakukan kesalahan, tetapi kalau ada kesalahan tidak mengaku itu, dia bukan orang yang berani!

**Beberapa Ahli:** Betul, betul! *[Tepuk]*

**Tuan Lim Hock Seng:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Yang Berhormat, ikut peraturan. Saya kata Yang Berhormat kena ikut peraturan, saya akan beri laluan. Itu sebab saya katakan tadi, jangan cakap sahaja, ikut peraturan Yang Berhormat, walaupun demokrasi Dewan ini adalah tempat immunity, hendak cakap apa pun – cakaplah. Kita tidak boleh didakwa di mana-mana mahkamah, kita immune dalam Dewan, lagi hebat daripada di luar, tetapi jangan lupa kita ada Peraturan Mesyuarat. Jadi, Ahli Yang Berhormat pun kena ikut peraturan. Yang Berhormat hendak bercakap, okay, sila jawab dahulu.

**Tuan Lim Hock Seng:** Jangan ambil peraturan untuk menakut-nakutkan saya. Jikalau Yang Berhormat kata ini adalah Dewan yang immunity, boleh cakap apa-apa sahaja yang suka dicakapkan, maka larut hari ada orang yang membangkitkan kes TPM, semua berdiri untuk menentang, tidak berani dibahaskan dalam Dewan yang mulia ini?

**Beberapa Ahli:** Jawab!

**Tuan Lim Hock Seng:** Ya, jawab, saya akan jawab. Tentulah Yang Berhormat dari sebelah sana suka melihat saya dengan bekas Ahli saya bergaduh, itu saya memang tahu.

Okay, berkenaan dengan gantung ahlinya untuk satu bulan, itu bukan keputusan CEC, itu keputusan Jawatankuasa Tatatertib (Disciplinary Action Committee) yang memutuskan supaya ahlinya digantung satu bulan. Ini mahu cakap benar, saya juga menghormati guru saya tetapi apa yang dicakap di sini patut benar juga.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, kita berhentilah kisah DAP ini, dia macam lagu bangau, oh bangau. Yang Berhormat biasa dengar 'bangau, oh bangau' atau tidak? Bila bangau oh bangau sahaja dia tidak akan habis, 'bangau, oh bangau' mengapa leher panjang, macam mana leher tidak panjang kerana ikan tidak timbul dan macam-macam, sudahnya last sekali dia kata sebab katak yang disalahkan.

Jadi, kita tidak mahu dengarlah 'bangau, oh bangau', tetapi hari ini di dalam Dewan yang mulia ini, terbukti bahawa dalam kepimpinan DAP yang hari ini menyuarakan Gerak, menuntut keadilan tidak wujud keadilan di dalam DAP. Di dalam DAP tidak ada demokrasi, jadi, sebab itu saya nyatakan tadi, tidak guna PAS berkawan dengan DAP, di dalam DAP pun tidak ada demokrasi, tidak ada keadilan.

Jadi, sebab itu selesaikan masalah parti dan saya telah menyatakan tadi bahawa  
....

**Tuan Chang Kon You:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ada yang bangun di sebelah sana Yang Berhormat.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Nanti sekejap. Saya telah menyatakan tadi bahawa masuknya DAP dalam Majlis Gerak ini kerana hendak menutup kelemahan-kelemahan

yang telah pun sedia wujud, ingin meraih simpati daripada rakyat dan memainkan peranan 'ular kepala dua'. Ya, silakan.

**Tuan Chang Kon You:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang. Saya cadangkan nama Democratic Action Party (DAP) ditukarkan menjadi 'dictatorial authoritarian party', setuju atau tidak?

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Saya rasa saya bersetuju dan saya rasa Bagan pun bersetuju, ya dia bersetuju.

Tuan Yang di-Pertua, .....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Rompin bangun pula.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tetapi saya hendak minta sedikit pandangan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang. Kita bukan masalah antara peribadi seperti dengan Bagan, sebab Bagan bercakap tentang keadilan, tentang demokrasi, manakala kalau tidak ada demokrasi dalam DAP sendiri, mengapa tunjuk tempat orang, itu yang pertama.

Yang keduanya, peribadi Bagan sendiri, yang sibuk sangat ini hendakkan supaya Kota Melaka balik ini betul atau tidak, kalau ada kekosongan dia pula boleh ambil jawatannya. Seputeh sudah tidak ada, mengapa tidak Bagan sendiri yang sibuk sangat bawa agenda Tanjong ini, mengapa? Bagan sendiri boleh ambil sebagai Timbalan Setiausaha Agung, mengapa Bagan tidak fikir begitu, tidak ada orang lainkah dalam DAP untuk memimpin DAP, mestinya Kota Melaka, anak kepada Tanjong. Tak ada, kurang kepakarankah, kurang kepimpinan, orang yang macam Bagan itu sendiri, itu saya tidak faham politik Bagan ini, dia mungkin terlalu ikut telunjuk Tanjong, dia lupa sendiri tentang keupayaan kepimpinan dia sendiri, minta pandangan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Terima kasih. Yang Berhormat, saya sudah melihat gerak geri Bagan tadi. Saya berani mengatakan Bagan ini seorang yang bijak berpolitik, dia sudah tahu jawatan Penolong Setiausaha Agung ini macam mana pun mesti kosong, buatlah rayuan macam mana pun saya rasa kosong.

Kemudian dia sudah tahu kosong, jadi seperti orang kata dia cuba pukul daripada belakang, tunjuk dalam Dewan ini, besok boss datang: "Tengok, saya sudah defend, you punya Lim Guan Eng, you punya anak kita sudah defend." *[Ketawa]* Tetapi dia tahu defend macam mana pun takkan boleh balik jawatan Penolong Setiausaha Agung tetap kosong. Jadi, bila sudah bodek, sudah pandai membela, kemudian nanti Ketua Pembangkang fikir, siapa layak, siapa yang betul-betul berani tolong saya dalam Parlimen - Bagan, okay. Adalah satu jalan. Oleh itu saya mengatakan Bagan merupakan seorang ahli politik yang bijak di dalam DAP dan satu hari nanti dia akan memainkan peranan sebagai Ketua Pembangkang! *[Ketawa]*

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, saya sangat kagum tentang ucapan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang itu seperti beliau adalah seorang yang cukup memperjuangkan untuk kepentingan rakyat, tetapi apa terjadi kepada Lim Guan Eng, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka?

Beliau bertindak untuk menyelamatkan maruah seorang gadis perempuan bangsa Melayu. UMNO sebagai satu parti yang kononnya menegak kepentingan bumiputera, adakah sesiapa berdiri untuk membela nasib gadis bawah umur ini yang telah dianiayai oleh pihak yang cukup berkuasa, adakah seseorang dari UMNO membela nasib gadis bawah umur ini?

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Okay Yang Berhormat, sebelum saya pergi point of order, baik Yang Berhormat duduk. Itu keputusan mahkamah, jangan persoallah. Itu pergi cakap dengan mahkamahlah, dahulu lawyer kes itu tidak cakapkah perkara-perkara ini? Dahulu lawyernya daripada Jelutongkah? Jelutong tidak bercakapkah dalam mahkamah sewaktu dia defend, ini sepatutnya cakap dalam mahkamah bukan cakap di dalam Dewan ini. Kena faham! Kalau Jelutong tidak cukup suruh Ketua Pembangkang jadi lawyer, suruh dia practice.

Tuan Yang di-Pertua, kita tinggalkanlah DAP yang tidak ada demokrasi ini dan kita hendak pergi kepada ISA tadi. ISA ini panjang ini, sudah tertinggallah.

Tuan Yang di-Pertua, kita jangan lupa sejarah dan jasa ISA kepada negara ini yang telah dapat menghapuskan komunis yang telah berjaya mengelakkan berlakunya rusuhan kaum pada tahun 1987 dan berjaya membongkar kegiatan penyelewengan agama oleh Pertubuhan Al-Arqam. Kita harus menerima hakikat bahawa isu perkauman dan isu agama amat sensitif di kalangan rakyat Malaysia.

Jika salah satu isu ini dimainkan maka rakyat amat mudah terpengaruh dan sanggup melakukan apa sahaja sehingga menggadaikan nyawa dan menyetepikan fahaman ideologi politik. Kalau isu agama dan kaum ini dijadikan api untuk meniup kemarahan rakyat, maka ianya mudah terbakar dan jika ini berlaku maka perjuangan rakyat Malaysia tidak lagi berlandaskan ideologi parti politik tetapi akan menjadi rusuhan kaum dan peperangan agama.

Parti-parti pembangkang dan juga pertubuhan NGO yang kononnya hari ini ingin membela menegakkan keadilan, cuba bayangkan apa akan berlaku di negara kita ini kalau tidak ada ISA. Marilah kita mengimbas kembali peristiwa pada bulan Oktober 1987, yang menyebabkan 106 orang ditangkap termasuk pemimpin-pemimpin pemuda UMNO dan juga Barisan Nasional semasa Operasi Lalang. Saya banyak baca, bila baca sahaja Syed Hussin Ali, kalau tidak silap, saya baca artikel dia, dia kata, ISA ini digunakan dengan sewenang-wenangnya menangkap orang-orang tidak menyokong kerajaan tapi pada masa Operasi Lalang, Yang Berhormat Serdang pun kena ditangkap, masa itu Exco kalau saya tidak silap, Exco Kerajaan Negeri Selangor. Ramai lagi pemimpin-pemimpin daripada Pasir Mas, 3, 4 orang, Tajuddin Rahman, Ibrahim Ali, Fahmi Ibrahim, ramai kena ditangkap. Yang Berhormat Kubang Kerian pun tidak silap saya kena ditangkap. Itu tidak apalah parti pembangkang. Yang dalam kerajaan, pun ditangkap. Ini menunjukkan apa? Menunjukkan polis berpendapat demi untuk keselamatan negara, demi keamanan negara kita, tidak kira, sama ada parti pembangkang ke, parti kerajaan ke, kalau didapati cuba mencetuskan rusuhan dan keamanan negara, mereka ini harus ditangkap di bawah ISA. Jadi, saya hendak mengatakan bahawa ISA ini bukan sahaja digunakan untuk menangkap mereka yang menentang kerajaan, mereka yang menyokong kerajaan pun telah ditangkap di bawah ISA.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita kenang kembali peristiwa Oktober 1987 di mana 106 orang ditangkap, pada masa itulah Suaram ini ditubuhkan, kononnya ISA ini disalahgunakan. Punca utama yang menyebabkan keadaan ketegangan yang serius dalam tahun itu ialah tindakan ahli-ahli parti politik dan kumpulan pendesak mengeksploitasi beberapa isu sensitif yang menyemarakkan perasaan perkauman. Di antaranya isu mengenai Akta Pelajaran 1991 isu pembangunan Bukit Cina di Melaka, kerugian Koperasi Pengambilan Deposit (KPD), kristianisasi, kemunculan kumpulan Marxist, kemudian isu mata pelajaran pilihan di Universiti Malaya, isu penggunaan bahasa dan penempatan penolong kanan dan penyelia petang yang tidak mempunyai kelayakan Mandarin, ini sekolah jenis kebangsaan (Cina). Ini di antara isu-isu yang dibangkitkan pada tahun 1987 yang mana Operasi Lalang telah pun dilakukan.

Banyak perhimpunan haram diadakan untuk mengeksploitasi isu-isu perkauman ini. Kritikan dan tuduhan melulu yang bercorak perkauman dilemparkan terhadap kerajaan dan semua ini telah disiarkan oleh akhbar-akhbar. Ini menyebabkan kerajaan tidak mempunyai pilihan melainkan menangkap mereka yang cuba membuat kekacauan di bawah ISA. Jika ISA tidak digunakan, sudah tentu tragedi 13 Mei 1969 akan berulang pada Oktober 1987. Saya masih ingat 1987, orang sudah mula, begitu dengan semangat dari Tanjong Karang pun sudah sedia, 7, 8 bas. Dalam ramai-ramai itu sudah mulalah cerita, mestilah bawa kononnya, sorok parang, sorok keris hendak berkumpul, hendak beramai-ramai. Kemudian satu kumpulan kaum lagi berkumpul, cuba kalau tidak ada ISA? Kalau tidak ada ISA, saya ingat kita akan jadi seperti di Indonesia, gambar yang saya tunjukkan tadi. Kita pun gerun. Tengok gambar yang saya tunjukkan tadi. Ini, [mengangkat surat khabar] yang saya tunjukkan pada awal ini, di muka satu, dan terbukti rusuhan yang baru-baru ini sudah mula merusuh. Dia balingnya kereta Utusan dan sebagainya. Jadi sebab itulah saya nyatakan ISA ini penting, penting untuk menghalang daripada tercetusnya isu-isu yang sensitif.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya sahabat saya dari Tanjong Karang, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa yang berlaku di Indonesia hari ini dengan laungan reformasi, reformasi, sebenarnya tidak ada kerajaan yang efektif sekarang di Indonesia, sampai ada orang boleh mengheret mayat di tengah padang, di tengah jalan berdepan orang, terbuka tanpa sebarang tindakan polis dan sebagainya. Adakah ini bermakna tidak ada kerajaan lagi yang efektif di Indonesia dengan laungan reformasi yang pada hari ini menjadi gagasan penting di negara kita.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri, bahawa kerana reformasi yang dibuat itulah yang menyebabkan hari ini keadaan di Indonesia tidak ada terkawal. Ada sekumpulan mengambil undang-undang di dalam tangan mereka sendiri dan dulu demonstrasi ini digerakkan oleh pelajar. Tapi hari ini pelajar juga meneruskan reformasi, menuntut bahawa Habibie ini diturunkan daripada pemerintahan. Jadi saya hendak nyatakan kalau kejatuhan satu-satu kerajaan, dia buat demonstrasi secara tidak mengikut perlembagaan, siapa sahaja yang akan menjadi pemimpin, menggantikan pemimpin yang dijatuhkan maka pemimpin itu juga akan dijatuhkan. Banyak berlaku, di Thailand pun sama. Sekarang ini kita tengok di Indonesia, begitu banyak perkara yang di luar kawalan. Daripada bancian yang dibuat, 75% rakyat Indonesia tidak mahukan Habibie, tapi waktu hendak menjatuhkan Suharto pada masa itu, semua sokong Habibie. Jadi ini akan berlaku. Jadi sebab itu kita berbalik kepada ISA, saya yakin kerana ketidakadaan undang-undang seperti ISA di Malaysia inilah maka perkara-perkara rusuhan mudah berlaku. Jadi sebab itu saya hendak menyatakan ISA harus dikekalkan tetapi ada pindaan-pindaan tertentu, harus dibuat sesuai dengan keadaan zaman.

Saya hendak menyingkap lagi kembali mengenai isu keagamaan. ISA digunakan sekali lagi untuk melumpuhkan gerakan Al-Arqam yang begitu besar dan mempunyai berpuluh ribu pengikutnya. Kalau pemimpin-pemimpin Al-Arqam ini ditahan di bawah undang-undang biasa dan dihadapkan di mahkamah, saya rasa puluhan ribu pengikut Al-Arqam akan keluar untuk berdemonstrasi yang saya kira lebih hebat daripada demonstrasi gerakan reformasi. Kita ingat Al-Arqam begitu besar, di mana-mana pemimpinnya, pengikutnya seolah-olah dia rasa sampai dia sudah boleh jadi Perdana Menteri. Begitu kuat, dia ada ekonomi dia sendiri, tetapi cuba bayangkan kalau dulu ustaz Ashaari kita tangkap bicarakan seperti biasa, saya ingat penunjuk-penunjuk perasaan yang begitu taksu dan fanatik kepada ajaran Al-Arqam dan kepimpinan ini akan merusuh tetapi kita tangkap di bawah ISA. Maka kalau tidak ditangkap di bawah ISA sudah tentu akan mencetuskan rusuhan dan persaingan yang hebat daripada kerajaan atas isu kerajaan ingin

menghapuskan gerakan dakwah Islam di Malaysia. Kalau pada masa itu Arqam ini tangkap dan didakwa di bawah undang-undang biasa, isu agama akan timbul. Mereka mesti mengatakan kerajaan hendak menghapuskan gerakan dakwah, gerakan Islam, kerajaan tidak Islam. Yang hari ini pun baru seorang tokoh Islam, semangat Islam begitu kuat, tambah ini satu pertubuhan gerakan, begitu kuat, maka kita menggunakan ISA.

Jadi pada masa itu ramai orang Islam percaya dan begitu taksud dengan kepimpinan Arqam. Apabila ISA digunakan untuk menangkap pemimpin-pemimpin Arqam, sehinggalah akhirnya pemimpin-pemimpinnya membuat pengakuan bahawa gerakan Arqam sebenarnya menyeleweng dari agama Islam. Barulah rakyat sedar dan percaya serta menyokong tindakan kerajaan melumpuhkan gerakan Arqam ini.

Pada tahun 1996 ISA sekali lagi digunakan untuk menangkap 11 orang bekas pengikut Al-Arqam yang cuba menghidupkan semua pergerakan itu. Sementara itu pula pada tahun 1997 beberapa orang turut ditahan kerana bertindak menyebarkan fahaman-fahaman Syiah, ini pun satu fahaman yang bahaya. Kalau fahaman Syiah ini disebarkan di negara kita, boleh menyebabkan pertembungan kepada kepercayaan dari segi agama. Kita bimbang nanti orang Islam sesama orang Islam pula akan berlaku pertelingkahan. Sekali lagi ISA telah digunakan.

Pembangkang juga menuduh ISA digunakan untuk menjaga kepentingan politik tertentu yang saya yakin ditujukan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Hari itu Yang Berhormat Marang pun bercakap bahawa ISA ini digunakan untuk menjaga kepentingan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya hendak menyatakan di sini, apakah benar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menggunakan ISA untuk kepentingan politik beliau? Saya sama sekali tidak boleh menerima tuduhan ini. Sebaliknya saya percaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memang berhasrat untuk menghapuskan ISA tetapi tidak dipersetujui oleh pihak polis di atas alasan keselamatan negara.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat kenyataan di dalam surat khabar bahawa beliau sendiri pernah mencadangkan supaya ISA ini dihapuskan, tetapi PAS tidak percaya. PAS menjadikan ini isu politik, pembangkang tidak percaya. Saya akan berikan bukti bahawa hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menghapuskan ISA boleh dilihat dari tindakan dan usaha-usaha beliau membebaskan tahanan ISA ini.

Sejak beliau menjadi Perdana Menteri, pada tahun 1981 kebanyakan mereka yang ditahan di bawah ISA telah dibebaskan. Di bawah tiga Perdana Menteri sebelumnya, pada zaman sebelum Dr. Mahathir, seramai 3,102 orang merana dalam tahanan ISA, sehingga November 1981 seramai 489 orang sahaja yang masih ditahan di bawah ISA. Ini bermakna Perdana Menteri telah membebaskan seramai 2,613 orang tahanan ISA.

Pada tahun 1987 cuma 300 orang komunis yang enggan bersumpah untuk menghentikan keganasan terus ditahan. Kemudian baru-baru ini di dalam Dewan yang mulia ini satu lagi statistik telahpun diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri kalau tak silap saya lebih 300 orang lagi dan di dalam tahanan-tahanan itu tidak melibatkan pun pemimpin-pemimpin daripada parti-parti politik tetapi kebanyakannya adalah melibatkan mereka yang terlibat di dalam pemalsuan dokumen. Ini saya hendak baca jawapan daripada Timbalan Menteri yang di dalam Dewan yang mulia ini pada hari Rabu lepas.

“Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, setakat 20 Oktober, 1998 seramai 237 orang sedang ditahan bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1990. Pecapaian-pecahan kesalahannya mereka adalah seperti di bawah:

- (i) sindiket pemalsuan dokumen pengenalan dan perjalanan seramai -143 orang;

- (ii) sindiket kemasukan pendatang asing tanpa izin - 88 orang;
- (iii) gerakan penyelewengan agama Islam - 5 orang
- (iv) gerakan Aceh Merdeka - 1 orang.”

Mana ada tahanan politik yang pihak pembangkang menuduh Perdana Menteri menggunakan ISA untuk kepentingan politiknya. Yang baru ini tidak ada orang politik ditahan, baru-baru ini 19 orang ditahan tetapi akhirnya daripada 19 orang ditahan 17 telah dilepaskan. Sekarang ini hanya tinggal dua orang sahaja yang masih ditahan di bawah ISA. Jadi saya menyangkal kalau dia mengatakan bahawa Perdana Menteri menggunakan ISA untuk kepentingan politik beliau. Mereka yang ditahan kerana terbabit dalam gerakan Reformasi baru-baru ini juga tanpa penahanan yang lama telah dibebaskan. Ini jelas menunjukkan bahawa Perdana Menteri kita tidak begitu berminat untuk menggunakan ISA bagi menahan seserang.

Oleh itu tuduhan Pembangkang yang ISA digunakan untuk kepentingan politik adalah tidak boleh diterima sama sekali. Sebenarnya, Akta yang menyerupai ISA yang membenarkan kerajaan membuat tahanan tanpa bicara juga terdapat di negara-negara lain seperti di Britain, di India dan di Singapura. Di Britain, ada satu akta dipanggil Prevention Terrorism Act yang membolehkan kerajaan Britain menangkap tanpa bicara sesiapa yang disyaki terlibat di dalam keganasan di Ireland Utara. Ini betul. Dahulu semasa saya mewakili Parlimen CPA di London dua tahun lepas, apabila ada discussion group di dalam perbincangan timbul soal hak asasi manusia, timbul soal-soal ISA. Kemudian saya tanya kepada Ahli Parlimen daripada Britain, I kata you pun ada sama konsep dengan ISA, you ada Prevention Terrorism Act, dia diam, dia kata betul, tetapi dia tidak salah gunakan. Saya kata, bagaimana hendak tahu salah guna tidak salah guna, meletup sahaja di Belfast ramai yang akan ditangkap. Jadi pada hakikatnya, walaupun negara maju sekalipun, bahawa satu senjata akhir untuk menjaga keamanan negara harus ada. Kalau di England, di Britain ada Prevention Terrorism Act, maka di Malaysia kita harus ada ISA, di India pun ada, di Singapura pun ada saya difahamkan.

Tuan Yang di- Pertua, sebenarnya parti-parti Pembangkang cuba menanggung di air keruh dengan menubuhkan Gerak dan menjadikan isu ISA untuk menarik simpati dan menarik sokongan rakyat. Dalam suasana kekecohan politik hari ini PAS dan DAP sudah tidak percaya lagi dengan kekuatan parti masing-masing sepertimana yang saya nyatakan tadi yang mana President Gerak ini adalah President PAS sendiri, dan Setiausahanya Naib Ketua Pemuda PAS. Jadi kita harap supaya Gerak ini jangan mempermainkan isu ini, isu rusuhan dan sebagainya. Apabila berlaku rusuhan seperti hari Sabtu lepas masing-masing akan cuci tangan, memang benar kita boleh bercakap berlaku demonstrasi, memang betul, tetapi bagaimana untuk menjamin demonstrasi ini tidak berlaku dengan rusuhan. Jarang-jarang di dalam memperjuangkan sesuatu isu yang hangat, isu-isu yang boleh menimbulkan kemarahan, jarang-jarang kita dapati demonstrasi aman ini akan berakhir dengan keamanan. Polis terpaksa jaga, pokoknya undang-undang mesti dihormati, undang-undang ini jangan fikir undang-undang yang besar daripada sekecil-kecil undang-undang sehinggalah sebesar-besar undang-undang.

Saya ambil satu contoh, bagaimana undang-undang ini dibuat, memang benar, undang-undang dibuat untuk menjaga kepentingan orang ramai. Tetapi kadang-kadang undang-undang itu kita tengok macam tidak logik. Ada kalanya undang-undang itu tidak perlu lagi kita gunakan, saya ambil satu contoh traffic light, Tuan Yang di Pertua. Memang betul traffic light dibuat lampu merah ada simpang empat, supaya lalu lintas berjalan lancar, supaya jangan ada 'jam', bila hijau jalan, bila kuning sedia, bila merah berhenti. Betul. Tetapi bila kita balik tengah malam, pukul 3.00 pagi, pukul 2.00 pagi sampai ke simpang empat sampai ke traffic light, tiba-tiba traffic light merah, apakah kita boleh terus kita tengok jalan lengang, tidak ada kereta satu pun, kalau kita fikir secara rasional,

mengapa kita mesti berhenti, sedangkan sudah aman, kereta tidak ada, tetapi sebagai seorang yang patuh undang-undang kita kena berhenti walaupun orang kata jadi orang bodoh, kereta tak ada pun kita kena berhenti di traffic light merah, sebab kita tahu merah berhenti, dia tak ada kata bila tak ada kereta jalan. Walaupun tidak ada kereta kalau sampai traffic light merah kalau kita terus juga, itu kamera akan ambil dan kita boleh didakwa. Itu terpulung kepada kita lah, sampai di mahkamah kita boleh membela diri.

Jadi soalnya, hari ini kita mesti menghormati undang-undang, kalau negara kita kata bahawa perhimpunan orang ramai tidak boleh lebih daripada lima orang mesti mendapat permit kita kena akur. Dan saya hendak ulang lagi, sebelum ini tidak ada halangan, sehingga semua pihak, semua persatuan bebas mengadakan perjumpaan, mengadakan seminar, mengadakan perbincangan, forum dan sebagainya, tetapi hari ini saya yakin mengapa polis begitu berhati-hati mengeluarkan permit kerana kita dapati ada dalang-dalang tertentu yang ingin mengambil kesempatan di dalam isu ini untuk menimbulkan kemarahan rakyat. Saya hendak menyatakan hari ini bahawa mereka yang terlibat dalam demonstrasi ini merupakan agen, agen Yahudi, agen negara Barat, sebab semua negara tahu bahawa negara kita, bahawa Perdana Menteri kita bertegas kita tidak akan tunduk kepada tekanan IMF, kita tidak akan ambil pinjaman IMF.

Hari ini bila kerajaan kita membuat satu dasar menyekat mengawal mata wang kita, IMF spekulator sudah tenggelam punca, mereka berfikir bagaimana cara supaya negara Malaysia ini terpaksa tunduk kepada IMF. Maka tidak hairan kalau ada agen-agen yang tanpa kita sedari meracuni pemikiran rakyat yang begitu taksud dengan keadaan kegawatan politik hari ini dengan cara mengadakan rusuhan.

Bila rusuhan ini berlaku, Tuan Yang di-Pertua, kita lihat media-media asing menunjukkan negara kita begitu kecoh hinggalah pelancongan turun, orang hendak datang ke negara kita pun takut, pelabur hendak datang pun takut, daripada dalam negeri pun orang-orang Kampung Baru pun takut, hingga menubuhkan jawatankuasa membantah. Semuanya ini untuk melumpuhkan keadaan ekonomi negara kita.

Bila ekonomi negara kita lumpuh, kita tidak ada pilihan dengan tekanan, mana mungkin kita terpaksa ambil IMF sebab kita lihat Filipina, Indonesia telah terjerumus di dalam lubang IMF. Sebab itu kita lihat Filipina dan Indonesia yang telah terjerumus ke dalam lubang IMF tunduk, seolah-olah mereka juga ingin menarik kita sebab dia sudah terkena, supaya kita juga ikut masuk lubang dengan mereka. Kita tengok bagaimana reaksi pemimpin-pemimpin daripada dua negara ini. Oleh itu saya menyatakan bahawa rusuhan ini mungkin didalangi oleh mereka daripada luar kerana tidak senang melihat kestabilan negara kita dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa untuk pagi ini telah cukup, boleh sambung di sebelah petang nanti.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari ini.

*Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari*

*Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.*

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat] *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Ada hendak sambung lagi? Silakan.

2.30 ptg.

**Tuan Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung ucapan saya tadi. Sebelum itu saya ingin mengalu-alukan kedatangan para pemimpin masyarakat daripada Parlimen Yan, dan juga Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah. Kita mengalu-alukan kedatangan tetapi sayangnya hari ini giliran Tanjong Karang. Kalau Yan bercakap tadi mereka masuk, barulah bagus lagi, tetapi orang Yan sudah tahu. Kalau Yan bercakap, kita dalam Dewan ini memang tidak mengantuk, tetapi masalah padi kita akan sebut, memperjuangkan masalah pesawah-pesawah padi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung ucapan saya tadi mengenai beberapa demonstrasi, yang telah diadakan di Lembah Klang terutamanya di Kuala Lumpur. Saya ingin merayu kepada kumpulan-kumpulan ataupun yang menjadi dalang kepada penganjur-penganjur demonstrasi supaya mereka dapat memikirkan secara adil kepada kerajaan yang sah ini. Adakah adil kerajaan yang sah ini hendak ditukar dengan cara demonstrasi jalanan sedangkan undang-undang negara kita, Perlembagaan negara kita telah pun menentukan bagaimanakah proses harus kita patuhi jika ingin menukar sesuatu kerajaan. Begitu juga kita minta pihak yang merusuh berlaku adil kepada pihak polis kerana polis hanya menjalankan tugas. Mereka diamanahkan menjaga keselamatan dan ketenteraman awam. Apakah perlu polis yang menjalankan tugas ini dimaki dan dimarah serta diserang. Harus juga diingat polis adalah manusia biasa, ada perasaan, mereka juga ada tahap kesabaran dan mereka juga kadang-kadang terpaksa bekerja lebih masa, meninggalkan keluarga, meninggalkan anak dan kadang-kadang terpaksa membatalkan temujanji semata-mata bekerja lebih masa untuk menjamin keamanan negara.

Begitu juga harus diberi keadilan kepada peniaga-peniaga kecil yang sedang berniaga di sekitar tempat demonstrasi. Mereka rugi dan terpaksa tutup kedai untuk keselamatan. Begitu juga seperti yang saya katakan tadi, kita juga harus adil kepada negara kita, menjaga imej negara kita supaya mendapat satu imej yang baik. Kalau berlaku rusuhan disiarkan dalam media asing, seolah-olah negara kita ini benar-benar berada di dalam keadaan yang runcing, sudah tentu pelabur-pelabur, pelancong-pelancong tidak akan datang dan sebagaimana yang saya nyatakan tadi saya yakin bahawa ada dalang sebenarnya, mungkin ejen dari luar negara yang cuba merosakkan keamanan dan juga ekonomi negara kita supaya akhirnya kita nanti akan tunduk kepada IMF seperti yang saya nyatakan tadi. Filipina dan Indonesia sudah masuk lubang mungkin mereka juga....

**Dato' Azmi bin Khalid:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun. Hendak beri jalan?

**Dato' Azmi bin Khalid:** Minta penjelasan Yang Berhormat. Hari ini saya hendak sentuh mengenai apa yang Yang Berhormat katakan tadi dalang-dalang dari luar. Antara dalang yang kita lihat pada hari ini ialah dalam televisyen dari luar negara, CNN dan CNBC, menghentamkan negara kita, mengatakan pemimpin negara kita ialah pemimpin yang kejam, kerajaan ini kerajaan yang kejam, 'cruel' dan mereka sentiasa mempamerkan gambaran yang ganas dilakukan oleh kerajaan kepada kononnya perusuh-perusuh dalam negara.

Dalam negara kita ada juga kumpulan yang mengatakan kerajaan ini kerajaan yang zalim iaitu dari PAS dan DAP dan mereka juga walaupun mereka mengatakan pemimpin negara zalim, tetapi dalam CNN dan CNBC mereka juga melihat bahawa kezaliman yang berlaku di Kosovo dilakukan oleh kumpulan Serb yang sama dilakukan kepada Bosnia dahulu. Orang yang sama melakukan kezaliman kepada orang Islam Kosovo yang tidak disebutkan sebagai pengganas, sebagai zalim oleh CNN dan CNBC. Di sini orang PAS yang mengatakan mereka itu pejuang Islam, pengembang Islam dan segala

apa yang Islam, mereka sahalalah yang memperjuangkan, pada hari ini PAS langsung tidak menyebut apa-apa dalam media walaupun secara terbuka mengenai menentang Serb dan sebagainya walaupun dengan cara sebutan. Maka dengan cara itu adakah mungkin Yang Berhormat bersetuju dengan saya, gandingan di antara CNN dengan CNBC, PAS dengan DAP ini sama sahaja. Mereka ini bukan memperdulikan dari segi kezaliman yang berlaku di luar, ke atas makhluk-makhluk, orang-orang Islam yang dibunuh beribu-ribu pada tiap-tiap hari tanpa mendapat apa-apa sokongan dari negara-negara barat melainkan hanya amaran dari Amerika dan NATO.

Di Malaysia, orang-orang ini tidak langsung membuka mata, bahkan menuduh kerajaan yang zalim tetapi di luar yang menghentam orang Islam, yang membunuh orang Islam, mereka tidak nampak sebagai zalim. Saya hendak bertanya Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa yang ada dalam negara ini adalah mereka yang nampak kuman di seberang lautan tetapi gajah di depan mata tidak nampak. Adakah mereka ini sebagai hipokrit yang ada dalam negara?

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Terima kasi, Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat. Itu yang saya nyatakan tadi, yang kita sudah dengar pun tadi. Saya seolah-olah menjadi hakimlah hari ini, Tuan Yang di-Pertua, di antara DAP dengan bekas Ahli DAP. Saya dengar dalam DAP memang sudah tidak ada demokrasi, dalam PAS pun kita tengok sudah berpecah, Nik Aziz cakap lain, Fadzil Noor cakap lain. Fadzil Noor kata boikot surat khabar, Nik Aziz kata jangan, perpecahan sudah ada.

Jadi semuanya mereka ini mengambil kesempatan dan ingin menanggung di air keruh kepada isu-isu semasa. Jadi begitu juga Yang Berhormat menyatakan tadi. Dulu bila kerajaan kita heboh hendak menolong Bosnia, masa itulah PAS kelam kabut, dia pun hendak tumpang semangkuk juga. Konon hendak tolong Bosnia. Sekarang kita tidak ada sebut pasal Serb dan juga Kosovo, tidak ada. [Y.B. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang] masuk ke dalam Dewan] - Ha! panjang umur.- sudah masuk Timbalan Presiden PAS. Jadi PAS ini bila kita buat barulah dia nampak. Jadi bila kita tidak mulakan, dia pun tidak mula. Jadi serupa juga isu-isu yang lain. Bila isu ini jadi perhatian rakyat, mereka tumpang semangkuk, tumpang sekaki. Saya tadi sudah panjang lebar, hampir dua jam kita sudah bahaskan DAP dan PAS ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin minta supaya keadilan juga diberi kepada rakyat biasa yang tidak berminat mengenai rusuhan. Hari itu di Kampung Baru, Jawatankuasa Masjid Kampung Baru pun tidak setuju, kemudian kita sendiri hendak pergi ke Kuala Lumpur pun susah bila ada demonstrasi seperti ini berlaku, berlakulah trafik jam yang menyebabkan berlakunya kesesakan lalu lintas.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya, Machang.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya berminat dengan Yang Berhormat dari Tanjong Karang berhubung dengan topik keadilan ini. Satu pihak PAS sekarang ini menuntut keadilan supaya dilakukan keadilan di dalam negara ini, begitu juga DAP. Tetapi di Kelantan, setelah PAS memerintah Kelantan hampir lapan tahun, PAS tidak melakukan keadilan kepada pengguna-pengguna dan penduduk negeri Kelantan, sebagai contohnya ialah masalah bekalan air di Kelantan yang telah berlarutan hampir dua tahun sekarang ini. Misalnya beberapa projek Kerajaan Persekutuan dan projek Kerajaan Negeri sendiri tergendala, sebagai contoh saya sebut Balai Polis Tanah Merah yang telah siap hampir dua tahun tetapi bekalan air tidak dapat dimasukkan dan terdapat banyak perumahan di Kelantan dan perumahan secara individu yang tidak dapat masuk air kerana pertikaian yang berterusan antara Kelantan Water dengan Kerajaan Negeri Kelantan. Dalam aspek ini Kerajaan Kelantan sehingga hari ini nampaknya tidak

dapat mencapai satu konklusi atau rumusan bagaimana pertikaian ini perlu diselesaikan. Akhirnya yang menjadi mangsa ialah pengguna-pengguna bekalan air di Kelantan. Adakah ini menunjukkan kerajaan PAS sendiri tidak bersikap adil kepada rakyat negeri Kelantan?

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Terima kasih, Yang Berhormat dari Machang. Bila disebut PAS ini, ia parti politik, apa 'capoa' politik ini dikira pentingkan keuntungan diri dia. Jadi serupa juga dengan PAS, dia bercakap sahaja hendak berlaku adil, bila dia memerintah dia pun lebih teruk daripada Barisan Nasional. Jadi dia congak politik ini yang mana boleh menguntungkan tetapi kalau lebih menguntungkan kepada penyokong-penyokong dia, saya ingat dia akan cuba dengan sedaya upaya untuk memberikan kemudahan kepada rakyat tetapi kalau dia lihat kawasannya tidak menyokong, boleh menggugat kedudukannya dalam politik, dia akan menganaktirikan. Jadi sama sahaja, Yang Berhormat dari Bintulu tadi cakap semua ini prinsip, bila kata politik dia hanya hendak kuasa, dan bila dia berkuasa dia selalu memikirkan kepentingan peribadinya.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Yang Berhormat, saya minta penjelasan. Berhubung dengan isu kegawatan politik yang sedang berlaku dalam negara kita sekarang ini, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa PAS mengambil kesempatan habis-habisan, misalnya di negeri Kelantan, PAS telah membenarkan stadium Kelantan yang dipengerusikan oleh orang PAS sendiri menggunakan stadium tersebut dan adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa sesiapa sahaja yang menggunakan peluang ini termasuk membenarkan mana-mana tempat untuk menjadi perarakan dan perhimpunan haram yang secara langsung menyetepikan kepentingan dan kedamaian hidup dalam negara ini perlu diambil tindakan tegas oleh kerajaan.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Yang Berhormat, pagi tadi saya telah menyatakan bahawa banyak insiden yang berlaku kita tidak ambil tindakan pun sehinggalah bila berlaku rusuhan-rusuhan tertentu barulah kerajaan mengambil tindakan saya telah beri contoh tadi, seperti yang berlaku di Stadium Sultan Mohamad di Kota Bharu, kita tidak kacau pun walaupun PAS pada masa itu berikan kebenaran tetapi bila PAS mendengar mungkin sekali sahaja yang dia beri, selepas itu Menteri Besarnya tidak benarkan buat ceramah-ceramah itu, yang benarkan Presiden sahaja, sama dengan Timbalan Presiden mungkin sokong Presiden, 'kot-kot' Menteri Besar ini nanti hendak lawan Presiden PAS.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat dari Yan bangun.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya ingin penjelasan Yang Berhormat bersama kita ini Yang Berhormat dari Marang ada, yang dipanggil 'tok guru' di sebelah Terengganu. Saya hendak tanya Yang Berhormat kemudian Yang Berhormat tanyalah dia, sebab saya tidak boleh tanya terus. Adakah tunjuk perasaan sedemikian diajar oleh agama Islam kita? Adakah agama Islam ini meminta atau mengajar orang-orang Islam ini kalau tidak puas hati sesuatu kita kena tunjuk perasaan sedangkan kerajaan yang memerintah ini adalah kerajaan yang menjadikan agama Islam sebagai tonggak pemerintahan negara. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat tentang pemimpin-pemimpin PAS yang melaung-laungkan tentang juara agama tetapi di samping itu juga mereka adalah orang yang memusnahkan, menunjukkan kepada masyarakat asing bahawa cara mereka membawa perjuangan Islam itu berlainan, banyak gaduh, kacau-bilau, maki-hamun, adakah ini Yang Berhormat bersetuju?

Satu lagi saya ingin bertanya pandangan Yang Berhormat kita dapati dalam tunjuk perasaan ini banyak pelajar, jadi adakah wajar pelajar-pelajar yang masih mengharapkan biasiswa, masih mengharapkan bantuan daripada kerajaan dan di samping itu juga mereka menentang kerajaan. Jadi apakah saranan Yang Berhormat sebagai Ahli Parlimen Tanjong Karang agar kerajaan bertindak sama ada menarik balik biasiswa ataupun memecat mereka

daripada universiti-universiti kerana mereka adalah orang yang tidak bersyukur dan orang yang tidak bersyukur dalam Islam ini kufur nikmat yang Tuhan beri kepadanya. Jadi Yang Berhormat bersetujukah dengan saya dan saya berharap Yang Berhormat dari Marang boleh bangun beri penjelasan sedikit cara perjuangan PAS dalam demonstrasi ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat diingatkan bahawa soalan Yang Berhormat hanya boleh ditujukan kepada Yang Berhormat dari Tanjong Karang, bukan kepada Yang Berhormat dari Marang.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Saya tuju kepada Yang Berhormat dari Tanjong Karang dan Tanjong Karang 'kenen' kepada Yang Berhormat dari Marang nanti. [Ketawa]

Kemudian saya hendak tanya satu lagi, Presiden PAS itu dikatakan orang kuat agama, saya tahu sebab dia orang Kedah, mengaji setiap masjid, beri tafsir itu, tafsir ini, tetapi beliau menjadi juara untuk orang menentang kerajaan dan akhir-akhir ini barangkali akan menjadikan tumpahan darah di dalam negara kita ini. Jadi adakah ini ajaran Islam? Terima kasih.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai perjuangan PAS tadi memang kita sedia maklum, kita pun selalu mengingatkan jangan menggunakan agama untuk kepentingan politik dan saya hendak menyatakan di sini bahawa Parti PAS, DAP ataupun Gerak ini, saya telah menyatakan tadi mereka ini memainkan peranan baling batu sembunyi tangan. Bila rusuhan berlaku pada hari Sabtu yang lepas masing-masing menafikan kalau kita katakan dia menggunakan pelajar. Ini kalau tanya Timbalan Presiden PAS, tentu dia kata tidak betul tetapi banyak bukti. Dahulu sewaktu pasukan kriket Israel datang, dia hasut para pelajar buat demonstrasi tetapi apabila perkara ini dibawa ke tengah dan berlaku sesuatu perkara yang tidak diinginkan mereka yang menjadi dalang ini akan melarikan diri.

Seperti pelajar-pelajar, saya setuju dengan Yang Berhormat, pelajar-pelajar ini kita rasa kasihan kepada mereka. Memang betul pelajar tidak semestinya tidak boleh campur tangan, tidak boleh ambil tahu pasal politik, sebagai pelajar dia bebas, dia boleh mendengar pelbagai pandangan politik dalam negara dan luar negara tetapi apa yang kita tidak mahu jangan mereka mengambil partisan, mengambil bahagian menyokong sesuatu parti politik sebagai seorang pelajar. Apabila mereka sebagai seorang pelajar menyokong sesuatu perjuangan politik mereka ini mudah diperalatkan, pelajar darah muda, kadangkala mereka pun tidak dapat maklumat yang betul hanya terpengaruh dengan ucapan-ucapan yang begitu bersemangat oleh pemimpin-pemimpin parti pembangkang maka sudah tentu mereka mudah terpengaruh dan memang menjadi semangat orang muda dan pelajar ini yang ada semangat anti establishment sedikit. Jadi inilah yang saya katakan PAS dan DAP ini dia pandai, dia sudah tidak percaya kepada partinya, sokongan partinya pun sudah tidak kuat, DAP pun sudah berpecah, PAS sudah nampak tidak kuat, jadi dia cuba bersama NGO-NGO lain dan juga pelajar-pelajar untuk mengambil kesempatan ini untuk meraih simpati rakyat yang kononnya nanti mereka ini mendapat sokongan daripada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh.....

**Tuan Jimmy Donald:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Sri Aman bangun.

**Tuan Jimmy Donald:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu apakah nasihat yang akan diberi oleh Yang Berhormat dari Tanjong Karang kepada Presiden Filipina dan juga Presiden Indonesia apabila mereka datang ke Malaysia ini nanti?

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Kita hanya minta kedua-dua pemimpin ini patuhlah kepada semangat ASEAN, jangan campur tangan urusan negeri yang lain, ini penting dan itu pada dasarnya tetapi saya sudah nyatakan tadi kita tidak tahu boleh jadi mereka ini juga menjadi ejen. Mereka sudah terjerumus, sudah termasuk lubang IMF, Indonesia dengan Filipina maka dia tengok Malaysia belum lagi, ha mungkin inilah masanya.

Ini macam cerita tiga budak hitam ini. Mungkin Yan pandai cerita, saya tidak pandai cerita sangat. Tiga budak hitam ini dia rasa dengki, dia tengok dua sudah kena, satu lagi tidak kena, dia hendak bagi perkena semua. Jadi macam tiga budak hitam ini bolehlah kalau saya hendak cerita sedikit. Dia ini tiga orang, Tuan Yang di-Pertua, dia jalan-jalan tepi laut, ini Yan cerita kepada saya, kalau salah, dia kena perbetulkan. Tiga budak hitam ini pun jalan, jalan, jalan tepi pantai dia jumpa satu botol, dia buka botol, dalam botol ada satu jin, jadi bila jumpa jin, jin kata lepaskan dia dan dia kata mintalah apa yang tuan-tuan minta dia akan bagi. Jadi okay kata dia, dia akan lepas. Bila dia lepas, budak pertama, budak hitam 'A' tadi kata saya hendak putih, dia pun cabut, jin ini ada power, jadilah putih budak ini. Wah budak yang kedua hitam lagi ini, budak yang kedua pun kata, saya hendak putih lebih daripada yang budak nombor satu tadi. Dia pun buat putih, lebih putih daripada budak yang nombor satu. Jadi yang nombor tiga ini fikir, nak putih sudah tidak boleh dah, dah dua putih, hendak putih lagi. Jadi budak yang ketiga ini dia kata, saya hendak satu sahajalah, saya hendak hitamkan balik kedua-dua yang sudah putih ini. Jadi semua hitam balik [ketawa]. Jadi kita takut Filipina dan Indonesia ini dia ada semangat macam itu. Dia tengok Perdana Menteri kita begitu tegas, ekonomi kita begitu baik, stabil dan politik kita baik, maka mereka cuba mengambil kesempatan.

Tuan Yang di-Pertua, sebab ada lawyer terkenal, Yang Berhormat Jelutong ini ada dalam Parlimen, saya hendak sentuh sedikit pasal keadilan mahkamah. Pagi tadi saya sudah sentuh, petang ini saya hendak sentuh lagi sekali sebab dia ada, pagi tadi dia tidak ada. Saya rasa kecewa dengan sikap Yang Berhormat dari Jelutong yang melepaskan kata-kata yang kurang manis, melanggar peraturan Dewan, mengambil publisiti murah, mentang-mentang sudah hendak ada siaran langsung mengganggu ucapan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya hendak tanya Yang Berhormat, saya beri laluan, bolehkah Yang Berhormat beritahu saya ada atau tidak di mana-mana peraturan dalam Perlembagaan yang mengatakan mesti Menteri Kewangan yang bantangkan belanjawan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat hendak soal sekarangkah?

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Saya tidak hendak soal, saya hendak cakap, kalau dia berani dia jawab, jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Ha, dia bangun ini. Yang Berhormat Jelutong diingatkan boleh soal tetapi bukan masanya untuk Yang Berhormat menjawab.

**Tuan R. Karpal Singh:** Jangan kacau singa yang singgah. [Ketawa]

**Seorang Ahli:** Singa tua.

**Tuan R. Karpal Singh:** Walaupun tua tetapi singa.

**Seorang Ahli:** Singa tua tidak ada taring dah.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, hari itu apabila saya bangun, bukan menentang apa yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, siapa pun boleh, siapa-siapa menteri pun boleh mengikut peraturan mesyuarat membantangkan belanjawan tetapi apa yang jadi convention iaitu mengikut amalan dalam negara-negara Komanwel. Satu konvensi di mana seorang Menteri Kewangan sahaja, bukan menteri lain yang

membentangkan belanjawan. Apa yang ada dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hari itu tidak ikut convention. Convention pun boleh diterima sebagai satu undang-undang.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, dengar dulu Yang Berhormat, tidak Yang Berhormat....

**Tuan R. Karpal Singh:** Dia tanya penjelasan, saya mahu memberi penjelasan. Bukan ganggu atau apa-apa lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya hendak mencelah.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ya, Yang Arif.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya rasa biasanya kalau mengikut peraturan mesyuarat dan kebiasaan Persidangan Parlimen sesuatu yang telah diputuskan tidak boleh diungkitkan kembali Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** No, dia tanya tadi .....

**Seorang Ahli:** Biar, biar singa tua tidak ada gigi hendak bercakap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Saya rasa ini bukan caranya Yang Berhormat mencelah. Saya tidak mengizinkan. Yang Berhormat Jelutong hanya boleh soal tetapi Yang Berhormat jangan ambil kesempatan ini untuk memberi penerangan, kalau hendak bagi penerangan itu ada peruntukan dalam peraturan mesyuarat, Yang Berhormat boleh buat ikut peraturan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Dia yang menjemput saya, bukan saya kacau dia. Dia kacau saya.

**Seorang Ahli:** Singa tua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Barangkali selepas ini beri peluang kepada saya, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat kalau hendak berucap ada peluang nanti.

**Tuan R. Karpal Singh:** Barangkali selepas ini jika boleh.

**Seorang Ahli:** Boleh, boleh, boleh.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, sebab saya rasa sedihlah hari itu bila Yang Berhormat mengganggu ucapan Perdana Menteri. Yang Berhormat kata convention, betul convention ini kita ikut tetapi kita di Malaysia ini convention bukannya undang-undang, kalau di London bolehlah masih ada yang pakai common law tetapi kita di sini semua pakai undang-undang bertulis, mana ada common law lagi, kita tidak pakai pun common law. Jadi Yang Berhormat hari itu sengaja hendak mencari publisiti murah. Sekarang ini Perdana Menteri sudah pun terangkan bahawa pada 5 haribulan telah pun dibuat, telah pun diserahkan kepada Agong, apa Yang Berhormat masih tidak puas hati? Sebab saya bangkitkan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, setiap kali DAP berucap dia akan bangkitkan perkara ini seolah-olah berlaku 'krisis perlembagaan', satu isu baru sebab orang yang tidak faham dia akan terpengaruh, dia kata ini krisis perlembagaan, Bintulu pun cakap benda sama, Tanjong pun cakap yang sama sebab ..... boleh, no problem.

**Tuan R. Karpal Singh:** Apa yang dikatakan tadi seperti yang disuarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah diwartakan mengenai Anwar Ibrahim.

Adakah tahu apa peruntukan dalam Perlembagaan? Walaupun lawyer barangkali dia tidak tahu, saya bagi sedikit pengajaran kepada dia. Mengikut surat daripada - ini adalah kenyataan akhbar dari Jabatan Perdana Menteri bertarikh 2 September 1998. Saya baca apa yang terkandung dalam surat itu..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sepatutnya Yang Berhormat boleh soal sahaja, bukan.....

**Tuan R. Karpal Singh:** No, saya mahu beri penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** .....bukan petik dari buku.

**Tuan R. Karpal Singh:** Beri penjelasan. Ini surat, ini.....

**Seorang Ahli:** Kasi can singa tua hendak cakap.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ini surat di mana ada diumumkan oleh Jabatan Perdana Menteri iaitu, "jawatan bagi Dato' Seri Anwar Ibrahim sudah dilucut. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah pun dimaklumkan mengenai perlucutan jawatan berkenaan". Adakah tahu apa yang jadi kandungan .....

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Yang Berhormat tidak payah baca, tak payah baca, saya pun ada Perlembagaan.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya baca, saya baca, heh .....

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Tidak payah baca, saya faham, sebut artikel sudah cukup, sebut sudah cukup, saya pun faham undang-undang.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya mahu baca, dia memberi jalan. Saya belum habis.

**Seorang Ahli:** Sabar, sabar..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Soal terus Yang Berhormat

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya belum habis, dia takut sekarang.

**Beberapa Ahli:** [Sorak].

**Tuan R. Karpal Singh:** 43(5) menyatakan, "seorang menteri memegang jawatan selama diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong melainkan, - dengar baik-baik, melainkan jika perlantikan mana-mana menteri telah dibatalkan oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri". Siapa pihak yang batalkan, bukan Perdana Menteri tetapi Yang di-Pertuan Agong atas nasihat dia. Apa yang ada dalam surat ini, "Yang di-Pertuan Agong ada dimaklumkan", adakah ikut Perlembagaan itu? Siapa dia Yang Amat Berhormat Perdana Menteri jadi Yang di-Pertuan Agong dalam negara ini? Dia boleh memberi nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong. Yang di-Pertuan Agong pihak yang boleh yang ada kuasa di bawah Perlembagaan untuk melucutkan seorang menteri daripada jawatannya. Faham?

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Sudah. Cukup, okey. Saya hendak tengok siapa faham dan siapa tidak faham, duduk dulu, tak takut. Yang Berhormat janganlah pusing isu, kalau Yang Berhormat hendak bincang pasal artikel peraturan 43(5) itu boleh, ini matter of pentadbiran, surat yang Yang Berhormat baca itu bertarikh berapa haribulan, 3 haribulan, Perdana Menteri sudah wartakan pada 5 haribulan, ada 2 hari, dia kata dimaklumkan kepada Yang di-Pertuan Agong, itu bukan isu. Isu sekarang ini yang saya bangkit tidak puas hati Yang Berhormat tempoh hari bangun atas Peraturan Mesyuarat 66(1), betul atau tidak? Yang Berhormat bangun di atas peraturan mesyuarat, peraturan mesyuarat tidak ada sebut. Yang Berhormat seolah-olah mengatakan bahawa Perdana Menteri tidak layak untuk.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Penjelasan, penjelasan.....

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Nanti dulu, nanti, duduk dulu, untuk membentangkan belanjawan kerana pada pendapat Yang Berhormat bekas Menteri Kewangan masih lagi sah menjadi Menteri Kewangan. Itu soalan saya. Kalau sekalipun katalah Menteri Kewangan itu masih sah, salah ataupun tidak Perdana Menteri atau mana-mana menteri membentangkan belanjawan? Sebab Yang Berhormat bangun atas point of order pada hari itu.

**Tuan R. Karpal Singh:** Penjelasan. Jika perlucutan jawatan Yang Berhormat Anwar Ibrahim tidak sah, itu bermakna lantikan kedua-dua Menteri Kewangan Pertama dan Kedua pun tidak sah, dan hari itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentangkan belanjawan bukan sebagai Perdana Menteri tetapi sebagai Menteri Kewangan Pertama. Tidak boleh ada tiga Menteri Kewangan jika jawatan Anwar Ibrahim sah, kedua-dua ini tidak sah, habis, dia tidak ada hak sebagai Menteri Kewangan untuk membentangkan belanjawan itu dan dia memberi penjelasan hari itu sebagai Menteri Kewangan Pertama dia membentangkan, bukan sebagai Perdana Menteri.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Yang Berhormat, dalam Perlembagaan ada sebutkan senarai menteri-menteri? Macam mana Yang Berhormat mengatakan kalau ada satu lagi Menteri Kewangan – kita ada dua Menteri Kewangan, tiga Menteri Kewangan tidak sah? Itu hak Perdana Menteri hendak lantik limakah atau enamkah Menteri Kewangan itu hak dia. Macam mana Yang Berhormat kata tidak sah? Sebut Perlembagaan mana, artikel mana di dalam Perlembagaan ini, saya hendak baca. Yang sah atau tidak sah, biar mahkamah menentukan, ini bukannya mahkamah Yang Berhormat, ini the matter just to formalise sahaja mengikut Perlembagaan. Janganlah – dalam mahkamah mesti tender evidence, ini surat! Kalau betul Yang Berhormat ikhlas, kenapa tidak memberi notis dahulu kepada Perdana Menteri, saya yakin Perdana Menteri boleh tunjuk, ha, ini suratnya kalau Yang Berhormat hendak puas hati! Ini bukannya mahkamah, Yang Berhormat hendak tunjuk!

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yan bangun, Yang Berhormat....

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sambung fasal keadilan....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tanjong Karang, Tanjong Karang, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya, Yang Berhormat dari Jelutong ini dok pertahan sangat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim ini kerana mungkin mereka ada hobi atau minat yang sama. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Saya tidak mahu response yang itu, saya tidak tahu tetapi yang saya hendak tegaskan di sini, saya masih ingat dulu 18 Disember, Yang Berhormat dari Jelutonglah bukan main berapi-rapi, saya dengan Ahli Yang Berhormat Pokok Sena mempertahankan. Yang Berhormat dari Jelutong mendesak Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengambil tindakan segera – Peguam Negara mesti dakwa Timbalan Perdana Menteri pada masa itu, kita sudah dakwa, hari ini dia pula jadi hero hendak membela. Kalau kita tidak dakwa hari ini, percayalah cakap saya, kalau hari ini kita tidak dakwa bekas Timbalan Perdana Menteri, inilah isu topik yang akan diperdebatkan oleh Jelutong. Ini adalah hipokrit. Minta maaf, saya tarik balik hipokrit sebelum Tuan Yang di-Pertua suruh. *[Ketawa]* Saya tarik baliklah.

Saya hendak menyatakan bagaimana perjuangan parti-parti pembangkang khususnya DAP mengeksploitasi isu-isu. Dulu dia kena halau daripada Dewan ini, Yang Berhormat dari Jelutong sebab apa? Sebab dia marah dengan kerajaan sebab tidak ambil tindakan

kepada Rahim Thamby Chik. Saya masih ingat, dia sanggup keluar Dewan! Jadi, janganlah ambil publisiti murah, Yang Berhormat dari Jelutong.

Kemudian DAP, saya hendak berbalik kepada keadilan di mahkamah. Saya rasa sedih bila Ketua Pembangkang bercakap seolah-olah selepas tahun 1988, kita sudah tidak boleh percaya lagi kepada mahkamah apabila krisis kehakiman timbul. Mahkamah ini seolah-olah bias, dikontrol oleh pihak kerajaan – dengar cakap kerajaan. Kalau ini dia cakap kepada orang kampung, orang kampung percaya! Inikah perjuangan yang mengatakan untuk menyedarkan rakyat? Orang yang tidak tahu undang-undang dia boleh jadi akan terpengaruh.

Saya hendak menyatakan, kalau betul mahkamah ini boleh mengikut arahan kerajaan, Ahli Yang Berhormat Jelutong sendiri pernah menang petisyen pilihan raya, ya, dia menang petisyen pilihan raya – Rena Kaurkah yang hendak buat petisyen pilihan raya – dia menang! Dia hendak apa? Mengapa dia tidak mengatakan mahkamah adil? Dia diam. Bintulukah kalau saya tidak silap, dia pun menang. Bermakna dalam petisyen pilihan raya yang diketuai oleh hakim selepas tahun 1995, ada dua, tiga, empat kes yang dimenangi oleh pihak DAP, itu lebih penting. Kalau betul kerajaan hendak campur tangan fasal kehakiman, itu lebih penting sebab menentukan kedudukan Ahli Parlimen di dalam Dewan yang mulia ini. Kalau kalah, gugur daripada menjadi Ahli Parlimen. Yang membentuk kerajaan adalah Parlimen. Itu lebih penting kalau kerajaan hendak campur tangan saya fikir tetapi adillah mahkamah – beri kemenangan kepada DAP. Hari itu kalau Ahli Parlimen Jelutong kalah buat by-election, saya yakin, kalah Ahli Yang Berhormat Jelutong tetapi dia menang! Okay, kita terima tetapi kenapa pula dia bercakap lagi hari ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengingatkan bahawa jangan mudah sangat kita mempengaruhi rakyat – bercakap tidak selain daripada menghilangkan keyakinan rakyat kepada polis, menghilangkan keyakinan rakyat kepada keadilan, kepada mahkamah sedangkan dalam mahkamah, dalam undang-undang kita, daripada rakyat biasa sampai kepada raja-raja pun sekarang ini sudah boleh kita dakwa. Dulu raja-raja, kita tidak boleh dakwa. Barisan Nasional menyeru kehendak rakyat semua adil di mata undang-undang – tidak kira pangkat – saman, boleh didakwa! Raja-raja pun sekarang sudah boleh didakwa, jadi sesiapa sahaja, pemimpinkah, menterikah atau sesiapa sahaja, saya sendiri pun kalau bersalah, Ahli Yang Berhormat Jelutong sendiri pun kalau bersalah boleh didakwa. Jadi, ini hakikat yang mesti diterima – perubahan yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional menegakkan keadilan tanpa mengira pangkat, darjat, semuanya sama di mata undang-undang.

Begitu juga di dalam mahkamah, saya tidak faham mengapa Yang Berhormat dari Tanjong tidak berpuas hati dengan keadilan mahkamah. Apakah kerana anaknya kalah di dalam kesnya, maka dia marah dengan mahkamah? Kalau ini yang berlaku, ini bukan perjuangan bangsa, bukan perjuangan untuk rakyat – memperjuangkan untuk anaknya. Di dalam mahkamah Yang Berhormat dari Jelutong seorang lawyer yang terkenal – criminal lawyer, saya bukan criminal lawyer tetapi saya corporate lawyer – saya hendak beritahu, jangan dia ingat saya corporate lawyer, kalau dia bincang korporat, dia belum tentu tahu dengan saya lagi, criminal yes, dia boleh menang dan dia pun tahu kalau misal kata keadilan mahkamah tidak betul, mahkamah boleh dibeli, saya cabar Ahli Yang Berhormat Jelutong letak jawatan sebagai peguam! Berapa banyak kes yang patut dijatuhkan hukuman mati, dia menang! habeas corpus dia menang! Tidak percaya lagi? Tidak percaya letak jawatan sebagai peguam! [Tepuk] Kalau percaya nasihatkan Ahli Yang Berhormat Tanjong jangan sekali-kali menggugat keadilan dan juga keutuhan kehakiman dan undang-undang dalam negara kita. Keutuhan mahkamah harus kita hormati. Kalau sudah sampai rakyat tidak puas hati dengan mahkamah, sudah tidak ada makna, akan jadi Indonesia yang saya tunjuk dalam gambar tadi. Mereka tidak akan percaya kepada mahkamah, mereka tidak

akan percaya kepada polis, mereka akan membuat tindakan di dalam undang-undang di dalam tangan mereka sendiri.

Dalam mahkamah, Yang Berhormat pun tahu. Apa? Kalau tidak puas dengan Mahkamah Tinggi – ada satu hakim dengar, boleh membuat rayuan kepada Mahkamah Rayuan sekurang-kurangnya ada tiga kuorum hakim; tidak puas Mahkamah Rayuan pergi Mahkamah Persekutuan – sekurang-kurangnya ada tiga hakim lagi. Ini ada DAP minta sampai 9 hakim. Sekurang-kurangnya satu kes didengari oleh tiga campur tiga; enam campur satu; tujuh hakim minimum! Takkan tujuh-tujuh hakim ini boleh dibeli! Kemudian di dalam itu ada pendakwa raya. Pendakwa raya ini Yang Berhormat tahu bukannya dia menyiasat kes, dia bergantung kepada apa report yang sampai kepada dia. Kalau dia tengok kes ini pun dia tidak boleh menang, takkan dia hendak bawa ke mahkamah, bermakna pendakwa raya begitu yakin dia ada bukti-bukti yang kukuh. Sebagai peguam bela bukan susah sangat hendak menang dalam kes, just create reasonable doubt sahaja, itu sahaja kerja peguam bela dari segi teknikal tetapi pendakwa yakin mesti ada bukti yang kukuh baru kes itu boleh dibawa ke mahkamah.

Kemudian hakim yang membuat keputusan, Yang Berhormat pun tahu, macam mana hakim membuat keputusan. Dia tidak boleh set siap-siap otak dia kata orang ini akan bersalah, dia akan beri hujah-hujah macam itu, dia berpandu kepada undang-undang, kepada fakta, kepada hujah-hujah dan segala hujah-hujah hakim dan segala keputusan yang dibuat oleh hakim ini dia akan merubah seluruh undang-undang di dalam negara kita, akan merubah sistem pendidikan principle of law yang budak-budak universiti belajar di universiti yang kadang-kadang kita terpaksa pinda di dalam Dewan yang mulia ini, macam kes prima facie, Yang Berhormatlah punya fasal sebab Yang Berhormat pandai belit-belit, walaupun di Singapura Yang Berhormat kalah, di Brunei Yang Berhormat kalah, di sini Yang Berhormat menang, okay kita terima, kita pinda undang-undang di dalam Dewan yang mulia ini.

Jadi, bagaimana yang DAP khasnya Ketua Pembangkang yang mempersoalkan tentang keutuhan undang-undang di negara kita. Jadi, saya harap Yang Berhormat sebagai peguam beri nasihat kepada Ahli Yang Berhormat Tanjong yang mendapat Ijazah Undang-undang di dalam tahanan ISA. Tidak tahu praktiskah atau tidak. Belajar dalam tahanan ISA sahaja, jadi susahlah, belajar tidak ada guru ini, orang kata kalau ikut Islam belajar dengan syaitan. Nabi Muhammad s.a.w. pun ada guru dia – ini malaikat ini. Ini belajar sendiri, dapat Ijazah lepas itu tidak faham undang-undang, bercakap dari segi undang-undang. *[Disampuk oleh Yang Berhormat dari Alor Gajah] Ha? [Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sedih sebab pihak pembangkang mengeksploitasi isu-isu yang bukannya boleh memberikan keamanan kepada negara – menambahkan lagi kekecohan, kekeruhan suasana politik di negara kita. Tunggulah pilihan raya, kita gentleman. Pertama kali pilihan raya di Kelantan, satu UMNO pun tidak menang, kita relaks, kita terima! Sabah pernah jatuh kepada pembangkang, kita boleh terima! Jadi, kita kena hormat kepada Perlembagaan kita. Jangan create suasana yang saya nyatakan tadi. Negara kita ini berbeza. Kalau di Filipina boleh jadi semua orang Filipina tetapi di Malaysia kena ingat, kita ada pelbagai kaum pelbagai bangsa, pelbagai agama yang amat merbahaya kalau api-api perkauman, api-api agama ini terus dinyalakan di kalangan rakyat. Tuan Yang di-Pertua, saya harap mengenai keadilan mahkamah ini harus kita hormati dan kita percaya bahawa kalau setiap rakyat menaruh kepercayaan kepada pihak polis, kepada mahkamah, maka segala apa yang ditimbulkan hari ini dapat kita atasi. Kalau saya tidak cakap, ini pelajar-pelajar dari Tanjong Karang pun ada datang, dari Yan pun pasal padi. Saya kena cakap masalah pertanian. Jadi, masalah politik saya rasa semua sudah saya cakap – demokrasi, saya hendak menyentuh mengenai dasar pertanian negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita ingin mengalu-alukan dan sebagai wakil rakyat yang datang daripada kampung, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang

memberi peruntukan yang lebih kepada pertanian walaupun tidak ada pilihan raya dan tidak tahu bila akan diadakan. Pihak PAS ada mengatakan Barisan Nasional apabila hampir hendak diadakan pilihan raya barulah hendak bagi baja dan bantuan subsidi. Tetapi saya hendak mengatakan baru-baru iaitu kalau tidak silap saya dua bulan lepas, kerajaan telah menambah subsidi baja padi sebanyak 3 kempit baja untuk setiap ekar. Tidak perlu tunggu pilihan raya pun, tetapi oleh kerana Kerajaan Barisan Nasional adalah kerajaan yang prihatin dan bertanggungjawab untuk membantu rakyat, oleh kerana kita perlu bantu, maka kita teruskan bantuan dengan tidak menunggu sehingga pilihan raya.

Tuan Yang di-Pertua, kegawatan ekonomi yang dialami sekarang telah membuka mata perancang-perancang dasar betapa perlunya pengukuhan dan penyekatan pengeluaran makanan dikawal selia dengan semantap mungkin. Dasar makanan haruslah menjadi teras utama dan penggubalan Dasar Pertanian Negara Yang Ketiga, sebab sekarang ini kita baru di tahap Dasar Pertanian Yang Kedua, iaitu akan muncul pula Dasar Pertanian Yang Ketiga. Data 1996 dan 1997 menunjukkan defisit yang besar dalam imbalan pembayaran yang disumbangkan oleh input-input pertanian melebihi RM1.6 bilion. Pengeluaran input pertanian tempatan terutama makanan, ternakan, racun, baja dan perubatan perlu ditingkatkan segera bagi menggantikan produk import. Ini kerana 21% daripada import makanan dan input pertanian terdiri daripada barangan tersebut. Kenaikan harga input pertanian akan meningkatkan kos pengeluaran dan mengurangkan daya saing keluaran makanan tempatan. Peranan P&P dan juga kerjasama antarabangsa dalam bidang pertanian harus terus kita gembengkan. Selain meningkatkan pengeluaran rangkaian dengan industri makanan haruslah dipelbagaikan sama ada oleh pelabur tempatan atau asing. Keadaan sekarang, para pelabur tempatan sukar mendapatkan pinjaman dan pendahuluan untuk pertanian manakala pelabur asing kurang berminat dengan industri makanan.

Pada tahun 1993, jumlah sumbangan pelaburan asing dalam pengeluaran makanan hanya 2.9% dan semakin berkurangan kepada 0.8% pada tahun 1996. Sektor pertanian semakin dipinggirkan oleh industri kewangan sejak tahun 1980. Ini juga mencerminkan berkurangnya permintaan untuk kredit pertanian oleh sektor swasta. Pelabur asing pula menunjukkan minat yang semakin pudar terhadap sektor pengilangan makanan. Perubahan ini membayangkan bahawa pulangan ke atas pelaburan modal dalam sektor ini mungkin tidak begitu menarik berbanding dengan sektor-sektor lain seperti pembuatan elektrik dan juga elektronik. Walaupun negara sudah mengejar era negara perindustrian, perancangan-perancangan terutamanya pengeluaran dan pemerosesan makanan tidak harus dipinggirkan. Tumpuan pembangunan terhadap sektor perindustrian sahaja tidak akan dapat menjamin kestabilan ekonomi yang dialami dapat dikekalkan. Pergantungan terhadap import makanan yang berlebihan hanya akan melemahkan lagi kadar mampu diri pengeluaran makanan dalam negara. Tiada insentif untuk mencuba teknik pengeluaran yang baru, kurangnya daya saing keluaran makanan dalam negara dan kesan-kesan buruk yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, di samping kita mengubah dasar kita juga jangan lupa bahawa tanpa petani-petani di luar bandar, ertinya kalau tidak ada orang yang hendak mengerjakan bidang-bidang pertanian kita tidak akan mencapai harapan kita. Sebab itu masalah petani ini harus dilihat dan dikaji secara terperinci supaya kita dapat menilai apakah benar petani-petani kita pada hari ini telah pun mendapat pulangan yang baik daripada hasil-hasil pertaniannya.

Saya ingin membuat perbandingan, perbelanjaan pengurusan sawah padi satu lot – tiga ekar di kawasan saya. Jenis kerja, saya hendak beritahu iaitu harga sebelum kegawatan ekonomi dan harga sekarang. Bagaimana input ini naik? Racun rumput empat liter pelbagai jenis, sebelum kegawatan ekonomi harganya RM32, hari ini RM52 – naik RM20; Racun Rumput Sambaui dahulu RM70, hari ini RM124 – naik RM54; Racun Serangga Umum dahulu satu botol RM80, hari ini RM130 – naik RM50; Racun Bina Perang dahulu satu botol RM140, hari ini RM220 – naik RM80; Racun Kulat dahulu dua

botol RM70, hari ini RM120 – naik RM50; baja buah – yang dapat bantuan tadi itu ialah baja urea, ini baja buah dan kalau tidak beli baja buah padi tidak berbuah. Baja buah empat beg, satu beg RM40 - kali dengan lapan beg – satu lot ekar dahulu RM112, hari ini RM320 – naik RM208. Upah membajak empat kali kalau satu musim, dahulu upahnya RM180, hari ini upahnya naik RM250 – naik RM70. Benih padi yang kita beli dahulu RM200, hari ini RM220 – naik RM20. Upah lori bawa padi lima metrik tan – lima metrik tan dikalikan dengan RM25, dahulu RM100, hari ini RM125 – upah lori pun naik RM25. Upah jentuai, upah mesin padi, dahulu RM225, hari ini RM250 – naik RM25.

Jadi, daripada pendapatan padi satu lot tiga ekar puratanya lima metrik tan harga sekarang RM580 kalau kita kalikan dengan lima, kita dapat RM2,900, kemudian kita dapat sedikit bantuan subsidi – kita dapat lebih kurang RM1,209. Jadi jumlah yang kita dapat daripada subsidi padi dan juga baja daripada RM2,900 campur RM1,209 berjumlah RM4,109 kemudian kita tolak dengan kos yang telah saya nyatakan tadi iaitu yang telah naik begitu mendadak – RM1,811. Jadi bersih untuk satu musim padi boleh diperolehi sebanyak RM2,298 dibahagikan dengan enam bulan sebab satu tahun dua kali, pendapatan bersih para petani lebih kurang RM383. Kalau RM383 sebulan, kajian ini dibuat oleh Pertubuhan Peladang, kalau pihak pertanian dan MARDI tidak percaya buat kajian sendiri betul ataupun tidak apa yang saya katakan. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian senyum. Boleh buat kajian RM383 sebulan masih lagi di paras garis kemiskinan dan oleh itu kita merayu supaya Kementerian Pertanian harus melihat Dasar Beras Negara supaya dilihat beras ini mesti dikawal harganya. Kalau harga beras tidak dikawal dan hanya 'Premium' dan 'Standard' yang dikawal, harga 'Super' tidak dikawal, maka sudah tentu beras ini sentiasa akan naik.

Saya hendak sebut pula harga beras, harga beras 'Super' 5% saya hendak cakap tiap-tiap bulan. Tahun ini 1998, harga pada bulan Mei harganya RM117, bulan Jun sebulan naik kepada RM122, bulan Julai kekal sebanyak RM122, baru-baru ini bulan Ogos naik RM133, September naik daripada RM133 kepada RM140. Tiap-tiap bulan harga beras naik sebab tidak dikawal. Kemudian pada hari itu Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian memberi jawapan hasil daripada soalan Yang Berhormat dari Sabak Bernam – buat satu dasar supaya padi di Selangor tidak boleh dijual di Kedah atau di Perlis.

Ini menimbulkan rungutan kepada rakyat. Jawapan Timbalan Menteri mengatakan supaya hendak kontrol harga beras. Dengan kiraannya, kiraan lojiknya memang betul. Padi daripada Tanjong Karang bawa pergi ke Kedah tentu kosnya tinggi. Kos lorinya lagi dan lain-lain kos. Tetapi bagi pesawah, kita mengalu-alukan perkara itu. Sebab hendak harapkan Bernas beli, hanya RM55. Paling tinggi dia boleh beli RM58, yang dia berani beli untuk seratus kilo. Swasta berani beli sampai RM70. Paling sedikit pun swasta berani beli RM60.

Jadi, sebab itu bila dasar ini dibuat, kami di Tanjong Karang rasa terkilan amat sangat. Sebab untuk menjaga harga beras pesawah padi terpaksa berkorban. Kerana harus ingat semua orang makan beras, tetapi tidak semua orang tanam padi. Bagaimana kita sebagai petani terpaksa berkorban. Untuk menjaga harga beras kita terpaksa korbankan pesawah-pesawah padi yang betul-betul mengharapkan kepada padi sebagai mata pencarian mereka. Apakah adil untuk pastikan beras yang dimakan oleh semua rakyat negara ini, petani-petani terpaksa berkorban? Sebab itu kita di Tanjong Karang dan Sabak Bernam – saya dengan Yang Berhormat dari Sabak Bernam sudah pergi jumpa Menteri dan berdialog. Saya masih lagi menyatakan bahawa rintihan, rungutan orang di Sabak Bernam dan Tanjong Karang masih tidak puas hati. Sebab apabila sekatan ini dibuat, harga petani rugi. Paling sepatutnya mereka boleh dapat RM70 seratus kilo, dia hanya mampu mendapat RM58 yang Bernas berani beli. Jadi, sekurang-kurangnya RM10 mereka akan rugi.

Jadi, ini yang kita harap kawallah segera harga beras ini, dan apabila harga beras ini dikawal, tolong batalkan undang-undang yang menyekat padi di Selangor tidak boleh dijual di Kedah dan Perlis kerana orang Kedah dan Perlis yang berani beli dengan harga yang mahal. Sebab negara kita mengamalkan ekonomi bebas. Bila kita ada ekonomi bebas, saya rasa menjadi hak rakyat, suka hati rakyat hendak jual di mana-mana padi sebab itulah mata pencarian dia. Bila dia disekat seolah-olah mereka rasa sudah tertekan, sudah tidak ada kebebasan untuk mereka menjual harta mereka. Untuk itulah mata pencarian mereka.

Kita bersetuju boleh buat undang-undang tersebut tetapi pastikan Bernas sendiri boleh mengambil harga yang sama dengan syarikat. Kita minta RM60 pun Bernas tidak berani hendak beli. Paling tinggi dia boleh berani beri RM58. Swasta RM65 pun dia berani beri. Jadi, kita harap dalam kita memberi bantuan kepada petani, kita alu-alukan dasar-dasar tertentu harus dikaji supaya dasar-dasar ini tidak memberikan kesusahan kepada petani-petani. Kita percaya dengan ada semangat yang baik kepada petani-petani, dengan usaha yang dilipat ganda oleh petani-petani, maka segala dasar pertanian negara, segala harapan kita ingin menghasilkan produk pertanian kita sendiri akan tercapai. Dengan kata-kata tersebut saya menyokong Belanjawan 1999.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Seremban.**

**3.27 ptg.**

**Dato' Hon Choon Kim [Seremban]:** Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya berbahas.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya Belanjawan yang telah dibentangkan pada kali ini bukan satu Belanjawan yang biasa. Bagi saya Belanjawan yang telah dibentangkan adalah merupakan satu perancangan untuk memulihkan ekonomi, ia bukan sahaja untuk menentukan sekor-sektor mana yang akan diberikan wang peruntukan dan sebagainya. Sebab saya menyatakan begini kerana saya rasakan Belanjawan yang telah dibentangkan mengandungi banyak rancangan dan langkah-langkah yang positif untuk diambil supaya mengatasi kegawatan ekonomi. Jadi, saya tidak bercadang untuk bahas banyak tentang Belanjawan sebenarnya.

Tetapi apa yang penting bagi rakyat Malaysia dan bagi negara kita ialah sama ada Belanjawan yang telah dibentangkan atau langkah-langkah yang telah dibentangkan boleh atau tidak memulihkan ekonomi dan mendatangkan keyakinan kepada orang ramai. Bagi saya ini adalah soalan yang penting dan soal pokok. Tuan Yang di-Pertua, saya memang tidak ragu-ragu tentang kebolehan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta rakan-rakan dalam Kabinet. Saya cukup yakin kepada mereka bahawa dengan kerjasama antara mereka, memang kerajaan boleh merangkakan satu langkah atau rancangan yang cukup baik untuk memulihkan ekonomi. Tetapi apa yang penting sekarang ialah sama ada rakyat bersetuju, sama ada rakyat akan memberi sokongan kepada langkah-langkah yang dicadangkan oleh kerajaan. Itu jadi masalah yang amat penting.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan dukacita menyatakan bahawa kalau ikut apa yang saya lihat dan yang berlaku sekarang ini, saya sangat dukacita. Segala rancangan yang diambil oleh kerajaan mungkin tidak akan capai matlamat. Kalau rakyat masih teruskan tunjuk perasaan, dan badan-badan NGO, parti-parti pembangkang dan sebagainya untuk mengambil langkah macam ini, saya ragu-ragu bahawa langkah yang telah diambil ini akan mendatangkan manfaat kepada rakyat keseluruhannya. Sebab bagi saya, kestabilan politik adalah satu perkara yang amat penting. Tanpa kestabilan politik janganlah kita harapkan bahawa negara kita ini akan makmur, negara kita ini akan aman, negara kita akan bertambah kaya dan ekonomi kita akan pulih.

Jangan kita harap kalau tanpa kestabilan politik. Jadi, inilah satu masalah yang amat penting. Saya memang rasa dukacita kerana saya melihat setiap minggu berlaku

tunjuk perasaan dan sebagainya. Ini sepatutnya bukan budaya rakyat Malaysia. Ini bukan budaya kita. Amat dahsyat sekali ialah mereka gunakan anak dan juga kanak-kanak dan juga perempuan, wanita dalam melaksanakan tunjuk perasaan ini. Bagi saya ini macam taktik yang dilakukan oleh komunis dahulu di negara China, apabila komunis berlawan dengan pemerintah, komunis menggunakan kanak-kanak dan wanita. Mereka mendepankan mereka dan askar membawa senapang di belakang. Jadi, ini cara yang amat bahaya, amat tidak bertanggungjawab. Jadi, saya tengok gambar-gambar yang ditunjuk dalam surat khabar, saya rasa sangat dukacita.

Kepada kumpulan yang tidak bertanggungjawab ini, untuk melakukan tindakan seperti ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita biarkan keadaan berterusan, maka saya tidak akan berharap negara kita ini akan mencapai atau rancangan-rancangan yang telah dirangkakan oleh pihak kerajaan akan capai matlamatnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin sebut berkenaan ISA. Bagi saya ISA memang satu undang-undang yang amat penting bagi kita. Kalau kita lihat mentaliti sekumpulan orang ini, saya rasa ISA tidak boleh kita mansuhkan. Sebenarnya ISA ini adalah satu undang-undang untuk menjaga kepentingan rakyat. Bagi keseluruhan rakyat, inilah satu akta yang baik. Kalau kita lihat tadi, Tanjong Karang pun sudah sebut, kalau ikut rekod banyak tahanan ditahan di bawah ISA ini bukan daripada orang politik. Kebanyakannya adalah yang melakukan kesalahan memalsukan pasport dan sebagainya. Saya tidak tahu mengapa orang takut ISA. Tetapi memang orang tidak takut ISA. Kalau tanya orang baik, orang yang ikut undang-undang tidak akan takut ISA. Orang yang berniat jahat, hendak melakukan sesuatu, melanggar undang-undang atas sebab kebebasan, mereka ini minta hapuskan ISA itu. Saya tidak setuju.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ISA ini memang satu undang-undang yang baik. Sebab apa yang telah disebut oleh Tanjong Karang itu bukan hanya negara kita Malaysia mempunyai ISA, bahkan di negara-negara lain. Negara yang lebih maju daripada kita juga mempunyai ISA untuk menjaga keamanan negara itu.

Jadi, apa salahnya? Jadi, saya minta orang yang mencadangkan ISA kena dimansuhkan atas nama kebebasan dan sebagainya, tidak dapat diterima saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga rasa amat dukacita bahawa baru-baru ini kumpulan Gerak dan juga parti DAP, parti-parti pembangkang cuba menggunakan budaya orang Cina untuk melakukan reformasi kononnya, digunakan tulisan atas tanglong itu, Tuan Yang di-Pertua pun sudah faham [bercakap dalam bahasa Cina] maknanya 'api jangan dipadamkan'. Apa maksudnya itu, gunakan tanglong. Sebenarnya tanglong adalah merupakan budaya orang Cina untuk meraikan satu perayaan yang begitu baik tetapi dia gunakan cara ini, gunakan perayaan itu untuk melakukan atau kempen reformasi. Saya tidak bersetuju, saya rasa amat dukacita terhadap tindakan mereka.

Sebenarnya Pesta Tanglong atau Moon Cake Festival merupakan satu festival, satu perayaan untuk orang Cina untuk merai bersama-sama dengan keluarganya tetapi malangnya digunakan untuk kononnya mengadakan kempen reformasi, jadi saya pun merasa tidak patut melakukannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Gerak atau lain-lain NGO dan juga parti-parti pembangkang berhentilah, janganlah teruskan kerja ini, jangan lakukan tindakan semacam ini kerana saya rasa ini tidak akan mendatangkan apa jua manfaat kepada sesiapa jua. Ini bukan sahaja tidak akan mendatangkan manfaat tetapi juga akan menjejaskan keharmonian, kemakmuran di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin sentuh pentadbiran kerajaan. Jika kita hendak lihat Belanjawan yang dibentangkan pada kali ini dilaksanakan dengan licin dan

berjaya, satu perkara penting ialah pentadbiran kerajaan. Tidak dapat kita nafikan masih ada kelemahan dalam pentadbiran kerajaan.

Baru-baru ini kita telah mendengar Setiausaha Kerajaan mengkritik bahawa pejabat-pejabat tertentu tidak menjalankan tanggungjawab atau menjalankan tugas yang baik, umpamanya ia telah menyentuh bahawa ada pejabat-pejabat tertentu tidak melaksanakan tugasnya, umpamanya pejabat tanah, dia pernah tegur bahawa pejabat tanah mengambil masa begitu panjang untuk meluluskan sesuatu permohonan.

Saya juga ingin sentuh di sini bahawa kerajaan tempatan juga dan majlis-majlis daerah merupakan sebuah kerajaan tempatan yang penting, sebab dialah merupakan satu kerajaan yang hampir dekat dengan rakyat tetapi kalau kita melihat prestasi mereka, kalau lihat perkhidmatan yang diberikan oleh mereka, saya masih rasa ini belum sampai tahap memuaskan dan membanggakan. Jadi, saya berharap kelemahan ini juga perlu kita perbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh juga tentang sistem perbankan di sini. Sistem perbankan di Malaysia ini, kadangkala kita hendak tahan pun tidak boleh, kalau kita hendak sentuh sistem perbankan di Malaysia ini memang baik, kita pun tidak boleh berkata begitu sebab kita lihat Bank Bumiputra Malaysia Berhad, Sime Bank Berhad dan sebagainya menghadapi kerugian yang begitu besar, bukan sekali sahaja, kerap kali berlaku. Jadi, hendak kita tahankan mereka pun tidak boleh.

Jadi, saya ingin bertanya kerajaan sama ada kerajaan telah mengambil langkah atau undang-undang disiplin terhadap mereka yang bertanggungjawab. Kita tidak mahu perkara ini berulang kali berlaku, kita tidak mahu suntikan wang ini diberikan kepada bank-bank yang berkenaan, sepatutnya mereka mesti belajar atau learn from the mistake, takkan mereka boleh belajar kerana kerap berlaku. Sime Bank Berhad umpamanya mengikut satu laporan bank itu meminjamkan melebihi tahap yang telah dibenarkan oleh Central Bank. Jadi, bank itu menghadapi kerugian yang begitu besar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sama ada orang yang bertanggungjawab itu telah diambil tindakan atau tidak atau dibiarkan macam itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sistem perbankan ini adalah satu institusi yang amat penting untuk kita. Oleh kerana beberapa kelemahan, ini sudah jadi satu punca atau satu bahan untuk orang luar mengkritik sistem perbankan di negara kita ini. Jadi, saya rasa kalau kita boleh memperbaiki beberapa perkara yang telah disentuh oleh saya tadi, saya rasa mungkin kita boleh memulihkan ekonomi dalam masa yang singkat.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu saya juga ingin menarik perhatian kepada produktiviti dan daya saing antarabangsa Malaysia. Untuk menjamin ekonomi kita bertambah kukuh pada masa depan, Malaysia perlu sentiasa meningkatkan produktiviti dan daya saing di antarabangsa. World Competitive Report 1997, dengan izin, menyenaraikan Malaysia di tempat ke-17 daripada 46 buah negara membangun dan sedang membangun dalam kedudukan daya saing dunia. Di antara negara-negara bukan OECD, Malaysia disenaraikan sebagai negara ketiga yang paling bersaing, selepas Singapura dan Hong Kong. World Competitive Report ini menggunakan lapan faktor sebagai asas penilaian daya saing. Faktor-faktor ini ialah ekonomi dalam negeri, pengantarabangsaan, kerajaan, kewangan, infrastruktur, pengurusan, sains dan teknologi dan penduduk. Di Malaysia, antara faktor-faktor ini sains dan teknologi dan penduduk merupakan struktur yang lemah. Walaupun saya tidak akan menerima laporan ini secara total tetapi ia boleh digunakan sebagai panduan kepada kita tentang daya saing itu.

Oleh kerana itu, saya minta Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan Kementerian Pendidikan mengambil perhatian tentang perkara ini dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini dilaporkan sebagai berkata bahawa beliau rasa

kecewa kerana kedudukan R&D di Malaysia adalah mendukacitakan. Beliau berkata walaupun ada cukup wang untuk R&D, tetapi tidak ada pihak yang menggunakannya. Saya ingin tahu apa masalah sebenarnya dan kenapa perkara ini tidak dapat kita betulkan.

Bagi Kementerian Pendidikan, saya ingin mencadangkan supaya penekanan dapat diberikan kepada kursus berasaskan kepada sains dan teknologi. Saya juga ingin tahu apakah program yang sedang dan akan dilaksanakan untuk tujuan itu.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa dahulu salah satu sebab penubuhan ekonomi negara kita yang pesat adalah kerana pengaliran masuk pelaburan asing atau FDI. Ini kerana upah tenaga masih rendah tetapi tahun-tahun kebelakangan ini daya saing upah merosot berbanding dengan tenaga buruh di negara-negara yang baru muncul. Usaha harus diberikan untuk meningkatkan kemahiran tenaga buruh kita.

Saya rasa gembira kerana kita lihat dalam Belanjawan yang telah dibentangkan bahawa kerajaan bercadang untuk membina 75 buah sekolah vokasional dan teknik, 18 buah institusi latihan kemahiran. Jadi, saya mengalu-alukan cadangan kerajaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh sedikit tentang campur tangan orang luar ini. Saya bercakap di Dewan yang mulia ini sebagai seorang wakil rakyat yang dipilih. Melalui pilihan raya umum, sistem pilihan raya telah diperkenalkan sejak negara kita ini mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Dewan yang berlangsung pada hari ini merupakan Dewan Rakyat yang Kesembilan, setiap Ahli Yang Berhormat adalah dipilih untuk mewakili rakyat bagi kawasan masing-masing untuk membahar dan melulus atau menolak setiap rang undang-undang yang dibentangkan.

Sebenarnya negara Malaysia mengamalkan sistem demokrasi berparlimen. Negara ini diperintah oleh sebuah kerajaan yang dibentuk oleh parti-parti politik yang menang dengan lebih banyak kerusi berbanding dengan parti-parti lain.

Saya berbangga kerana sejak merdeka negara ini diperintah oleh parti-parti yang sama iaitu UMNO, MCA, MIC dan lain-lain parti melalui satu ikatan yang unik. Dan ikatan politik ini, tidak lain dan tidak bukan ialah Barisan Nasional. Kerajaan Barisan Nasional telah membawa negara Malaysia yang dulunya mundur dan miskin sebagai negara yang makmur, stabil, aman dan bahagia. Ini terbukti dengan jelas bahawa rakyat Malaysia dan Kerajaan Barisan Nasional tahu memerintah negara Malaysia. Kita tidak mahu campur tangan asing dalam usaha urusan hal ehwal negara kita.

Dalam hal ini, saya rasa amat kesal dan dukacita terhadap beberapa orang asing, yang ingin campur tangan dalam hal ehwal Malaysia. Seorang senator Amerika Syarikat yang didakwa menelefon Hakim Mahkamah Tinggi di pejabatnya meminta hakim menegakkan keadilan dan beliau akan mengawasi perbicaraan kes Dato' Seri Anwar. Baru-baru ini juga terdapat dua orang Senator Amerika Syarikat dilaporkan mendesak presidennya untuk membawa satu usul membahar tentang kes Dato' Seri Anwar dalam persidangan APEC. Saya menentang habis-habisan apa juga bentuk campur tangan dalam hal ehwal kita oleh orang perseorangan atau institusi asing.

Saya bersetuju pandangan Yang Berhormat Menteri Luar bahawa Malaysia tidak boleh menerima campur tangan luar dalam proses perundangannya. Beliau menegaskan bahawa campur tangan seumpama ini menunjukkan rakyat Malaysia tidak memahami erti keadilan dan tidak mampu menjalankan undang-undang kita dengan adil dan baik. Perbuatan senator-senator ini memang tidak patut dan tidak wajar dilakukan. Seluruh rakyat Malaysia merasa terhina dan tersinggung oleh orang asing ini. Malaysia tidak pernah campur tangan dalam hal perundangan Amerika Syarikat. Kita juga tidak mahu orang asing campur tangan dalam urusan dan pentadbiran di negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merasa kesal terhadap pemimpin Filipina dan juga Presiden Indonesia, secara terbuka mengulas kes yang sama dengan tidak mengambilkira

perasaan kerajaan Malaysia. Perpaduan kedua-dua pemimpin ini seolah-olah tidak faham falsafah dan menghayati semangat ASEAN yang diwujudkan sekian lama. Pemimpin Malaysia tidak mengkritik kerajaan Indonesia, apabila rusuhan berlaku di mana ratusan wanita dirogol dan dibunuh.

Setiausaha Perbendaharaan Amerika Syarikat, Robert Robin juga melaporkan sebagai berkata "apa yang terjadi di Malaysia, adalah sesuatu yang amat-amat menggusarkan" tetapi apabila rakyat Amerika Syarikat yang berkulit hitam dianiyai oleh Orang Putih adalah dianggap sebagai adil dan harus diterima oleh semua pihak. Atas nama kebebasan dan keadilan yang dilaung-laungkan oleh mereka, saya bercadang mereka ini berhenti serta-merta bercakap dan campur tangan dalam apa juga urusan kerajaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merasa kecewa terhadap bekas seorang Gabenor terakhir di Hong Kong, Christ Patton baru-baru ini juga mengeluarkan kata-kata yang tidak manis. Saya juga suka menasihatkan orang seperti ini, janganlah campur tangan hal ehwal negara kita. Sebenarnya Patton ini seorang yang telah tewas dalam pilihan raya di England. Jadi, janganlah jadi hero di tempat ini, janganlah jadi hero di negara kita ini. Baliklah negaranya, kalau dia mempunyai kebolehan. Beliau boleh cakap apa sahaja di negara dia, tapi jangan datang sini untuk mengeluarkan perkataan-perkataan yang menyinggung perasaan rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga cuma mahu tanyalah, cuba hendak tanya tentang polis ini, soal polis ini. Saya cukup hairanlah, apabila Dato' Seri Anwar dalam tahanan polis, mengapalah boleh jadi Dato' Seri Anwar cedera. Jadi itulah menimbulkan banyak soalan, sama ada polis telah melakukan tugasnya secara profesional atau tidak? Jadi, ini seharusnya tidak boleh dilakukan, tidak harus berlaku hal ini. Sebenarnya dalam polis custoy ini, polis mesti jaga, mesti jaga orang yang ditahan itu, jangan dia dilakukan macam ini dan untuk kerajaan defend salah, tidak defend pun salah.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, untuk meyakinkan rakyat Malaysia, pihak polis mestilah berhati-hati dalam menjalankan tugasnya. Saya faham, kesusahan-kesusahan yang dialami oleh pihak polis, bukan senang seperti yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bukan senang pihak polis untuk menangani rusuhan dan sebagainya. Certain forces have to be use dengan izin, terhadap mereka. Tapi seorang ditahan, telah ditahan dalam tahanan mereka, polis haruslah jaga agar tidak ada apa-apa perkara yang tidak diingini berlaku dalam masa tahanan. Jadi, ini telah menimbulkan banyak persoalan. Kita pun tidak dapat jawab kepada rakyat, bila rakyat tanya mengapa hal ini menjadi macam ini, kita pun tidak tahu bagaimana hendak menjawab.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya juga nasihat parti-parti pembangkang, kawan-kawan yang duduk sebelah itu jangan main api. Jangan main api, jangan gunakan keadaan Malaysia ini untuk kepentingan politik mereka. Setiausaha Agung DAP telah cakap, kalau ini berlaku, mereka boleh menang banyak kerusi. Dia rasa gembira, cukup gembira. Sebenarnya mereka harap kerajaan hura-hara, kerajaan negara kita ini bermasalah. Kalau negara kita ini makmur, negara kita ini baik, mereka tidak ada peluang. Tapi nampaknya, peluang sudah sampai, mereka sudah tunggu lama, sudah sampai keadaan seumpama ini. Jadi, janganlah mereka mainkan keadaan ini. Ini sangat bahaya. Jangan menaikkan semangat orang. Jangan menaikkan semangat-semangat orang yang tidak bertanggjawab. Kononnya kalau ini berterusan, kerajaan akan jatuh.

Tuan Yang di-Pertua, inilah perkara yang sangat bahaya. Kalau kita lihat apa yang dikatakan oleh parti-parti pembangkang, memang mereka bercakap begitu bersemangat sekarang. Memang dia ada sebut, mungkin mereka akan duduk di sana, di sebelah sana. Jadi bolehlah, kita boleh lawan dalam pilihan raya tapi jangan gunakan keadaan ini untuk melakukan sesuatu, supaya negara kita hancur. Pada masa itu, walaupun

mereka menang pun tidak ada gunanya. Jadi, saya nasihatkan parti-parti pembangkang, jangan main api, sebut kebebasan, keadilan.

Sebenarnya tidak ada langsung kebebasan, keadilan dalam parti DAP. Jadi telah ditunjuk begitu jelas, begitu jelas, 1 minit seorang ahli telah berkhidmat 30 tahun, pun telah dibuang, 1 minit sahaja. 30 tahun jadi ahli, bertungkus lumus 32 tahun, tambah 2 tahun lagi tengok. Seputeh, ahli dari Seputeh, diberhentikan, dipecat daripada parti. Jadi jangan sebut, jangan sebut kelemahan orang lain. Bahkan kelemahan dirinya tidak nampak. Jadi jangan sebut, jangan selalu hendak sebut, ini keadilan, ini kebebasan, kita mesti lawan, mesti tahan dan sebagainya. Sebenarnya tidak ada langsung kebebasan, keadilan dalam parti-parti pembangkang. Jadi saya berharap rakyat juga tidak akan bermain atau dimainkan oleh mereka. Jangan percaya, jangan percaya, sekarang dia sebut hapuskan ISA. Saya yakin dan percaya, kalau parti pembangkang memerintah negara kita ini, mereka akan lagi dahsyat, mungkin akan memperkenalkan undang-undang yang lebih zalim untuk dilakukan, dilaksanakan di negara kita ini.

Percayalah saya punya cakap, saya pun telah perhatikan caranya DAP bergerak, caranya DAP punya politik, jadi saya yakin dan percaya kalau mereka memerintah, rakyat Malaysia bertambah rumit dan tidak akan menikmati keamanan dan kesejahteraan seperti yang kita nikmati pada masa sekarang. Jadi dengan kata-kata ini saya memohon menyokong.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Seputeh.

**3.54 ptg.**

**Tuan Liew Ah Kim [Seputeh]:** Terima kasih, Tuan Yang di Pertua. Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan I telah membentangkan Belanjawan 1999 di dalam Dewan Rakyat pada Jumaat lalu. Belanjawan 1999 memperuntukkan sebanyak RM65.095 bilion iaitu sebanyak RM47.042 bilion untuk perbelanjaan Mengurus dan RM18.053 bilion untuk perbelanjaan Pembangunan. Belanjawan tahun depan adalah kurang 9.3% dibandingkan dengan belanjawan untuk tahun ini. Hasil kerajaan pula dijangka menurun kepada RM47.16 bilion atau sebanyak 14.3% dibandingkan dengan tahun ini. Akan tetapi apa yang dikesali ialah defisit sebanyak RM16.6 bilion dalam belanjawan untuk tahun hadapan yang agak merunsingkan. Bagaimana dan daripada manakan kerajaan ingin mengatasi kekurangan sebanyak RM16.6 bilion ini.

Tuan Yang di Pertua, tentang harga indeks pengguna ataupun consumers price index, harga indeks pengguna telah meningkat sebanyak 5.2% untuk sembilan bulan pertama tahun ini berbanding dengan 2.6% untuk tempoh yang sama untuk tahun lalu. Ini amat membimbangkan disebabkan para penggunalah yang paling terjejas akibat kegawatan ekonomi ini. Semasa kegawatan ekonomi ini, ramai pekerja telah hilang pekerjaan, ada yang gaji mereka telah dipotong atau dikurangkan. Ramai pula yang tidak menerima bonus, kakitangan kerajaan pula tidak akan menerima apa-apa bonus hujung tahun ini. Kesemua ini akan menjejaskan mereka dan keluarga mereka. Harga banyak barang termasuk barang-barang buatan tempatan telah pun naik. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna harus mengambil tindakan yang tegas dan keras untuk mengawal harga daripada melambung naik.

Saya ingin juga menyentuh masalah-masalah yang dihadapi oleh pemegang-pemegang kad kredit. Pada ketika ini, terdapat kira-kira 2.2 juta pemegang kad kredit di negara ini dan mereka berhutang kira-kira RM500 juta. Bukan semua orang memiliki kad kredit untuk berpoya-poya. Kad kredit memang mempunyai keistimewaan dan keselesaan. Ramai yang menggunakan untuk membayar rawatan ibu bapa ataupun anak-anak mereka kerana inginkan rawatan yang paling baik untuk orang yang disayangi oleh mereka. Ada juga yang membuat cash advance, dengan izin, untuk membiayai pelajaran anak-anak mereka atau sebagai pendahuluan untuk beli rumah ataupun untuk

lain-lain tujuan. Kini akibat kegawatan ekonomi mereka semua ini menghadapi masalah untuk membayar balik wang yang dihutang oleh mereka. Bank-bank yang mengeluarkan kad-kad kredit terus mengheret mereka ke mahkamah dan mengambil penghakiman, the judgement. Pemegang kad kredit membayar semua wang yang dihutang mereka dengan faedah sebanyak 2% hingga 3.5% setiap bulan, dan bayaran lewat, ini adalah compound interest, bukan simple interest, dengan izin. Charge bayaran lewat antara RM50 hingga RM100 setiap bulan bagi setiap kad dan lain-lain bayaran. Bagi mereka yang telah melewati RM10,000 mereka diugut akan dihadapkan ke mahkamah akan diisytiharkan muflis atau bankrap.

Bank-bank telah bertahun-tahun kebelakangan ini mengaut keuntungan yang besar dan tidak ada sebab mengapa mereka harus mencekik para pemegang kad kredit, terutama sekali semasa kegawatan ekonomi sekarang. Tambahan pula, mengapakah bank-bank ini mengenakan faedah yang begitu tinggi sebanyak 2% hingga 3.5% setiap bulan ke atas pemegang kad kredit. Lebih buruk lagi mereka juga mengenakan charge bayar lewat sebanyak RM50 hingga RM100 setiap bulan sehingga selesainya hutang mereka walhal ini harus dimansuhkan serta juga lain-lain charge termasuk kos peguam yang tinggi.

Saya juga hairan mengapa kerajaan begitu lembut dengan bank-bank dan tidak peduli akan kesusahan dan dilema yang dihadapi oleh para pemegang kad kredit serta keluarga mereka.

Saya mencadangkan kepada kerajaan disebabkan keadaan kegawatan ekonomi ini kerajaan hendaklah minta bank-bank dan institusi kewangan memansuhkan bayaran termasuk faedah charge lewat bayar. Mereka yang kad-kad mereka digantung atau dibatalkan atau penghakiman diambil terhadap mereka diminta bayar balik, hanya kredit yang digunakan oleh mereka, lain-lain charge dibatalkan. Bank-bank tidak akan rugi apa-apa disebabkan mereka akan mendapat balik kredit atau modal mereka dan para pemegang kad kredit akan berasa selesa. Juga bank-bank hendaklah diarah supaya hentikan segala proceeding bankrapasi terhadap mana-mana pemegang kad kredit. Apa yang penting bank mendapat balik kredit yang diberikannya mengikut satu jadual bayar balik yang munasabah mengikut kemampuan pemegang kad. Sekiranya, bank-bank berkenaan berdegil maka had bankrapasi hendaklah dinaikkan dari RM10,000 kepada RM50,000 bagi seorang/individu.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak 18 Oktober 1997, Bank Negara Malaysia telah mengarah semua bank komersial untuk memendekkan tempoh untuk non-performing loan (NPL) dari enam bulan ke tiga bulan dengan dikenakan kadar faedah yang lebih tinggi. Akibat tindakan ini, ramai ahli perniagaan dan syarikat-syarikat serta rakyat biasa telah menghadapi krisis kewangan dan ramai hampir-hampir menjadi muflis. Sungguhpun tempoh NPL telah dilanjutkan kepadan enam bulan dan kadar faedah diturunkan, namun ini tidak memadai. Tempoh NPL sepatutnya dilanjutkan kepada sembilan bulan dan kadar faedah dikurangkan lagi untuk menghadapi kegawatan ekonomi kini. Pada penghujung bulan Jun tahun ini, jumlah pinjaman bank adalah sebanyak RM420 bilion dan dari ini RM280 bilion atau 2/3 adalah dari sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, banyak daripada pinjaman ini diluluskan akibat tekanan politik. Kesemua ini membawa kepada kronisme dan nepotisme. Masalah yang dihadapi oleh Sime Bank, Bank Bumiputra dan RHB Bank dikatakan lumpuh akibat tekanan politik, kronisme dan nepotisme. Kerajaan patut dapat menerima pengajaran daripada apa yang negara ini alami hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum kegawatan ekonomi bermula pada Julai tahun lalu pasaran saham kita telah meningkat lebih 1,271.45 mata. Orang-orang asing telah mengambil kesempatan ini untuk speculate dan menjahanamkan ekonomi kita sehingga pasaran saham kita terjunam. Sekatan-sekatan harus diadakan ke atas pelabur-pelabur

asing agar ekonomi kita tidak terjejas akibat manipulasi orang-orang asing ini. Di sini ingin saya syorkan agar kerajaan berwaspada apabila bank-bank memberi pinjaman sebanyak 50% untuk membeli saham disebabkan pasaran saham sentiasa naik turun dan ia tidak mencerminkan nilai sebenar saham. Apabila pasaran terjunam, pihak bank akan minta supaya pinjaman tersebut dibayar balik dalam keadaan yang teruk seperti sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, liberalisasi dan reformasi perlu bagi setiap...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Rompin bangun, minta jalan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Sikit Tuan Yang di-Pertua, penjelasan daripada Seputeh. Tadi Yang Berhormat ada mengatakan bahawa ekonomi kita ini menghadapi masalah yang kita hadapi sekarang ini oleh kerana tekanan ataupun oleh kerana usaha-usaha yang telah dilaksanakan atau bencana yang dibuat oleh spekulator Barat seperti George Soros. Kita berterima kasih kepada Yang Berhormat, nampak mirip kepada tanggapan dan pandangan kita. Tetapi pada masa yang sama Yang Berhormat ada sebut nepotisme. Saya minta penjelasan, adakah yang Yang Berhormat maksudkan di DAP? [Ketawa] Saya hendak penjelasan sebab saya nampak bahawa Yang Berhormat meninggalkan DAP kerana tidak bersetuju dengan Tanjong. Adakah Yang Berhormat menumpukan komen Yang Berhormat tentang nepotisme yang berada di sana. Wakil seorang itu ada, cermin matanya nampak sedikit. Mengapa Yang Berhormat terpaksa meninggalkan DAP apakah kerana DAP tetap dengan sikap nepotismenya. Apakah pengalaman Yang Berhormat dalam pengalaman ini iaitu perjuangan Yang Berhormat, 30 tahun dalam parti cuba menghakiskan semua ini sikap-sikap nepotisme dalam DAP tetapi tidak berjaya ataupun Ketua Pembangkang takut sebab hendak meletakkan anak dia mengambil alih sebagai Ketua Pembangkang, itu saya minta pandangan Yang Berhormat, pengalaman Yang Berhormat sendiri dalam hal ini.

**Tuan Liew Ah Kim:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya nepotisme ataupun kronisme di mana-mana tempat, pertubuhan ada timbul. Di mana-mana kita lihatlah, termasuk semualah. Saya nampak tidak ada satu yang semua putih macam Seputeh. [Ketawa] Ada hitam jugalah. Di mana-mana, kerana ini saya merasa sedih sangatlah kerana kegawatan ekonomi pada hari ini, kita semua hendak kumpulkan tenaga ataupun keyakinan terhadap apa yang ada sekarang untuk recovery of the economy plan. Saya nampak beberapa tindakan ataupun langkah-langkah .....

**Datuk Lim Si Cheng: [Bangun]**

**Tuan Liew Ah Kim:** Yang Berhormat Senai, nanti sekejaplah, telah pun diambil oleh pihak kerajaan supaya dapat memulihkan ekonomi, satu projek ataupun fokus, 1% akan dapat dicapai, positif tentang economic growth, dengan izin. Ini nampaknya bukan senang. Satu usaha, satu pelan ekonomi yang begitu, pada pandangan saya, begitu sukar untuk mencapai kerana sekarang kita menghadapi 4.8% iaitu minus ekonomi growth, hendak mencapai 1%. Maksudnya kita mesti dapat mencapai matlamat 5.8%. Ini menunjukkan .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Senai bangun, hendak beri jalan?

**Tuan Liew Ah Kim:** Sebagai orang bebaslah, memang saya dua-dua tidak ambil belahlah, mana-mana. Apa yang betul saya sokong, apa yang tidak betul saya tegur. Itulah pendirian saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Rompin bangun.

**Tuan Liew Ah Kim:** Yang Berhormat dari Rompin, memang lebih tahulah nepotisme ataupun kronisme ada di mana-mana.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya hendak sambung sedikit sahaja selepas itu saya akan beri kepada Yang Berhormat dari Senai. Saya tertarik dengan Yang Berhormat dari Seputeh yang mengatakan "saya yang bebas, saya memihak kepada kebenaran". Itu satu konsep yang kita amat kagum kepada Yang Berhormat, kalau kita melihat ke hadapan orang seperti Yang Berhormat perlu ada di dalam Parlimen. Saya takut nanti bila pilihan raya DAP letak calon lain. Sanggupkah Yang Berhormat dari Seputeh menjadi calon bebas? Mengapa tidak, sebab saya bersetuju dengan sikap Yang Berhormat, kita boleh ada orang tengah, sanggupkah Yang Berhormat menawarkan diri. Saya yakin Yang Berhormat dari Tanjong akan meletak orang lain untuk DAP. Adakah Yang Berhormat sanggup untuk menjadi calon bebas? Saya minta sedikit pandangan.

**Tuan Liew Ah Kim:** Tuan Yang di-Pertua, semangat perjuangan masih ada untuk keadilan, untuk demokrasi ataupun sebagainya.

**Datuk Lim Si Cheng:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat dari Senai bangun lagi Yang Berhormat.

**Tuan Liew Ah Kim:** Di mana akan pergi, ini belum ditetapkan lagi. I'm now quiet enjoy what I'm now, enjoy the freedom now, dengan izin.

**Datuk Lim Si Cheng:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, ada dua orang yang bangun Yang Berhormat.

*[Tuan R. Karpal Singh masuk ke dalam Dewan]*

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Yang Berhormat dari Jelutong masuk, sebagai Timbalan Pengerusi DAP. Untuk maklumat Yang Berhormat dari Jelutong tadi yang tukang ikut belakang ini dari Teluk Intan yang bakal menjadi Naib Pengerusi akan datang. Yang Berhormat dari Seputeh sanggup, peranan seperti Seputeh tetap ada dalam Parlimen, dia kata dia akan memihak kepada kebenaran bukan kepada apa-apa, tidak ada kepentingan, kita menyokong Yang Berhormat dari Seputeh. Saya hendak beri jaminan adakah sanggup seandainya - ini hendak beri warninglah kepada Jelutong, kalau DAP letak calon lain Yang Berhormat dari Seputeh kata hendak tawar diri sebagai calon bebas. Ini untuk maklumat Yang Berhormat dari Jelutong. Yang Berhormat dari Seputeh sah untuk menawarkan diri, saya minta Yang Berhormat dari Seputeh sahkan perkara itu. Depan Yang Berhormat dari Jelutong dan Teluk Intan sendiri.

**Tuan Liew Ah Kim:** Saya minta Yang Berhormat dari Rompin jangan campur tangan. Ini campur tangan asing. Kalau sampai masanya saya sendiri buat keputusan.

**Datuk Lim Si Cheng:** Terima kasih, tadi saya telah mendengar hujah-hujah daripada Yang Berhormat dari Seputeh, saya ingin meminta penjelasan sama ada Yang Berhormat bersetuju dan memberi sokongan kepada tindakan yang sedang diambil oleh kerajaan dalam usaha memulihkan ekonomi negara kita. Soalan yang pertama.

Soalan yang kedua, saya yakin hati Yang Berhormat masih dalam DAP jadi sekiranya sebelum Yang Berhormat dipecat daripada parti, jika Yang Berhormat dipenjarakan, saya fikir tidak mungkinlah dipenjarakan. Adakah kemungkinan parti Yang Berhormat juga akan menjalankan kempen untuk mendapatkan tandatangan untuk membela Yang Berhormat, kalau tidak apakah sebabnya?

Soalan yang ketiga, sekiranya pimpinan DAP ditukar adakah kemungkinan Yang Berhormat akan balik ke DAP untuk menjadi pemimpin DAP? Sekian, terima kasih.

**Tuan Liew Ah Kim:** Yang Berhormat, apa yang telah berlaku, sudah berlaku, apa yang belum berlaku akan timbul, kita lihatlah sama-sama, belum tahu lagi. Apa yang telah berlaku sudah nyata, di mana-mana pun boleh dilihat, boleh dibaca. Biarkan saya teruskan dengan ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan liberalisasi dan reformasi. Perlu bagi setiap masyarakat dan negara khasnya dalam dunia yang semakin sempit ini. Demokrasi, keadilan, kewibawaan dan pemerintah yang baik (good governance) adalah perlu selaras dengan tuntutan zaman. Saya tidak bersetuju dengan keganasan dan rusuhan yang ditunjukkan oleh segelintir penunjuk perasaan di Kuala Lumpur baru-baru ini. Tiada tempat bagi mob-rule di negara ini, saya mengesakan kekerasan yang dilakukan terhadap anggota polis oleh penunjuk-penunjuk perasaan. Ini tidak patut dan tidak perlu, saya juga menyesali apabila pihak polis menggunakan cota atau rotan untuk memukul penunjuk-penunjuk perasaan dan orang-orang awam yang tidak terlibat. Ini tidak perlu dan tidak patut.

Demonstrasi secara aman harus dibenarkan jika tidak ia akan membuat rakyat kita gelisah dengan tidak adanya peluang untuk membolehkan mereka menyuarakan rintihan dan bantahan mereka. Apabila hak bersuara dan hak berhimpun secara aman dinafikan maka ia akan ke bawah tanah, ini lagi bahaya dan ini tidaklah baik dan sihat untuk negara kita.

Saya menggesa kerajaan memberi ruang kepada rakyat kita untuk berdemonstrasi secara aman, mungkin satu tempat seperti sebuah taman ataupun dataran dikhaskan untuk tujuan ini, di Kuala Lumpur ataupun di mana-mana tempat yang sesuai. Dengan berbuat demikian kerajaan akan membuktikan kepada rakyat dan dunia bahawa ia mengamalkan demokrasi juga dengan berbuat demikian perniagaan rakyat kita seperti di sekitar Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Masjid India tidak tergugat lagi seperti sekarang khasnya pada hujung minggu. Dengan ini saya ucapkan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Kluang.

4.16 ptg.

**Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan pada petang ini. Sebelum saya memulakan perbahasan saya juga ingin menekankan di sini, saya memang menyokong penuh pandangan Yang Berhormat dari Seremban, Tanjong Karang dan beberapa orang ahli yang mengambil bahagian dalam perbahasan pada kali ini iaitu kita ingin merayu kepada pihak-pihak termasuk pembangkang dan pihak-pihak yang dikatakan pertubuhan Gerak berhentilah kerja-kerja yang seumpama ini supaya ia tidak akan membawa kesan yang lebih buruk kepada negara kita. Kita juga berharap kepada rakyat jelata supaya mematuhi peraturan-peraturan dan undang-undang negara dan menentang sekali pun rusuhan-rusuhan yang berada di negara kita supaya kita dapat menjaga ketenteraman awam dan rakyat jelata dapat hidup dalam keadaan yang aman damai, maju dan makmur.

Tuan Yang di-Pertua, krisis kewangan yang melanda rantau Asia sejak pertengahan tahun lepas sudah menjadikan tahun 1998 satu tahun yang sukar lagi mencabar bagi negara kita. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia merosot dengan ketara dan mencatat pertumbuhan negatif sebanyak 2.8% dalam suku tahun pertama dan 6.8% dalam suku tahun kedua tahun ini. Kemakmuran negara hasil daripada pertumbuhan pesat

hampir satu dekad yang lalu terjejas berikutan krisis ini. Nilai Ringgit merosot dengan ketara dan kini kita terpaksa membayar 60% lebih tinggi untuk mendapat US\$1.00.

Pada masa yang sama BSKL mengalami kerugian dua per tiga dari permodalan pasarnya sejak bermulanya krisis ini pada bulan Jun 1997. Ini bersamaan dengan 186% daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) atau dua tahun pendapatan negara kita. Oleh kerana itu pendapatan dan kekayaan negara kita berkurangan. Hasil Kerajaan Persekutuan dijangka menurun 14.3% tahun depan kepada RM47.16 bilion ataupun 17.9% daripada KNK. Cukai langsung yang menyumbang lebih 40% daripada jumlah hasil juga dijangka merosot 27.9% kepada RM20.1 bilion.

Penurunan sebahagian besarnya kerana kutipan cukai pendapatan yang dijangkakan merosot 31.4% kepada lebih kurang RM18 bilion. Jadi jumlah keseluruhan hasil Kerajaan Persekutuan yang diramalkan itu adalah lebih rendah daripada anggaran penurunan hasil pada tahun 1998 iaitu 16.3% ataupun 17% kurang daripada anggaran belanjawan iaitu sebanyak RM6.75 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, berlandaskan kepada tinjauan prestasi ekonomi dan risiko-risiko yang mungkin muncul pada tahun 1999 serta cabaran-cabaran yang perlu ditangani, kerajaan telah menggariskan lima strategi dengan memperkenalkan beberapa langkah baru mencergaskan ekonomi dan melindungi kesejahteraan rakyat daripada kesan ancaman krisis kewangan serantau. Saya ingin juga mengambil kesempatan ini merayu kepada semua pihak dan juga rakyat jelata supaya memberi kerjasama dan sokongan padu kepada langkah-langkah dan juga strategi-strategi yang telah digariskan oleh kerajaan antaranya ialah mencergaskan aktiviti ekonomi serta melindungi ekonomi dari kesan jangkitan krisis kewangan serantau untuk menstabilkan sistem pasaran kewangan dan nilai tinggi, memperkukuhkan ketahanan dan daya saing ekonomi negara, menyusun semula sektor kewangan dan mempertingkatkan tahap pengurusan sektor awam dan swasta, mengukuhkan lagi kedudukan imbalan pembayaran dan menjamin kesejahteraan rakyat.

Di samping itu kerajaan telah menubuhkan satu Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) untuk mengambil langkah-langkah pemulihan ekonomi negara yang sedang dilaksanakan di bawah Pelan Pemulihan Ekonomi Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi terima kasih kepada semua anggota MTEN yang berusaha sedaya upaya untuk membantu kerajaan demi memulihkan ekonomi negara. MTEN telah mengadakan perbincangan dengan lebih dari 200 kumpulan dan individu yang mewakili pelbagai industri dan golongan rakyat bagi mendapatkan pandangan mengenai masalah khusus yang dihadapi akibat daripada krisis ekonomi. Pelan pemulihan ini adalah merupakan hasil kerja yang dijalankan oleh MTEN berasaskan penemuan dan cadangan yang realistik dan bersepadu daripada berbagai pihak sebagai satu agenda tindakan.

Kerajaan melaksanakan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara yang bertujuan menstabilkan Ringgit, memulihkan keyakinan pelabur pasaran, mengekalkan kestabilan pasaran kewangan dan mengukuhkan asas ekonomi. Pelan ini juga akan memberi tumpuan kepada usaha mencergaskan segala sektor ekonomi yang terjejas serta meneruskan agenda sosio-ekonomi negara dan dengan ini ia akan bebas daripada perangkap krisis kewangan serantau dan seterusnya akan meletakkan kembali ekonomi negara di landasan yang lebih kukuh.

Sungguhpun banyak cadangan berada di dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. MTEN menekankan tindakan yang padat dengan serta-merta tanpa sebarang kelewatan yang juga merupakan sebahagian penting dalam tindakan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara. Pemantauan yang berterusan dan penilaian terhadap pencapaian, keberkesanan koordinasi dan kerjasama di antara agensi-agensi Kerajaan Pusat, kementerian-kementerian dan kerajaan negeri adalah merupakan faktor yang penting untuk mencapai kejayaan. Saya

percaya MTEN bersama-sama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kabinet kerajaan meminta sokongan, keazaman dan ketabahan semua rakyat Malaysia bagi memerangi kegawatan ekonomi yang melanda negara pada masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga kita harus mengambil berat tentang usaha menggalakkan eksport, mengurangkan import dan cuba menggunakan pelabuhan tempatan kita. Saya juga ingin ucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana selama ini kita memang menuju ke arah ini. Pada masa ini eksport pengilangan menyumbang sebanyak 80% daripada jumlah pendapatan eksport keseluruhan negara. Usaha menggalakkan eksport terus mempertingkatkan dan kerajaan sendiri berusaha mengambil langkah untuk mengurangkan kos pengurusan perniagaan ini. Ini bertujuan untuk membolehkan pengeluaran kilang Malaysia bersaing di pasaran antarabangsa. Pada masa yang sama langkah-langkah segera sedang diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dan kemudahan prasarana asas.

Saya juga ingin menegaskan di sini iaitu kita memang merasa amat bangga melalui Kempen Cintai Malaysia, belilah buatan Malaysia yang sebenarnya pada peringkat mulanya dilancarkan oleh pihak MCA sendiri. Di mana kita berjaya mempromosikan barangan buatan negara kita dan dapat mengurangkan barangan impot dan baru-baru ini saya difahamkan bahawa kerana usaha ini kita mencatatkan lebih dagangan sebanyak RM16.2 bilion pada tempoh 5 bulan pertama pada tahun ini dan pagi ini dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu kita dapat mencatat sebanyak RM32 bilion bagi Januari sampai Ogos pada tahun ini dan lebih ini disebabkan pertumbuhan lebih kukuh dalam eksport yang berkembang lebih kurang 40.5% ataupun RM33.2 bilion melebihi tempoh yang sama pada tahun lepas. Kita berharap pihak pengilang ataupun pihak pengeksport sentiasa dapat meningkatkan kualiti barangan mereka dan kerajaan dapat membantu dari segi pemasaran antarabangsa supaya produk eksport negara kita dapat bersaing maju dan berdaya saing di pasaran antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, usaha menggalakkan peniaga menggunakan pelabuhan tempatan juga telah nampak hasil yang membanggakan dan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada pihak Kementerian Pengangkutan, pentadbiran pelabuhan dan khususnya kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan sendiri yang bertungkus-lumus mempromosikan pelabuhan tempatan.

Banyak dialog diadakan, banyak perbincangan diadakan sampai beliau datang ke kawasan saya iaitu kawasan Kluang, beliau juga tidak lupa untuk memanggil semua pengilang dan pengeksport-pengeksport termasuk pengimport-pengimport supaya meminta mereka ada mengadakan satu dialog dan mendengar maklum balas dari mereka supaya kita cuba memajukan lagi pelabuhan yang ada di negara kita dan mengikut laporan, sekarang kargo-kargo melalui Pelabuhan Klang kian meningkat.

Penerimaan kargo melalui Pelabuhan Kelang dari Januari hingga Julai pada tahun ini telah meningkat 52.8% kalau berbanding dengan tahun yang lepas. Pada tahun 1995 sebanyak 13,000 t.e.u. dikendalikan, pada tahun 1996 meningkat hingga 145,000 t.e.u. dan tahun 1997, 272,000 t.e.u. dikendalikan dan pada enam bulan pertama tahun ini 177,000 t.e.u. telah dikendalikan.

Transshipment cargo dari Pelabuhan Pulau Pinang ke Pelabuhan Klang juga meningkat dari 5,093 t.e.u., pada tahun 1995 kepada 49,917 t.e.u. pada tahun 1996 kemudian kepada 93,000 t.e.u. pada tahun 1997 dan dalam 6 bulan pertama tahun ini hampir 40,000 t.e.u. telah pun dikendalikan.

Di sini sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada kementerian atas usaha ini. Walau bagaimanapun, kita juga berharap semua pihak seperti pengusaha pelabuhan, kastam, imigresen, ejen penghantaran dan pengangkutan berusaha

meningkatkan keupayaan mengendali kargo dan saya percaya dan yakin pasti ramai lagi pengimport dan pengeksport akan beralih menggunakan Pelabuhan Klang daripada pelabuhan negara jiran.

Tuan Yang di-Pertua, kadar inflasi diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP) menunjukkan arah aliran peningkatan ketara sejak awal tahun ini berikutan kejatuhan nilai Ringgit sejak pertengahan tahun lalu. Berbanding sebelum krisis ekonomi, peningkatan IHP menunjukkan arah aliran menurun sejak tahun 1996. Sejak krisis kewangan meletus, IHP meningkat 3.4 peratus berbanding peningkatan sederhana iaitu 2.7 peratus pada tahun 1997 iaitu kadar inflasi yang paling rendah sejak tahun 1990. Bagi tempoh sembilan bulan pertama tahun ini, 5.2 peratus iaitu peningkatan dua kali ganda daripada 2.6 peratus dalam tempoh yang sama pada tahun yang lepas.

Walau bagaimanapun, saya berterima kasihlah kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kerana berusaha untuk mengawal harga barangan keperluan demi kebaikan para pengguna. Mengikut laporan, lebih 60 daripada 233 barangan keperluan yang diawasi harga pada setiap minggu dijual pada harga yang berpatutan dan kajian Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna memastikan lebih banyak barang keperluan harian dijual dengan harga yang lebih murah ataupun berpatutan. Di sini saya juga berharap para pengguna dapat berbelanja dengan cermat dan memberi kerjasama dan sokongan kepada kerajaan supaya kita dapat membendung inflasi. Saya juga berharap Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan terus memainkan peranan supaya para pengguna dapat dilindungi.

Cuma satu perkara yang saya ingin bangkitkan di sini ialah selama ini orang awam ataupun orang ramai memang mempersoalkan tentang IHP di negara kita. Kementerian pernah menyuarakan IHP Kedua yang mungkin lebih dapat membayangkan kedudukan inflasi sebenar di negara kita dan saya di sini juga ingin meminta pihak kementerian supaya dapat memperkenalkan satu lagi IHP yang baru iaitu IHP Kedua yang betul-betul dapat membayangkan kedudukan inflasi negara dapat dilaksanakan dengan cepat.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa langkah yang diambil oleh kerajaan dan banyak peruntukan telah disediakan dalam Belanjawan tahun 1999 sangatlah dialu-alukan dan di antaranya ialah kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM4.04 bilion bagi projek-projek prasarana yang meliputi jalan raya, jambatan, pelabuhan dan penerbangan awam. Sebanyak RM4.51 bilion disediakan untuk perkhidmatan perubatan dan kesihatan supaya rakyat dapat terus menikmati taraf perkhidmatan yang baik dan selesa. Ini termasuk pengambilan 3,900 pegawai perubatan dan paramedik, peningkatan kemudahan dan peralatan hospital dan klinik.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini merayu kepada pihak Kementerian Kesihatan iaitu di kawasan saya di Kluang di mana tidak lama dahulu pihak kementerian telah mengumumkan bahawa akan membina satu hospital baru di daerah Kluang. Tanah pun telah ditentukan dan peruntukan untuk mengambil tanah telah pun dilaksanakan. Jadi, saya sangat-sangat berharap supaya hospital baru di daerah Kluang ini akan dibina untuk menjaga kebaikan dan kesihatan rakyat di daerah Kluang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai peruntukan-peruntukan yang lain khususnya, kerajaan menubuhkan satu tabung ataupun beberapa tabung untuk perumahan dan saya percaya dengan adanya tabung-tabung yang dibina ataupun ditubuhkan dapat betul-betul dimanfaatkan kepada rakyat jelata di negara kita dan kerajaan juga meneruskan dasar untuk membantu golongan yang kurang mampu iaitu sejumlah RM440 juta akan disediakan untuk bantuan buku teks dan bantuan makanan tambahan kepada pelajar kurang mampu di seluruh negara. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merayu kepada pihak

Kementerian Pendidikan iaitu di bawah skim pinjaman bantuan buku teks ini, walaupun langkah ataupun tindakan murni kerajaan ini memang kita berterima kasih, cuma setakat ini memang ada kelemahan-kelemahan dalam skim yang dilaksanakan pada masa sekarang. Jadi, saya harap pihak kementerian juga dapat mengkaji semula tentang cara-cara untuk mengendalikan skim bantuan buku teks ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya kestabilan politik di Malaysia dan perpaduan kebangsaan serta kemajuan sosial dan ekonomi yang telah dicapai selama ini, kerajaan Malaysia berupaya merangsang tindakan-tindakan yang perlu untuk memulihkan ekonomi sebaik sahaja pelaksanaan semua cadangan polisi untuk menguatkan lagi ekonomi makro kewangan dan sektor korporat dapat dilaksanakan dan ini akan meletakkan ekonomi negara kita di atas landasan yang lebih kukuh untuk menghadapi persaingan dan merebut peluang di samping bertindak bagi membendung ketidaktentuan arah pasaran dunia di masa akan datang. Lebih mustahak lagi ialah rakyat jelata harus percaya dan yakin terhadap dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan memandangkan kerajaan mempunyai pengalaman dan kemampuan untuk meletakkan ekonomi negara kita ke landasan pertumbuhan yang mantap. Tindakan yang diambil oleh kerajaan ialah untuk kepentingan negara bagi memastikan segala kejayaan yang telah diperolehi melalui usaha pembangunan ekonomi selama empat dekad yang lepas dapat dipertahankan dan saya percaya dengan sokongan padu dari semua pihak dan semua lapisan masyarakat kita akan dapat melangkah ke hadapan dengan penuh keyakinan dan kita akan dapat melepasi kegawatan ekonomi dengan lebih cepat.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri perbahasan saya, cuma satu perkara sahaja yang ingin saya bawa di Dewan yang mulia ini iaitu saya ingin menarik perhatian Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tentang Akta Kawalan Sewa (Pemansuhan) 1997. Akta Kawalan Sewa (Pemansuhan) 1997 telah pun diluluskan di Parlimen pada tahun lepas dan saya sendiri menyokong penuh atas akta yang diluluskan ini, cuma saya ingin menyedarkan kepada pihak kementerian iaitu di negeri Johor pada masa sekarang kita menggunakan formula untuk Akta Kawalan Sewa (Pemansuhan) 1997 iaitu M tolak R, kali pada tahun pertama, kali 25 peratus dan tahun yang kedua 50 peratus dan tahun yang ketiga 75 peratus tetapi di negeri Johor, formula ini tidak boleh dipakai kerana Kerajaan Negeri Johor mengenakan cukai harta berdasarkan kepada nilai tambah dan bukan nilai tahunan. Oleh yang demikian, pengiraan atas kenaikan sewa adalah berbeza sebagaimana di dalam Akta 572 ini. Pengiraan hanya boleh dibuat setelah nilai tambah ditukar kepada nilai tahunan dengan mengambil kira kadar pulangan bagi harta tanah tersebut.

Pada awal tahun ini apabila saya menerima satu pertanyaan di antara dua pihak iaitu tuan punya kedai dan juga penyewa, terhadap satu kiraan di bawah Akta Sewa (Pemansuhan) ini. Saya sendiri telah berjumpa dengan pihak majlis tempatan iaitu Majlis Daerah Kluang Utara dan pihak Majlis Daerah Kluang Utara memberitahu kepada saya kadar pulangan yang ditetapkan oleh kerajaan negeri di tiap-tiap daerah adalah berlainan. Berdasarkan maklumat ini di negeri Johor, Johor Bharu berdasarkan kadar pulangan 8.4% dan Batu Pahat 7.5%, daerah Kluang kita menggunakan kadar pulangan iaitu sebanyak 7.6%.

Saya berharap pihak kementerian dapat mengambil kira kedudukan negeri Johor supaya sebelum Akta Kawalan Sewa (Pemansuhan) tahun 1997 ini dikuat kuasa, sebenarnya telah pun dikuat kuasa tetapi tidak boleh diselesaikan di peringkat bawah iaitu di negeri Johor. Jadi sekali lagi saya meminta sebab saya pernah mengemukakan satu kes yang jelas berdasarkan kepada aduan itu pada bulan Julai tahun ini tetapi setakat hari ini masih belum mendapat penyelesaian ataupun satu penerangan atau penjelasan yang baik daripada kementerian. Sekali lagi saya meminta pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat mengkaji perkara ini dengan betul-betul dan di samping itu

walaupun belum selesai lagi saya juga mengucapkan terima kasih kepada beberapa orang setiausaha Parlimen dan tiga atau empat orang pegawai yang walaupun tidak dapat menyelesaikan dan betul-betul melihat perkara ini, saya berharap mereka dapat mengambil tindakan yang lebih cepat supaya kes yang melibatkan Akta Kawalan Sewa (Pemansuhan) tahun 1997 ini dapat diselesaikan dengan baik di negeri Johor.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata demikian sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberi peluang berucap kepada saya dan saya sekali lagi mengucapkan tahniah dan syabas kepada kementerian-kementerian yang dapat mengendalikan kerja dengan baik dan dengan ini saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Jelutong.

4.43 ptg.

**Tuan R. Karpal Singh [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, hari Jumaat yang lalu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentangkan Belanjawan Negara. Saya hendak menyentuh perkara ini tadi dan ada sedikit kekecohan tetapi sekarang saya mengambil peluang ini untuk menentukan keadaan daripada segi undang-undang. Adakah apa yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari itu mengikut undang-undang? Adakah apa yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjadi apa yang dikatakan mempertahankan Perlembagaan? Dalam Dewan yang mulia ini dan juga di Senate apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjadi ahli kepada kedua-dua badan ini, beliau mengangkat sumpah dan dalam sumpah itu di antara lainnya beliau ada mengatakan beliau akan mempertahankan Perlembagaan. Adakah beliau mempertahankan Perlembagaan seperti mana beliau membuat sumpah di dalam Dewan yang mulia ini, atau adakah sumpah itu merupakan satu sumpah yang tidak bermakna.

Dalam fikiran saya, Tuan Yang di-Pertua, di mana Tuan Yang di-Pertua, juga merupakan seorang lawyer tentu faham tentang Perlembagaan, apa yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila membatalkan jawatan Menteri Kewangan, Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh. Bukan sahaja sebagai Menteri Kewangan tetapi sebagai Timbalan Perdana Menteri. Selepas itu beliau ada mengatakan bahawa beliau bukan memberi nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong tetapi 'inform' the Yang di-Pertuan Agong 'of my decision'. Adakah itu bukan sikap seorang diktator? Perdana Menteri ini bukan seorang Perdana Menteri yang mempunyai pengalaman semenjak tahun 1981 sehingga hari ini. Apabila beliau membaca peruntukan Perkara 43(5) dalam Perlembagaan atau membuat dengan sengaja mengambil keputusan untuk memecat Menteri Kewangan dan juga Timbalan Perdana Menteri itu.

Dalam fikiran saya, apa yang dibuat oleh Perdana Menteri adalah merupakan apa yang dibuat oleh seorang diktator. Tetapi itu adalah perkara yang lain dan barangkali pada pilihan raya umum yang akan datang satu keputusan boleh didapati daripada seluruh rakyat. Bagi saya apa yang telah dibuat kepada Yang Amat Berhormat dari Permatang Pauh, saya tetap anggap beliau sebagai Menteri Kewangan mengikut Perlembagaan. Adakah 'the treatment that has given to him' sebagai treatment yang seharusnya diberikan kepada orang yang bertaraf tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, beliau merupakan Ahli Yang Berhormat sekarang dan seharusnya diberikan cuti untuk datang ke sini, begitu juga dengan Yang Berhormat dari Kota Melaka. Beberapa tuduhan telah dilemparkan kepada beliau dan dalam agama Islam, jika seseorang telah bersumpah bahawa apa yang dilemparkan kepada beliau adalah tuduhan, jika beliau telah bersumpah perkara itu boleh diterima. Beliau telah bersumpah, saya akan membacakan petikan yang ada di sini, di Batu Pahat, Johor pada 19 September 1998 – beliau telah bersumpah, "Bahawa dengan nama Allah saya bersumpah saya tidak

melakukan perbuatan terkutuk itu. Ini semua adalah tohmahan dan tuduhan jahat untuk terus menghina dan mengaibkan seisi keluarga saya". Tidakkah boleh akuan sumpah seperti itu diterima .....

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** *[Bangun]*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Machang bangun. Hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Point of order, Tuan Yang di-Pertua, 36(4).

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Point of order.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Saya rasa jelas bahawa kes berhubung dengan Dato' Seri Anwar Ibrahim ini adalah perkara 'sub-judice', Tuan Yang di-Pertua, ianya masih tergantung di mahkamah. Ini bukan forum untuk kita bincangkan sekarang dan Ahli Yang Berhormat sendiri telah berkata tadi bahawa dalam pilihan raya akan datang gunakan peluang ini. Tetapi hendak membahaskan perkara ini dalam Dewan adalah bertentangan dengan peraturan Dewan – kita tidak boleh berdiam diri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, ahli-ahli Yang Berhormat semuanya seperti mana yang kita sedia maklum mahkamah telah mengeluarkan satu perintah bahawa perkara-perkara yang berada di dalam pertimbangan mahkamah sekarang berkaitan dengan pertuduhan-pertuduhan terhadap Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh tidak boleh dibincangkan. Di dalam Parlimen kita juga ada peraturan, Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa perkara yang berada di dalam pertimbangan mahkamah jika dibincangkan ia akan menjadi 'sub-judice'.

Bukannya saya mengatakan semua perkara tidak boleh dibincangkan tetapi hanya yang berada di dalam pertimbangan mahkamah. Jadi saya berharap semua pihak akan faham dan perbahasan kita harus mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Walaupun satu pertuduhan iaitu 'liwat' berada dalam pertimbangan mahkamah. Tuan Yang di-Pertua, pertuduhan ke atas Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh merupakan mahkamah yang mengendalikannya itu tidak ada kuasa kerana ini menjadi satu .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Itu menjadi satu perkara lain Yang Berhormat.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kita kena ikut pada fakta yang ada sekarang. Itu satu perkara lain. Sekarang ini perkara-perkara yang berada dalam keadaan pertuduhan itu masih berada dalam pertimbangan mahkamah.....

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** *[Bangun]*.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** *[Bangun]*.

**Tuan R. Karpal Singh:** Yes, anything else?

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Cukuplah, kalau you stop okaylah.

**Tuan R. Karpal Singh:** I said anything else?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Point of order ataupun .....

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Macam Yang Berhormat kata tadi, perkara itu tidak sah sama ada Mahkamah Sivil atau Mahkamah Syariah. Itu bukan di sini, Yang Berhormat. This is not the forum to decide. You can raise the point of law in court.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, saya telah pun membuat...

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Perintah mahkamah jelas, standing order jelas. Kita kena patuh kepada peraturan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Saya telah memperingati Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Satu mahkamah yang tidak ada kuasa mana boleh sah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat dari Jelutong.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** It is not for you to decide sama ada keputusan mahkamah itu sah atau tidak, it is not for you to decide, dengan izin. It is for the court to decide and this is not the forum.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ini Parlimen.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Of course Parliament, but we cannot override.

**Tuan R. Karpal Singh:** Walaupun ada pengkhianat seperti awak, ini Parlimen.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** We cannot override the court's decision.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat dari Machang, Yang Berhormat dari Jelutong.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** We have no authority to override the court's decision. That is a court's decision, if you are not satisfied, you can appeal, dengan izin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat dari Jelutong, saya ingat kita semua faham berkaitan dengan perkara itu. Saya harap Yang Berhormat ikut kepada peraturan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya faham court's decision. Apa pula decision rakyat apabila masuk di sini, bukan sebagai ahli UMNO.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** *[Menyampuk]*

**Tuan R. Karpal Singh:** Itu apa, itu bukan decision rakyat. Jadi pengkhianat, masuk dalam Parlimen.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Itu bukan decision.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Kita negara demokrasi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Satu, satu.

**Tuan R. Karpal Singh:** Demokrasi pengkhianat rakyat, itu demokrasi?

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kedua-dua Yang Berhormat dari Machang dan Jelutong minta duduk, ada point of order lagi.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** 36(4), Tadi Yang Berhormat dari Jelutong panggil Yang Berhormat dari Machang 'pengkhianat'. Ini tidak boleh. Ini satu perkataan yang unparliamentary. Minta tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Saya dengar dia kata 'pengkhianat'.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Perkara itu jelas, Yang Berhormat. Perkataan 'pengkhianat' itu adalah unparliamentary yang tidak boleh digunakan dalam Dewan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Mengkhianati rakyat itu betul, siapa pun tahu.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** You can even mention, you boleh sebut apa-apa tetapi....

**Tuan R. Karpal Singh:** Satu pertuduhan yang ada asas, semua mengetahui.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** You pun, kalau saya kata you 'hipokrit'.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Satu-satu, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** I boleh buat allegation macam itu. I can say that you are 'hypocrite of highest degree'.

**Tuan R. Karpal Singh:** Defensive.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** You say you have no confidence on this hearing, yet you are attending the court.

**Tuan R. Karpal Singh:** Hentam sana, bila masuk sana makan ludah sendiri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** *[Menyampuk]*

**Tuan R. Karpal Singh:** Boleh tarik balik orang ini, apa mahu jadi. Saya tidak mahu buang masa dengan dia.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia sudah tarik balik, Yang Berhormat. Saya telah memperingatkan bahawa perkara-perkara yang tidak boleh disebutkan kita tidak payah bincang. Sila teruskan ucapan Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Apa yang dibuat kepada Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh. Masa dahulu apabila dia ada di sini, ada beberapa Ahli Yang Berhormat di sini menyokong dia oleh kerana dia orang kuat masa itu. Sekarang kerana dia sudah dipecat, semua mahu hentam dia. Bukan sahaja Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, tetapi polis mahu hentam sehingga dia dapat black eye. Adakah itu apa yang boleh dipanggil perkara yang adil?

Tuan Speaker, satu investigation team high level ada ditubuhkan. Tetapi sehingga hari ini walaupun perbicaraan bagi Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh ini bermula

pada hari Isnin, kenapa sehingga hari ini tidak ada apa-apa keputusan daripada polis. Adalah dikatakan dalam negara ini apabila dikatakan ada satu rumour boleh jadi kenyataan. Dahulu ada rumour Menteri Kewangan akan letak jawatan. Siapa pun semasa itu tidak menerima atau percayai, tetapi itu jadi kenyataan. Adakah benar bahawa KPN (IGP) yang menghentam Yang Berhormat dari Permatang Pauh apabila dia di bawah tahanan ISA? Saya mahu dapat tahu adakah dia? Adakah apa yang dikatakan dia adalah orang yang menghentamnya, beliau menghentam dia kerana dia tidak suka Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh. Saya mahu dapat tahu lagi selain daripada itu, adakah benar KPN (IGP) ini ada mendapat tanah di Pahang? Bolehkah saya dapat angka-angka jika itu benar atau adakah ini pun lagi satu rumour?

**Tuan Haji Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong Karang minta jalan.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Terima kasih. Yang Berhormat, saya ada dua persoalan bila Yang Berhormat bercakap. Dahulu bila kes penyiasatan mengenai kes bekas Timbalan Menteri lambat, Yang Berhormat hendak marah. Dahulu pun pada 18 Disember, Yang Berhormat marah serupa juga. Yang Berhormat baca surat Azizan, kemudian mendesak kerajaan mengambil tindakan cepat kepada bekas Timbalan Perdana Menteri. Kita kata tidak betul, sabar dahulu. Sekarang bila kes telah pun diambil kepada bekas Timbalan Perdana Menteri, Yang Berhormat hendak jadi hero pula. Itu yang pertama.

Yang kedua, Yang Berhormat ini lawyer. Kalau fasal tanah tidak bolehlah tanya dalam Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat pergilah pejabat tanah mana buat buat search. Jadi, Yang Berhormat hendak tanya dalam ini, hendak buat apa! Semua ini tuduhan yang saya rasa tidak patut dikeluarkan oleh seorang peguam yang terkenal. Yang Berhormat pergi pejabat tanah, ambil dan tunjuk dalam Dewan barulah ada bukti.

**Tuan R. Karpal Singh:** Isu yang kedua saya pun membuang masa. Tetapi isu yang pertama yang dibangkit oleh Yang Berhormat dari Tanjong Karang itu, dalam bulan Ogos tahun 1997 di sini saya bukan membuat pertuduhan atas Menteri Kewangan, Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh semasa itu. Apa yang saya nyatakan di sini adalah beberapa pertuduhan ada dibuat terhadap dia, and in his interest dia harus untuk mengambil tindakan membersihkan namanya. Itulah apa yang saya suarakan di sini. Bukan saya buat pertuduhan atas dia dan minta untuk tindakan diambil terhadap dia. Itu bukan apa yang benar, boleh check Hansard.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, dia bangun lagi.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Yang Berhormat pada masa itu mendesak, marah kepada Peguam Negara kerana lambat mengambil tindakan kepada bekas Timbalan Perdana Menteri. Saya dengan Pokok Sena menafikan sebab itu kita kata surat layang. Yang Berhormat kata ini bukan surat layang, in affidavit boleh ambil tindakan. Bermakna Yang Berhormat berkeras supaya tindakan segera diambil. Sekarang ini telah pun diambil. Kita sama-samalah tunggu keputusan mahkamah. Tidak payahlah Yang Berhormat hendak ungit-ungkit lagi perkara yang sama.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ekoran daripada surat sumpah dan satu surat yang ditulis oleh orang tertentu, apa yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Permatang Pauh semasa itu seorang kakitangan dia kalau saya silap membuat satu laporan polis. Laporan polis itu disiasat oleh Peguam Negara. Apa yang saya minta di sini adalah untuk mendapat tahu apa siasatan dalam laporan polis itu dan apa hasilnya, bukan laporan terhadap Menteri Kewangan semasa itu. Saya ingat ada dalam rekod, boleh semak jika perlu.

Tuan Speaker apa yang saya nyatakan tadi mengenai brutality ke atas tahanan. Ini satu perkara biasa yang tidak dinafikan oleh kerajaan bahawa ada brutality apabila seorang suspect bukan dalam semua kes, tetapi ada kes-kes di mana brutality ada dilakukan. Satu kes yang terang adalah kes Lee Kok Leong, di mana dua anggota polis ada didakwa di mahkamah dan dipenjarakan. Tetapi bagi kes ini di mana Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh telah dipukul. Terus-terang apa yang dia diceritakan tidak boleh dikatakan self-inflicted.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan itu boleh jadi satu kemungkinan tetapi saya ingat satu penghinaan yang saya ingat very-very remote. Apa yang perlu adalah untuk menentukan sebelum perbicaraan pada 2 haribulan, apa jadi hasil siasatan yang ada dijalankan dan ini bukan satu perkara yang mendapat perhatian dalam negara ini sahaja.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada mengkritik Chris Pattern, ex Governor Hong Kong, beliau ada menyatakan bahawa Anwar Ibrahim was beaten to pulp, apa yang dinyatakan oleh ex-Governor itu beaten to pulp, itu jadi satu literal description mengenai apa yang terjadi. Apa yang tidak boleh dinafikan ada kesan-kesan ke atas badan dan khususnya di mata Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh yang menunjukkan terus terang a black eye, bukan blue black tetapi black dan saya harap siasatan yang telah dijalankan hasilnya boleh diumumkan dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, bukan dia sahaja yang jadi mangsa di bawah tangan polis apabila di bawah tahanan, dua orang yang lain Sukma Dermawan dan Dr. Munawar Anees, kedua-dua ini pun jadi mangsa, mangsa kerana apa yang menunjukkan dalam kes, apabila kedua-dua ini di bawah tahanan, beliau dapat dua peguam yang telah dilantik oleh polis untuk mempertahankan kes kedua-dua orang ini dalam mahkamah.

Bolehkah jadi satu keadaan di mana special branch, polis melantik peguam bagi seorang suspect dan berikutan dengan apa yang ditulis oleh Sukma ini dan ini adalah satu handwritten letter yang ada di sini ....

**Tuan Haji Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong Karang bangun Yang Berhormat.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Point of order boleh.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Point of order 92 –

*“Seseorang Ahli tidak dibenarkan hadir di hadapan Majlis atau di hadapan mesyuarat apa-apa Jawatankuasa Majlis sebagai sifatnya akan menerima bayaran atau upah, atau sebagai peguam bagi mana-mana pihak.”*

Saya baca surat khabar Ahli Yang Berhormat dari Jelutong menjadi peguam kepada Sukma memohon habeas corpus. Jadi, kalau Yang Berhormat sebagai peguam untuk Sukma memohon habeas corpus maka bertentangan dengan Peraturan Mesyuarat 92. Pada pendapat saya kalau hendak bincang juga, Yang Berhormat tidak layak untuk menjadi peguam. Ini Peraturan Mesyuarat 92.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya. Saya bersetuju, Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Itu apabila ada pecuniary interest. Jika saya tidak charge dia apa-apa, apa pecuniary interest?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat!

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Yang Berhormat, dia ini salah faham.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, bukan semestinya monetary term. Yang Berhormat sebagai peguam will gain.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya menolong dia yang syak polis, tidak ada apa-apa bayaran.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 92. Yang Berhormat kena ingat Peraturan Mesyuarat 92.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Bukan sahaja kena bayaran, tidak semestinya monetary term.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ini ada diumumkan, saya peguam dia. Yang Berhormat pun sudah baca dalam surat khabar, lagi mahu dapat tahu apa lagi di sini? Buang masa, beritahu, oh saya peguam dia!

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Yang Berhormat peguam dia.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ya, tidak boleh dinafikan. Apa pecuniary interest?

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Ini Peraturan Mesyuarat 92, Yang Berhormat baca Peraturan Mesyuarat 92, biar saya baca sekali lagi.

**Tuan R. Karpal Singh:** Peguam dia diumumkan, semua mengetahui, barangkali awak tidak.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Ada di sini Yang Berhormat, 92 dia bukan pecuniary interest.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Satu, satu Yang Berhormat.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Dia bukan pecuniary interest, sebagai ahli profesional, dia tidak ada sebut, Yang Berhormat janganlah tak faham Peraturan Mesyuarat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Kenapa sebut apa yang ....

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Peraturan Mesyuarat 92, saya bukan di atas pecuniary interest.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Satu, satu ya.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** 92 Yang Berhormat, saya baca ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, ya, Peraturan Mesyuarat yang ke berapa tadi Yang Berhormat?

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 92. Bukannya under pecuniary interest. Di bawah tajuk 'memakai ahli sebagai profesional.'

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang ke berapa? Peraturan Mesyuarat 92?

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Muka surat 112.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Peraturan Mesyuarat 22?

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Peraturan Mesyuarat 92!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** 92?

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Ini bukan di bawah pecuniary interest.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sila baca.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** *“Seseorang ahli tidak dibenarkan hadir di hadapan Majlis atau di hadapan mesyuarat apa-apa Jawatankuasa Majlis sebagai sifatnya akan menerima bayaran atau upah atau sebagai peguam bagi mana-mana pihak.”*

It is different daripada pecuniary interest. Bermakna Yang Berhormat, sama ada percuma, sukarela as long as dia bertindak sebagai peguam bagi mana-mana pihak ia tidak boleh membangkitkan perkara ini di dalam Dewan yang mulia ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Saya ingat Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, peraturan itu cukup jelas. Selain daripada menerima upahan sebagai peguam, not necessary monetary terms dalam bahasa Inggeris. Ini Peraturan Mesyuarat, Yang Berhormat bukan kita hendak menegah Yang Berhormat daripada berucap, Peraturan Mesyuarat kita kena patuh.

**Tuan R. Karpal Singh:** Itu bukan peraturan yang terpakai! Read the Employment of Members in Professional Capacity – “shall appear before the House,” bagi kepentingan the House, the Dewan – “or any Committee thereof.”

**Seorang Ahli:** Bukan sebagai Ahli Parlimen?

**Tuan R. Karpal Singh:** Itu ada dalam lain, 36 barangkali. Barangkali dia tidak ada mengetahui.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Peraturan Mesyuarat 92 bukan 36.

**Tuan R. Karpal Singh:** 92 adalah for the purposes of proceeding in the House, bukan bagi seseorang.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Itu you punya interpretation. Saya minta ruling daripada Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, keputusan Tuan Yang di-Pertua buat perintah dan perintah Tuan Yang di-Pertua muktamad.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, ruling!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, sila teruskan ucapan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua, kerana pecuniary interest adalah 35(6), ini orang barangkali tak berapa pandai, barangkali bukan bodoh, tetapi 35(6).

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Peraturan Mesyuarat 35(6):

*"A member shall not speak on any matter in which he has a direct personal pecuniary interest without disclosing the extent of that interest."*

Itulah apa yang ada, bukan 92. That is for the purposes of the House, jika saya jadi peguam bagi Dewan ini atau Committee thereof.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Saya ingat Peraturan Dewan ada mengatakan bahawa siapa yang ada interest, dia kena declare interest dia.

**Tuan R. Karpal Singh:** Declare interest di bawah 35(6).

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia boleh mengikuti perbahasan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Declare interest, jika ada pecuniary interest.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat!

**Tuan R. Karpal Singh:** Jika saya tidak caj dia apa-apa, memberi dia pertolongan percuma, mana ada pecuniary interest?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, bagi pendapat saya, pecuniary interest itu tidak semestinya monetary terms, sebagai peguam yang kita tahu walau kita menang kes itu kita pun ada mendapat kebajikan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua, direct personal pecuniary interest, a direct pecuniary interest, a pecuniary is monetary. Don't listen to that chap, he didn't know the law.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Saya ingat ...

**Tuan R. Karpal Singh:** Apa yang perlu adalah di sini 35(6).

**Tuan Haji Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia bangun lagi ya. Ya, ada apa-apa tambahan Yang Berhormat?

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Ya, saya minta Tuan Yang di-Pertua ....

**Tuan R. Karpal Singh:** Langsung dia buang masa, dia tidak ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Satu-satu ya, kita dengar dahulu!

**Tuan R. Karpal Singh:** Tidak faham langsung, dia mahu buang masa – 92 tidak ada kaitan, what are you talking about?

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Tetapi Yang Berhormat sebagai peguam, Yang Berhormat buang masa dalam Dewan untuk membahaskan sewaktu Yang Berhormat bercakap dalam mahkamah.

**Tuan R. Karpal Singh:** Bagaimana jadi Ahli Dewan ini, saya pun hairan!

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Yang Berhormat boleh bincang kes itu di dalam mahkamah, tidak payah di sini!

**Tuan R. Karpal Singh:** Peraturan Mesyuarat 35(6) yang ada berkaitan, come on! Can't be that silly, bukan 92! Don't set the precedent here!

**Seorang Ahli:** [Menyampuk]

**Tuan R. Karpal Singh:** "No member of the House shall appear before the House," ..... before the House! ..... "or any Committee thereof, in any capacity for which he is to receive a fee or reward, or as Advocate and Solicitor for any party."

That means in the House or any Committee thereof. Stupid! 35(6) yang terpakai. Dan apa yang saya menyatakan tadi tidak ada pecuniary interest oleh kerana orang ini jadi satu mangsa polis, saya jadi peguam dia percuma. Tidak pecuniary interest.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong. Tetapi walau bagaimanapun, saya mengingatkan bahawa apa yang dibincangkan itu tidak mesti melibatkan perkara-perkara yang dibincangkan dalam mahkamah, pertuduhan ya. Ya, sila terus!

**Tuan R. Karpal Singh:** No, no, apa yang ada dalam isi kandungan surat ini tidak ada kena-mengena ...

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, point of order 36(4).

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya!

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, point of order 36(4). Baik, kalau pun dia boleh bercakap, 36(4) tidak boleh bercakap perkara pending di mahkamah. Sukma masih appeal, betul atau tidak Yang Berhormat? Appeal masih pending, betul atau tidak saya tanya? Cuba jawab! Masih appeal pending, habeas corpus masih ada, kelmarin sudah dengar tetapi appeal masih pending, matter pending before the court, Tuan Yang di-Pertua. Even Sukma case pun tidak boleh dibincang kerana 36(4) menghalang sesuatu yang dibincang di mahkamah melainkan keputusan mahkamah sudah final. Dalam kes Sukma keputusan mahkamah masih belum final, that is a matter of pending.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Itu yang saya katakan tadi kepada Jelutong bahawa perkara ini kita tidak boleh menyentuh apa yang dalam pertimbangan mahkamah. Itu yang dapat saya katakan seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Machang tadi. Kes Sukma ini sekarang yang kita tahu bahawa dalam kes ini masih di dalam pertimbangan mahkamah untuk appeal seterusnya. Jadi, itu yang kena sangkut di situ, kita tidak boleh membincangkan perkara-perkara yang ada di dalam pertimbangan mahkamah. Yang Berhormat faham atau tidak?

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua, bukan semestinya apabila satu kes dalam mahkamah, apa yang ada kaitan dengan itu tidak boleh diumumkan, ini adalah mengenai apa yang jadi kepada dia, satu perkara apa yang boleh dikatakan satu jenayah yang ada dibuat terhadapnya oleh polis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, apa kaitan ....

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sekejap!

**Tuan Haji Noh bin Omar:** You duduklah, ini point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, ya!

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, point of order 36(2) yang sebetulnya, 36(2). Ini direct dia jadi peguam kepada Sukma dan pada bulan November ini

akan didengar kes ini, tidak faham-fahamkah jadi peguam? Ini bukannya mahkamah, ini Dewan, baca surat itu di hadapan mahkamah nanti bolehlah Yang Berhormat baca.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, ya, sila teruskan!

**Tuan Haji Noh bin Omar:** 36(2), saya minta jangan sentuh, 36(2).

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Peraturan Mesyuarat ini sudah dibangkitkan Yang Berhormat! Sila.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Baca! “Tidak boleh disebut apa-apa perkara yang sedang dalam timbangan mahkamah .....”

**Tuan R. Karpal Singh:** Telah dibaca oleh Ahli Yang Berhormat dari Machang tadi, apa dia mahu buang masa lagi?

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Yalah, samalah tetapi Yang Berhormat tidak faham! Tidak faham bercakap bahasa Melayu. Kata lawyer terkenal, tak fahamkah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, saya suka menjelaskan sekali lagi, Yang Berhormat, .....

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Duduklah, jangan ulang lagi perkara itu, ini bukan mahkamah, Yang Berhormat selalu bincang perkara mahkamah dalam Dewan, ini Dewan untuk buat undang-undang bukan untuk tafsir undang-undang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya!

**Tuan Haji Noh bin Omar:** You hendak tafsir undang-undang, you go to court. Di sini kita buat undang-undang. Apalah Yang Berhormat ini, bodoh tua, tidak tahu juga!

**Tuan R. Karpal Singh:** Sit down!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Saya suka jelaskan sekali lagi bahawa mengikut peraturan mesyuarat kita, kes-kes yang ada di dalam pertimbangan mahkamah, factual dalam pertimbangan mahkamah yang tidak boleh dibincangkan, bukan kesemua yang berkaitan dengan subjek itu tidak boleh dibincangkan tetapi apa yang ada dalam pertimbangan di mahkamah itu, yang tidak boleh dibincangkan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ada dalam mahkamah. Adakah ini dalam mahkamah, saya belum baca apa yang ada dalam isi kandungan, apa kacau semua ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Saya kena dengar dulu sama ada perkara yang disebutkan itu ada kaitan dalam kes mahkamah atau tidak.

**Tuan R. Karpal Singh:** Dalam surat ini, dia menyatakan bagaimana dia dihentam oleh polis, itu ada kaitan dengan apa yang ada dalam mahkamah?

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Habis Yang Berhormat bangkit atau tidak perkara ini dalam mahkamah yang dia dihentam oleh polis? Court case.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat satu, satulah.

**Tuan R. Karpal Singh:** Apa ini?

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Sukma is appealing the case on what ground? You are taking this sentence and its legality.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Siapa yang mendapat jalan?

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Bukan, Yang Berhormat tidak tahu peraturan mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Janganlah hendak bodoh-bodohkan Dewan ini. Ingat Yang Berhormat terror sangat ke?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Satu, satu, Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Dapat kebenaran daripada Speaker dahulu.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Ya, 36(2), 36(2) Yang Berhormat hendak pusing-pusing lagi cakap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Saya, saya ....

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Janganlah pusing-pusing cakap. This is a very clear case.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Saya mengulangi lagi, bahawa jelas dalam peraturan mesyuarat, perkara yang ada di dalam pertimbangan mahkamah, bukan semua perkara tidak boleh dibincangkan, seperti sekarang ini kalau sekiranya Yang Berhormat Jelutong membincangkan berkaitan police brutality terhadap orang-orang yang tertuduh itu, bukan police brutality yang ada dalam pertimbangan mahkamah, yang kita tahu. Jadi perkara itu boleh dibincang. Yang tidak boleh dibincang ialah perkara yang ada dalam pertimbangan mahkamah. Kalau sekiranya ada dakwaan berkaitan police brutality dalam mahkamah, itu yang tidak boleh dibincangkan, ya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Adakah police brutality di dalam mahkamah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Saya harap terimalah.

**Tuan R. Karpal Singh:** Dan saya baca apa yang ada diterjemahkan dalam bahasa Inggeris, lagi senang, dengan izin:

*"Brother Anwar who is remembered, I hope brother Anwar is healthy. I hope you are healthy. Only my thoughts are not healthy because I am still remembering the first incident when I was arrested by the police, put into a lockup and questioned by an investigator. The saddest part is that when I was forced to confess and sign documents that supposedly say that I had homosexual relations with brother Anwar, Azizan and Mior.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat....

**Tuan R. Karpal Singh:** Together with Ismail.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, yang menyebut homosexual itulah charge dia, Yang Berhormat, itulah charge dia.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Point of order, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kena faham Yang Berhormat.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** It is very clear now. Dia membaca mengenai confession, yes, confession yang dibuat oleh Sukma dan atas confession inilah yang diappeal kepada Mahkamah Rayuan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Okey, Yang Berhormat...

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Yang Berhormat is challenging the appeal.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Satu-Satu ya.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** The confession is not valid in law.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Setelah Yang Berhormat Jelutong katakan .....

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Yang Berhormat boleh bukti, Yang Berhormat tidak bawa surat itu di dalam mahkamah?

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Saya pun faham, saya ada dengar dan saya ingin memberitahu satu ruling bahawa setelah mendengar apa Yang Berhormat bacakan itu, saya tidak dapat membenarkan dia teruskan kerana ada perkara-perkara yang berkaitan dengan charge iaitu sodomy. Sila Yang Berhormat, Yang Berhormat faham kandungan surat itu mengandungi sebahagian fakta-fakta yang ada dalam pertimbangan mahkamah.

**Tuan R. Karpal Singh:** Apa ada dalam mahkamah? Langsung tidak ada apa-apa sehingga hari ini. Beliau tidak membuat apa-apa tuduhan dalam mahkamah beliau ada dipukul? Apa yang ada, dia ada dihadapkan ke mahkamah, mengaku salah dan dipenjarakan. Tidak ada apa-apa lain. Bagaimana kedua-dua pihak ini tahu dia ada dipukul selain daripada apa yang ada sekarang.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Seperkara, Tuan Yang di-Pertua, saya minta Tuan Yang di-Pertua tegas dalam hal ini, kalau kita set precedent membenarkan ini mendengar perintah mahkamah, melanggar peraturan Dewan, tidak ada orang akan hormat Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua.

Kita mesti buat satu keputusan yang tegas, macam mana dia kata bahawa tidak ada matters pending before the court. There are ten charges in court, there is an appeal by Sukma, Tuan Yang di-Pertua, very clear appeal based on pleads of guilty by Sukma and they are appealing against it. Now they are talking about confession what else, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, saya sebagai Yang di-Pertua, saya tidak membenarkan mana-mana pelanggaran peraturan mesyuarat dan saya telah menjelaskan bahawa apa yang dibincangkan yang tidak ada kaitan dengan pertuduhan di mahkamah, ia boleh, dan yang ada dalam pertimbangan mahkamah tidak boleh. Apabila Yang Berhormat membaca surat itu, maka ada fakta-fakta yang itu yang mengaitkan di dalam tuduhan. Jadi, itu yang tidak dibolehkan Yang Berhormat, ya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuduhan adalah mengenai homosexuality terhadap Sukma dan terhadap Dr. Munawar, di mana memukul ini ada dalam pertuduhan itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat sendiri.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Habeas Corpus adalah mengenai isu undang-undang bahawa adakah Mahkamah Sivil ....

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Point of order.

**Tuan R. Karpal Singh:** Adakah ini, adakah ini kaitan dengan.....

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Point of order 34(2),

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Satu, satu ya.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Ya, 34(2)

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, ya.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Masih lagi perkara yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sila huraikan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Yang Berhormat sendiri faham bahawa sekarang terdapat appeal ke Mahkamah Rayuan, bukan? An appeal against the sentence and its legality di bawah Kanun Acara Jenayah. Dan salah satu hujah the sentence and its legality, Tuan Yang di-Pertua, ialah bahawa confession yang dibuat oleh Sukma adalah tidak sah. Bukan itu alasannya dan what else you are talking about confession.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Pada saya Yang Berhormat, saya suka.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Boleh saya jawab itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Saya suka membuat keputusan, kita telah pun tergendala berkaitan dengan perkara ini. Keputusan itu saya rasa semua orang faham dan cukup clear, clear-cut, maknanya ada dalam pertimbangan mahkamah, subjek itu appeal, kita tidak boleh bincangkan, ya. Jadi, saya tidak boleh menjelaskan lebih daripada itu seperti mana yang Machang katakan tadi. Subjek itu appeal, dia dalam pertimbangan mahkamah, Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Machang was never a good lawyer. Tuan Speaker apa yang penting adalah ini subjudice di mana if I touch upon something which is a subject matter, merit. Bukan apa yang incidental itu. Itu tidak boleh ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Itu yang saya katakan tadi, yang incidental itu yang remote daripada actual case dalam mahkamah itu kita bolehkan. Tetapi apabila dikaitkan dengan pertuduhan-pertuduhan itu, itu yang tidak dibolehkan. Adakah cara lain Yang Berhormat boleh berbahas tanpa menyentuh actual fact dalam case, rephrase.

**Tuan R. Karpal Singh:** Apa mahu rephrase? Beliau dihentam sampai...semua ada di sini ...

**Dato' Haji Shukri bin Haji Mohammed:** Saya minta Tuan Yang di Pertua, tidak membenarkan men 'set' satu bad precedence dalam Dewan ini, Tuan Yang di Pertua, Jangan membenarkan mana-mana ahli membuat tafsiran sendiri, keputusan mesti datang dari Pengerusi, itu mesti muktamad kerana dalam Peraturan 34(2) pun jelas, tidak boleh disebutkan apa-apa perkara yang sedang dalam timbangan mahkamah sekiranya pada timbangan Pengerusi harus merosakkan kepentingan-kepentingan pihak yang dibicarakan

itu. Jangan membiarkan mana-mana ahli membuat tafsiran sendiri, kalau Yang Berhormat dari Jelutong membuat tafsiran cara dia, saya boleh membuat tafsiran cara saya, jangan membiarkan ahli buat tafsiran, Kerusi yang buat keputusan baru orang akan hormat kepada Dewan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, leher saya telah kering membuat keputusan, tetapi tidak ada orang yang .....

**Tuan R. Karpal Singh** Keputusan tadi sudah dibuat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Saya pun tidak mahu buat precedence yang tidak baik, saya telah jelaskan kepada Jelutong, cukup jelas. Sila-sila teruskan ucapan tidak mengingatkan apa yang bertentangan dengan peraturan mesyuarat kita.

**Tuan R. Karpal Singh:** I was taken to the lock-up, the police asked me whether I was beaten or not, but I said no, but my body felt so painful at the time. I was afraid to tell the true circumstances to the police in the lock-up. I was afraid to be wronged and afraid to be beaten again. My asthma became worst because at that time I was only wearing an underwear, and in such a condition that was cold and damp in the cell. Next day I was taken to meet the forensic doctor.....[Disampuk] ...ini apa yang harus disiasat, adakah benar. Adakah polis menghentam dia sebagaimana yang disebut dalam surat ini, why you all afraid? Kenapa takut?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, saya rasa tidak ada orang yang takut.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Tidak takutlah, ini cakap undang-undang, Yang Berhormat tender itu sebagai exhibit, faham.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, sekejap, Yang Berhormat saya suka mengingatkan Yang Berhormat dari Jelutong.....

**Tuan R. Karpal Singh:** I was stripped naked before the officer photoed me.....

**Tuan Haji Noh bin Omar:** .....sahaja mahu masuk Hansard.....

**Tuan R. Karpal Singh:** ....semua ada di sini. Ini tidak boleh diketepikan, Tuan Speaker, ini boleh jadi terhadap Tuan Speaker juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, itu perkara lain. Perkara ini sekarang.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Ini seorang manusia.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Perbahasan dalam Dewan ini kita ada peraturan. Peraturan itu bukan saya buat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Adakah ini kaitan Tuan Speaker dengan apa yang ada dalam mahkamah. Satu pertuduhan ke atas kedua-dua ini.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, fakta-fakta yang.....

**Tuan R. Karpal Singh:** ..... mengenai sodomy di bawah seksyen 377 di mana kedua-dua sudah mengaku salah, sudah dibicarakan.....

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Tuan R. Karpal Singh:** Sekarang ada satu rayuan, apa kaitan pemukulan oleh polis kepada rayuan itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat sendiri sebagai peguam untuk appeal berkaitan dengan kes ini. Kita tahu perkara ini masih di dalam proses perundangan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Yalah, rayuan dalam proses.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Jadi, kita tidak boleh mengatakan.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Apa yang ada di sini ialah 'pemukulan' dalam proses apabila beliau ditangkap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Apa sangkutan itu dengan apa yang ada dalam mahkamah sekarang, Tuan Speaker. Itu saya ingat ada .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Apa kaitannya yang kena tangkap itu adalah berkaitan dengan kes pertuduhan.

**Tuan R. Karpal Singh:** No, itu tangkapan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sodomy adalah kes pertuduhan yang kita tahu dalam mahkamah.

**Tuan R. Karpal Singh:** Pemukulan lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Jadi, Yang Berhormat tadi menyebut berkaitan dengan perkara itu dalam lock-up menyentuh berkaitan dengan kes sodomy.

**Tuan R. Karpal Singh:** Apa jadi dalam court tidak ada kena-mengena dengan apa yang berbangkit dalam.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Saya telah memutuskan bahawa bagi pertimbangan saya, sama ada Yang Berhormat setuju atau tidak setuju, saya telah beri peluang untuk berhujah semua pihak dan saya menegaskan sekali lagi bahawa perkara itu tidak boleh dibenarkan. Kalau ada point lain, Yang Berhormat silalah, kalau tidak ada point yang lain.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Ada point lain, bukan tidak ada point lain, ada banyak point lain, itu tidak jadi masalah. Tetapi kerana ini jadi satu perkara yang penting, apa wasting time talking nonsense ada beberapa di sini, dua tiga jam pun boleh, sehingga seorang Speaker atas kerusi itu meninggal dunia. So boleh, itu jadi apa yang keadaan di sini, itu tidak ada masalah, jika perbangkit apa, tetapi ini jadi satu perkara yang penting, oleh itu saya perbangkit itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, perkara penting macam mana pun kita tertakluk kepada peraturan yang ada. Saya tidak suka-suka hati untuk melarang siapa-siapa ...

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya tahu, saya terima keputusan Tuan Speaker, itu tidak masalah. Yang dikatakan tadi oleh Machang, keputusan Tuan Speaker harus diikuti does not require repeating. Apa yang penting adalah keputusan rakyat, keputusan pengundi di Machang, itu dihormati.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ada yang minta jalan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Saya sudah kata tadi Yang Berhormat, saya bersedia untuk ditolak oleh rakyat kalau rakyat tidak terima saya, macam Yang Berhormat, Yang Berhormat jangan angkuh bahawa Yang Berhormat akan menang balik, jangan ingat angkuh. Semua keputusan boleh terjadi dalam pilihan raya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Jika pada prinsip lima kali boleh menang Jelutong, menang di Machang atas tiket pembangkang, mana Semangat? Disgraceful, ....unprofessional conduct.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** It is disgraceful to befriended a people like you especially DAP. Very disgraceful..

**Tuan R. Karpal Singh:** Sekarang dia mahu jadi menteri. Hei! Nazri take care of him, ini hipokrit....

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk][Pembesar suara kurang jelas]*

**Tuan R. Karpal Singh:** Ha, tengok itu!...

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk] [Pembesar suara kurang jelas]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, ya....

**Tuan R. Karpal Singh:** Mahu jadi menteri...

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk] [Pembesar suara kurang jelas]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat sekejap.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk] [Pembesar suara kurang jelas]*

**Tuan R. Karpal Singh:** No confidence in court?

**Seorang Ahli:** Yes.....*[Menyampuk]*

**Tuan R. Karpal Singh:** Tengok kelakuan, dulu magistrate....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kita ada lima minit, Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** ....sekarang, you saw that.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, sila teruskan, saya ingat kita boleh berucap tanpa bergaduh.

**Tuan R. Karpal Singh:** 'Makhluk' seperti ini boleh jadi Ahli Dewan Rakyat.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Point of order 36...

**Tuan R. Karpal Singh:** Tidak mahu jadi menteri? Hei! Machang....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Jelutong sila teruskan.

**Tuan R. Karpal Singh:** ....Tidak malu!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat ! Yang Berhormat !

**Tuan R. Karpal Singh:** Sekarang hentam PAS, dulu jadi penyokong PAS...

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Kalau DAP menang awak tak mahu jadi Perdana Menteri? Saya hendak tanya. Umumkan kepada rakyat awak tidak mahu jadi Perdana Menteri. Cuba beritahu Dewan ini.

**Tuan R. Karpal Singh:** Bukan masuk parti lain selepas itu jadi Perdana Menteri. Bukan masuk Barisan selepas itu jadi Perdana Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, cukuplah.

**Tuan R. Karpal Singh:** Jika saya jadi Perdana Menteri, itu daripada DAP.

**Seorang Ahli:** Ya...*[Tepuk]*

**Tuan R. Karpal Singh:** Hah! Mana Semangat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, tidak payah cabarlah, sila teruskan.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan R. Karpal Singh:** 'Makhluk'.....jangan main-main. Jika mahu jadi lawyer pandai, cakap apa-apa yang boleh dipertahankan....

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan R. Karpal Singh:** ...don't go hysterical. Faham!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Point of order 35(1).

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, ya...

**Tuan R. Karpal Singh:** Ya!

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Point of order 35(1) seseorang itu bila bercakap dia tengok Tuan Speaker, ini dia tengok ke sini, saya duduk sini pun berasa lagu hendak tendang dia dah, buat apa tengok sini, tengok Speakerlah 35(1).

**Tuan R. Karpal Singh :** Ini orang seorang gila tak payahlah...

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Hai! *[Ketawa] [Dewan kecoh]*

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Tarik balik! Tarik balik!

**Tuan R. Karpal Singh:** Hei, dalam Dewan ada macam-macam orang! .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, ....

**Tuan R. Karpal Singh:** Ini kategori gila.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Datuk ..... cermat sikit!

**Tuan R. Karpal Singh:** Orang yang tidak waras tidak payah buang masa kerana dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, banyak yang buat objection ....

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Nanti saya tendang dekat luar, suruh dia tarik balik .... 'Dato' Seri' ..err ... Tun .... *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Perkataan 'gila' itu tarik balik.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Datuk! .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Saya minta tarik balik perkataan 'gila'.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Minta dia tarik balik, saya tidak akan duduk kalau dia tidak tarik balik. Dia jangan kurang ajar dalam Dewan ini.

**Tuan R. Karpal Singh:** Awak tak siuman.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** You jangan samseng dalam ini.

**Tuan R. Karpal Singh:** 'Tidak siuman', boleh terima?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** 'Tidak siuman' pun tidak boleh Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tak boleh?

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** You jangan samseng dalam ini ... saya tahu awak ambil sodomy ... awak tak ambil duit saya tahu. Saya tahu sebab ...*[Ketawa]* All the sodomy cases you don't take money, I know *[Ketawa]* You don't worry, it is your hobby, *[Ketawa]* I know, you take back this. Tuan Yang di-Pertua, suruh dia tarik balik.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua, ini jadi standard.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Saya tahu, semua kes dia tidak ambil duit.

**Seorang Ahli:** Mereka dapat freekah, freekah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat!

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Free service.

**Tuan R. Karpal Singh:** Barisanlah ... Barisan Nasional.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, sekejap ya.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Saya bagi 35(1) point of order, sebab saya tidak mahu dia tengok ke sini ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, saya ....

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** ...mesti hormat sama ....

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat faham atau tidak bahawa kalau ramai yang bercakap – ada pembesar suara di sini, terlalu banyak suara masuk, saya pun tak faham yang mana satu bercakap. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Saya nak suruh dia tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Satu perkara, perkara ....

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua, tadi ada dapat peluang untuk menunjukkan kelakuan, ayat yang ada digunakan, ini jadi standard Barisan Nasional.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, saya guna point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Minta tarik balik.

**Tuan R. Karpal Singh:** Orang yang tidak waras sahaja boleh menyuarakan perkataan-perkataan seperti itu.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, ....

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Satu-satu Yang Berhormat, kena tarik balik perkataan 'gila'.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Suruh dia tarik balik perkataan 'gila'.

**Tuan R. Karpal Singh:** Apa yang dikata oleh kedua-dua ekor ini? *[Disampuk]*

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tarik balik, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh ....

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tarik balik perkataan daripada 'babi' ini.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tidak boleh ada double standard.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Itu aku naik marah dah itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Saya ..... saya .....

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua, ....

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, tolong suruh dia tarik balik, jangan bagi kami – tadi giliran dia maki kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sesiapa pun yang melanggar Peraturan Mesyuarat tidak dibolehkan, jadi saya ambil satu-satu. Yang Berhormat telah menggunakan perkataan "gila" dan "ekor" ya? *[ketawa]*

**Tuan R. Karpal Singh:** Dari sana?

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Apa? Apa?

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tarik balik.

**Tuan R. Karpal Singh:** Itu tak apa, dari sana?

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Apa? Apa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Semua tak boleh pakai, perkataan unparliamentary siapa pun tak dibenarkan pakai..

**Tuan R. Karpal Singh:** Boleh memberitahu kepada dia untuk tarik balik?

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Apa dia?

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Suruh dia tarik balik

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Tarik balik apa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Satu...satu...

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Mahu tarik apa, mau tarik serbankah? You pun tak ada serban mahu tarik macam mana?

**Tuan R. Karpal Singh :** Tarik serban!

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Tarik apa? Mahu tarik apa?

**Beberapa ahli ... [Menyampuk]**

**Tuan M. Kulasegaran: [Bangun]**

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Hei, you! Duduklah, duduklah ...apa.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Mahu tarik apa? Apa you mahu suruh saya tarik, cakap saya boleh tarik balik. ...

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Hei Kula duduk! Teluk Intan duduk, you jangan cakap banyak duduk...

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Hei! You suruh tarik apa?

**Beberapa ahli: [Menyampuk]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kalau tidak ada yang hendak dengar keputusan Pengerusi.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker....

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Speaker suruh dia tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya..ya... satu..satu..

**Tuan R. Karpal Singh: [Pembesar suara tidak jelas]**

**Seorang Ahli: [Pembesar suara tidak jelas]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Perkara ini simple, saya nyatakan semua orang faham, siapa-siapa yang melanggar peraturan mesyuarat dia kena bertanggungjawab....

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Saya bangkit point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tidak kira Barisan atau Pembangkang sama sahaja ...

**Tuan R. Karpal Singh:** Bolehkah memperintahkan kedua-dua ekor ini untuk tarik balik?

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Tarik apa?

- Tuan R. Karpal Singh:** Sekarang. ..
- Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Yang di Pertua...
- Tuan Haji Noh bin Omar:** Tarik apa?
- Tuan R. Karpal Singh :** Tidak boleh ada double standard, tidak boleh.
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, saya tanya apa yang hendak tarik balik?
- Tuan R. Karpal Singh :** Sodomy dan sebagai-sebagainya, tarik serban ...
- Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Sodomy, tarik balikkah?
- Tuan Haji Noh bin Omar:** Yang Berhormat yang beritahu. Mana ada sodomy ...
- Tuan R. Karpal Singh:** Ini jadi standard, my God...how these people come here, I can't understand.
- Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Okey you tarik balik.
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat saya telah mengatakan tadi...
- Tuan R. Karpal Singh:** Tidak boleh faham bagaimana boleh masuk Dewan ini.
- Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Saya pun tak faham macam mana "lutong" ini boleh masuk Dewan, saya pun tak faham [*Ketawa*], Macam mana "lutong" boleh masuk Dewan, Tuan Speaker, macam mana lutong-lutong undi dia ni...
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat...
- Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Suruh dia tarik balik, saya tidak akan duduk kalau dia tidak tarik balik. Saya bangkit point of order 35(1).
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Saya ingin menyatakan bahawa saya hanya dengar Jelutong mengatakan "gila" ...
- Tuan R. Karpal Singh:** Lain tidak dengar?
- Timbalan Yang di-Pertua:** ....dan ekor.
- Tuan R. Karpal Singh :** Lain tak dengar, langsung tak dengar..
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kita kena check Hansard
- Tuan R. Karpal Singh :** Tak dengar....
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Saya telah menyatakan ...
- Tuan R. Karpal Singh** Semua sudah dengar, Tuan Speaker tak dengar...
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Saya..saya...
- Tuan R. Karpal Singh:** Jangan macam itu Tuan Speaker.
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Itu saya tanya Yang Berhormat apa yang dia kata?
- Seorang Ahli:** Apa, apa?

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker tidak dengar?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Saya tidak jelas.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tak jelas atau tak dengar ?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tak jelas. Kita boleh check *Hansard*.

**Tuan R. Karpal Singh:** All right check *Hansard* hari Isnin....boleh?

**Beberapa Ahli: [Menyampuk]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Saya rasa I have been fair in this Parliament, saya tak kisah, siapa pun.

**Tuan R. Karpal Singh:** Check *Hansard* hari Isnin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kita boleh check *Hansard*, kita boleh check *Hansard*, siapa-siapa yang melanggar peraturan kena bertanggungjawab.

**Tuan R. Karpal Singh:** Boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Nampaknya kehabisan masa hari ini.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** 35(1).

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kita akan selesaikan pada hari Isnin. Kalau Pokok Sena hendak berdiri terus selepas Dewan ini ditangguhkan ini saya tak tahulah. *[Ketawa]*. Ahli-ahli Yang Berhormat - kalau Yang Berhormat hendak berdiri terus saya tidak ada jurisdiction selepas ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan sekarang sehingga Jam 10.00 pagi hari Isnin.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.*